

Jilid II  
Bil. 60



Hari Khamis  
Ihb Disember, 1988

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUGANNYA**

**PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:**

Cuti kepada Ahli— Kebenaran:

Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Jelutong) [Ruangan 10241]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 10241]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 1989

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.52 [Ruangan 10285]

Maksud B.53 [Ruangan 10357]

**USUL-USUL:**

Anggaran Pembangunan 1989

Jawatankuasa:

Maksud P.52 [Ruangan 10285]

Maksud P.53 [Ruangan 10357]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan  
M [Ruangan 10313]



MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG KEDUA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDULGHAFARBIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO ' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR, SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO ' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan)
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu)
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang)
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ' DR SITI **ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).**
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S.(Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH Kui (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAP BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

- Yang Berhormat DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,  
B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala  
Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE M IN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak  
BerNan).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *allis* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA,  
P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,  
A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

Yang Berhormat TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S.(Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I **(Muar)**.
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK **IN** TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, **J.P.** (Tasek **Gelugor**).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., **S.S.IJ.**, S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).

Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K.,  
S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J.  
(Limbawang).

- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,  
A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,  
S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,  
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandai Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

Yang Berhormat TUAN TIEU SUNG SENG *alias* Tiu SIING SENG (Sibu).

- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.



MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Khamis, Ihb Disember, 1988

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN  
TIMBALAN YANG  
DI-PERTUA**

**Cuti Kepada Ahli—Kebenaran:  
Y.B. Tuan R. Karpal Singh**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25-4-1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Y.B. Tuan R. Karpal Singh, Ahli bagi kawasan Jelutong dari Ihb Disember, 1988 hingga tamat sesi Belanjawan.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**PENGHUNI RUMAH  
KEBAJIKAN—ELAUN  
BIJLANAN**

**1. Tuan Chew Kam Hoy** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

(a) apakah jumlah yang terpaksa dibelanjakan oleh Kerajaan jika

setiap penghuni rumah kebajikan di seluruh negara menerima kenaikan elaun bulanan sebanyak \$20 setiap orang; dan

(b) jika kenaikan elaun bulanan sebanyak \$20 seorang tidak dapat dilakukan, apakah sebabnya memandangkan ekonomi negara dikatakan sedang pulih.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penghuni-penghuni rumah kebajikan yang ditadbirkan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak diberi elaun bulanan kerana kesemua keperluan mereka seperti makan, minum dan pakaian adalah dibekalkan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat. Oleh itu, soal menaikkan elaun bulanan sebanyak \$20 seorang tidak berbangkit. Sekian.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghaffar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini berapakah jumlah penghuni keseluruhannya yang sedang dirawat ataupun yang diberi layanan di rumah-rumah kebajikan dan berapakah jumlah perbelanjaan yang dibelanjakan oleh Kerajaan setiap bulan untuk menampung penghuni-penghuni tersebut.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat. ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dari Batu Berendam.

**Tuan Peter Chin Kah Kui:** Datuk Berendam, Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Batu Berendam, bukan Datuk Berendam.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Batu Berendam, minta maaf. Jumlah orang tua yang ditempatkan di institusi atau rumah orang tua yang ditadbirkan oleh Kementerian ialah 1,243 orang tua. Jumlah perbelanjaan setiap tahun adalah \$447,530.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada Kementerian beliau bercadang untuk mengkaji semula kadar pembayaran bantuan elaun kepada orang-orang tua ataupun pihak-pihak yang kurang bernasib baik yang menerima bantuan kewangan dari Kementerian Kebajikan Masyarakat tiap-tiap bulan. Memandangkan bahawa ekonomi di negara kita pun telah menjadi baik, saya hendak mintalah sama ada Kementerian beliau bercadang untuk mengkaji perkara ini semula, oleh sebab kadar bayaran yang diberikan ini, pada masa sekarang adalah sangat rendah.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Sebenarnya, angka yang saya beri kepada Yang Berhormat dari Batu Berendam tadi adalah salati. Angka yang saya beri tadi bukan untuk angka orang tua yang menjadi penghuni di rumah-rumah orang tua yang ditadbirkan oleh Kerajaan. Sebenarnya angka yang betul ialah 2,145 orang. Saya minta maaf, tidak ada jumlah perbelanjaan yang ada di sini. Jika Yang Berhormat berminat dengan perbelanjaan itu, saya akan menjawab secara bertulis.

Dan untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang itu, memang Kementerian ini sedang membuat kajian tentang kadar bantuan untuk orang-orang tua yang dibayar sekarang iaitu \$30 seorang sebulan. Jika peruntukan atau situasi kewangan membenarkan, memanglah kita akan terus menaikkan kadar bantuan ini. Tetapi mestilah dihadkan kepada kewangan yang sedia ada.

Untuk makluman Yang Berhormat tadi, kita ada peruntukan setiap tahun untuk kadar itu iaitu \$30 seorang sebulan dan jumlah Perbelanjaan setahun ialah \$447,530.

**Tuan Haji Mohamed Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu bahawa banyak orang tua yang ditanggung oleh Kementerian Masyarakat. Bolehkah Yang Berhormat berikan:

- (1) berapa average umur mereka;
- (2) kenapakah begitu ramai sekali;
- (3) apakah sumbangan mereka kepada Kerajaan sambil mereka menunggu Malaikalmaut.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Untuk menjawab ketiga-tiga soalan itu, saya minta notis dan saya akan menjawab secara bertulis.

Tentang untuk average umur, saya boleh jawab di sini iaitu setiap orang tua yang masuk ke rumah orang tua mestitah berumur 60 tahun.

#### PEMILIHAN NAMA SYARIKAT—GARISPANDUAN

2. **Tuan Zubir bin Embong** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sikap Kerajaan terhadap pemilihan dan kelulusan nama-nama syarikat sendirian berhad yang kadangkala bertentangan dengan pembinaan negara Malaysia yang beridentiti.

Apakah garis panduan yang sudah dibuat dan bagaimana perlaksanaannya.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):**

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedar, Kerajaan kini mengamalkan sistem ekonomi yang terbuka dan bebas. Sungguhpun Kerajaan menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia untuk nama-nama syarikat atau nama-nama yang boleh memajukan identiti Kebangsaan Negara akan tetapi pengusaha-pengusaha masih mempunyai kebebasan memilih apa-apa jua nama yang mereka fikir wajar bagi syarikat-syarikat mereka. Sikap ini adalah diikuti memandangkan masyarakat pengusaha-pengusaha dan pelabur-pelabur di negara ini dan luar negeri meletakkan kepentingan yang besar terhadap nama yang dipilih untuk syarikat-syarikat mereka sehingga mempercayai nama yang dipilih itu akan menyumbang kepada kejayaan perniagaan yang akan dijalankan oleh syarikat mereka.

Walau bagaimanapun, kebebasan memilih sesuatu nama syarikat oleh pengusaha-pengusaha adalah dihadkan dengan tiga cara seperti berikut:

- (i) dihadkan oleh undang-undang khas, misalnya penggunaan perkataan "Bank" dan "Syarikat Kewangan" adalah dihadkan oleh Akta Bank 1973 dan Akta Syarikat Kewangan 1969 masing-masing;
- (ii) dihadkan oleh Common Law bersabit dengan "passing off" iaitu penggunaan sesuatu nama yang boleh dikelirukan dengan nama sebuah syarikat yang sedia ada; dan
- (iii) dihadkan oleh peruntukan Akta Syarikat 1965 yang menumukan kehendak

membuat permohonan untuk mendapat kelulusan bagi menggunakan sesuatu nama syarikat terlebih dahulu daripada Pendaftar Syarikat.

Dalam memproseskan permohonan-permohonan mencari nama, Pendatar Syarikat adalah dikehendaki mengikuti suatu garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian dengan kuasanya di bawah Seksyen 22 (1) dan 34 (1) Akta Syarikat 1965. Garispanduan tersebut telah pun diwartakan untuk pengetahuan umum melalui Warta Kerajaan Bilangan 4180 pada 3hb Julai, 1986. Bagi mengelakkan kekecewaan, orang-orang awam adalah dinasihatkan supaya merujuk kepada garis panduan yang tersebut sebelum membuat permohonan kepada Pendaftar Syarikat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, jadi saya boleh pakai apa sahaja nama, kecuali yang telah disebutkan tadi. Contohnya, macam Hantu Raya Sdn. Bhd.; Hantu Jerangkung Sdn. Bhd.; Makan Rasuah Sdn. Bhd. Bolehkah nama-nama yang macam ini kita terima ataupun katakan Anak Sosialis Sdn. Bhd., jadi kita bebas?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyebut kita ada arahan Menteri di bawah Seksyen 22 dan 34 Akta Syarikat 1965. Kalau Yang Berhormat sempat membaca arahan itu, di sini ada mengatakan "nama-namayang mencerca atau yang mungkin dianggap menghina oleh orang-orang awam tidak boleh diluluskan".

**AHLI SAINS ANTARA-BANGSA—KEPAKARAN**

**3. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan

setakat mana matlamat tercapai selepas kita menggunakan kepakaran ahli sains antarabangsa (international scientist) dalam membentuk teknologi untuk menjamin kegunaan hutan kita itu terus dikekalkan (technology for sustained utilisation of the forests).

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah berjaya membentuk beberapa teknologi untuk menjamin kegunaan hutan yang berterusan selepas menggunakan kepakaran ahli-ahli sains asing secara bekerjasama dengan ahli sains dan pengurusan hutan tempatan.

Di antaranya ialah:

- (a) Pembentukan Inventori Hutan Nasional Pertama pada tahun 1968-1975 dan yang Kedua dalam tahun 1981-1982. Dengan adanya inventory hutan ini, plan pengurusan dan pembangunan hutan telah dapat digubal dengan lebih lengkap oleh Jabatan Perhutanan. Pengalaman yang diperolehi dalam Kajian Inventori Hutan Nasional Pertama tahun 1968-1978, secara kerjasama dengan pakar-pakar FAO/UNDP telah membolehkan Jabatan Perhutanan membuat kajian dan membentuk Inventori Hutan Nasional Kedua secara bersendirian.
- (b) Pembentukan Sistem Pengurusan Memilih di mana pusingan tebangan hutan adalah lebih pendek (30 tatiun) berbanding dengan 55 tahun di bawah sistem seragam. Ini telah dapat berhasil berdasarkan kepada Kajian Pembesaran dan Penghasilan yang dijalankan secara bersama dengan pakar-pakar FAO/UNDP pada tahun 1976-1979.

- (c) Teknologi rawatan silvikultur telah dipinda dengan mengecualikan pokok-pokok jenis "Ara" daripada rawatan silvikultur gelang racun setelah kajian Perhilitan dan pakar-pakar Universiti Cambridge mendapati pokok ini amat berguna bagi melindungi kehidupan burung-burung dan monyet di dalam hutan.

Selain daripada pencapaian-pencapaian di atas, kepakaran ahli-ahli sains antarabangsa digunakan juga dalam penyelidikan-penyelidikan keluaran hutan yang menyumbang secara tidak langsung kepada kegunaan hutan yang berkekalan.

Di antaranya penyelidikan-penyelidikan itu ialah:

- (i) Teknologi pemerosesan kayu getah kepada pelbagai jenis barangan kayu diperolehi dengan kerjasama pakar-pakar dari Belgium. Ini memungkinkan tebangan hutan dikurangkan tanpa menjejaskan bekalan kayu-kayan sekiranya perlu dilakukan;
- (ii) teknologi penghasilan perekat (gum) daripada tannin kayu bakau berjaya dihasilkan dengan kerjasama pakar-pakar dari German Barat. Ini boleh dijadikan asas untuk menggalakkan penanaman semula pokok berkenaan secara commercial, dengan izin, dan dengan itu menggagalkan hutan bakau negara;
- (iii) teknologi pembuatan "fibre board" daripada sisa-sisa kayu yang sedang mendapat bantuan pakar-pakar Jepun dan juga German Barat akan membolehkan negara memperoleh hasil yang lebih tinggi tanpa perlu menebang hutan dengan lebih luas jika

berjaya. Begitu juga teknologi pembuatan papan secara "glue lamination" yang sedang mendapat bantuan pakar-pakar dari Jepun;

- (iv) teknologi penghasilan balak yang baik daripada pokok Acacia Mangium secara bekerjasama dengan pakar-pakar dari German Barat akan meminggikan kejayaan usaha pembangunan ladang hutan yang sedang giat diusahakan pada masa ini dan boleh mengurangkan penebangan hutan semula jadi di masa akan datang.

**Tuan Mutang Tagal:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri faedah yang negara kita menikmati daripada kita menganggotai ITTO (International Tropical Timber Organisation) dari segi sumbangan organisasi itu kepada inventori hutan kita dan juga kepakaran dalam menjalankan dasar-dasar mengenai dengan perhutanan di negara kita.

Keduanya, saya ingin tahu sama ada Kementerian mengadakan satu tabung untuk kita mengambil satu syarikat di negara Eropah supaya kita dapat menjalankan satu kempen melawan kempen yang dijalankan oleh para environmentalist di Eropah yang memburuk-burukkan dasar negara kita dalam penggunaan dan perjalanan Dasar Perhutanan Negara.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama, Malaysia banyak sekali mendapat faedah dari penyertaan kita dalam ITTO melalui khidmat-khidmat nasihat dan juga pengalaman-pengalaman yang diperolehi daripada negara-negara lain dalam usaha mempertingkatkan pengurusan hutan negara kita.

Mengenai soalan yang kedua, untuk makluman Yang Berhormat, kempen-kempen yang dijalankan oleh para

environmentalist ini, setakat ini cuma melibatkan tak lebih daripada 250 orang dengan mengadakan tunjuk perasaan secara kecil-kecilan yang disertai oleh antara 10 hingga 20 orang di sesuatu tempat dan kita tidak bercadang untuk mengambil satu badan profesional untuk menguruskan melawan kempen ini oleh kerana kita yakin bahawa kita boleh melawan kempen ini dengan membuat penjelasan-penjelasan dan penerangan-penerangan melalui misi-misi yang kita hantar dari semasa ke semasa.

**Dato' Dr Affudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam pengambilan inventori butan negara, saya ingin tahu apakah item-item yang dahulu disifatkan sebagai "minor forest product" seperti rotan, buluh, akar dan lain-lain dimasukkan juga di dalam inventori ini dan apakah status dan jumpaan-jumpaan mengenai dengan "minor forest product" ini mengikut inventori ini.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah apakah kegunaan-kegunaan kayu daripada Acacia Mangium yang telah dijumpai untuk mendapatkan pasaran yang lebih, khususnya di dalam penggunaan "end-product".

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas mengenai soalan Ahli Yang Berhormat yang pertama tadi, tetapi apa yang dapat saya tangkap ialah bahawa kegiatan usaha-usaha menyelidik hasil-hasil hutan yang kecil-kecilan seperti rotan dan lain-lain ini juga terlibat di dalam usaha penyelidikan yang kita jalankan.

Mengenai soalan yang kedua, penggunaan kayu Acacia Mangium ini kita dapati kayu ini boleh setanding kegunaannya dengan kayu-kayu yang asli di dalam hutan dan amat sesuai untuk digunakan sebagai "panelling"

di dalam rumah dan juga perabot-perabot serta alat-alat kelengkapan yang tidak melibatkan structural bangunan.

#### **PENGGREDAN SEMULA SEKOLAH-SEKOLAH**

**4. Tuan Maidom bin Pansai** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan sedar tentang terdapatnya kejadian di mana beberapa orang guru-guru yang telah menjalankan tanggungjawab sebagai Guru Besar di sesuatu sekolah beberapa tahun lamanya, tetapi sejak lewat ini tiba-tiba pula diturunkan kepada guru biasa:

- (a) kalau sedar apakah sebabnya terjadi demikian sehingga guru-guru berkenaan bersungut kerana merasa teraniaya; dan
- (b) kalau tidak sedar, adakah Kerajaan akan menyasiat sebab-musabab kejadian perkara itu dan seterusnya mengambil sesuatu tindakan yang dianggap perlu demi untuk memperbaiki keadaan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali):** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang sedar tentang adanya perkara ini. Ia berlaku akibat daripada penggredan semula sekolah-sekolah di seluruh Malaysia. Sekolah-sekolah berkenaan telah digredkan kepada Gred A, B, dan C. Dengan ini semua jawatan Guru Besar di Sekolah Rendah dan Menengah yang berkaitan telah dinaikkan daripada jawatan Guru Tingkatan Biasa ke jawatan naik pangkat, seperti jawatan Guru Besar Sekolah Rendah Gred "C" adalah guru C2 Tingkatan Biasa "A". Hal ini juga telah menyebabkan guru yang

masih belum layak dinaikkan pangkat terpaksa bertukar jawatan daripada Guru besar kepada guru biasa. Dengan ini sungutan guru-guru berkenaan yang merasa diri mereka teraniaya adalah tidak benar.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, akibat daripada dasar rombakan dan penggredan sekolah-sekolah wujudlah sekolah Kelas A, B dan C. Di peringkat Gred "C" Guru Besarnya adalah setaraf dengan guru Penolong Kanan "B" ataupun Guru Penolong Hal Ehwal Pelajar "B" dan guru-guru dalam bidang "Ko-ko" (ko-kurikulum). Soalnya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar setelah berlakunya penggredan ini seorang Guru Besar sekolah "C" yang baru dilantik ke jawatan tersebut diturunkan semula pangkatnya kepada Guru Penolong Kanan sekolah "B", bukan sebagai Guru Penolong Kanan I, bukan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar, tetapi ditempatkan Guru Penolong Kanan dalam bidang ko-kurikulum. Sekaligus ini meletakkan guru itu terpaksa bertugas dipadang untuk menyertai permainan dan sebagainya dan ini adalah menjejaskan guru itu sendiri, Apakah perkara ini akan dikaji semula dan diambil perhatian?

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, kerana kes ini melibatkan satu kes yang spesitik, saya amat berterima kasih sekiranya Ahli Yang Berhormat itu dapat menulis surat kepada pihak Kementerian supaya dapat dibuat kajian.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam proses pertukaran dan kenaikan pangkat guru-guru pada tahun ini adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada Guru-guru Besar Sekolah Rendah yang tidak mempunyai kelayakan pelajaran yang tinggi telah

ditukar menjadi Guru Penolong Kanan di Sekolah Menengah. Kalau sedar, mengapa terjadi demikian kerana guru berkenaan tidak dapat menunaikan tanggungjawab sebagai Guru Penolong Kanan di Sekolah Menengah.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya juga serupa dengan jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam (*Ketawa*), silalah tulis surat.

#### DASAR EKONOMI BARU— MENGANTIKAN

**5. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah prinsip dan dasar yang perlu diteruskan selepas tahun 1990 bagi menggantikan DEB (Dasar Ekonomi Baru) yang tamat tempohnya;
- (b) sejauh manakah Kerajaan boleh menjamin yang Hak Ketuanan Melayu menurut Perlembagaan tidak akan terhakis; dan
- (c) adakah penyusunan semula masyarakat dan pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum akan diteruskan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Petua, soalan yang hampir sama telah dikemukakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat semenjak Dewan ini mula bersidang bagi sesi ini. Oleh yang demikian, saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapannya dan berharap Ahli Yang Berhormat boleh menyemak kepada jawapan saya di Dewan ini pada 10hb Oktober, 1988.

#### KEMAS—MEMBEKUKAN PENGAMBILAN

**6. Tuan Michael Asang** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar

Bandar menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menarik balik pembekuan pengambilan Pemaju-pemaju Masyarakat (KEMAS) di Bahagian Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) yang sedang berkuatakuasa di Sabah dan seluruh negeri di Malaysia pada masa ini. Jika ya, bilakah penarikan balik pembekuan tersebut akan dibuat dan jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar hanya membekukan pengambilan secara terus Pemaju Masyarakat. Pembekuan ini dibuat bagi mebolehkan Pemaju Masyarakat yang baru dilantik hanya daripada kalangan Pembantu Masyarakat yang sedang berkhidmat sahaja.

Perlantikan terus akan hanya dilaksanakan selepas semua Pembantu Pemaju Masyarakat yang layak dilantik sebagai Pemaju Masyarakat dilantik.

#### PENTADBIRAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT

**7. Tuan Haji Mohamad Yusoff bin Haji Abdul Latif** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sehingga kini sejauh manakah usaha-usaha telah dibuat oleh LEPAI bagi menyelaraskan pentadbiran dan sukatan pelajaran pendidikan Islam di sekolah-sekolah Agama Rakyat di seluruh negara;
- (b) tindakan Kerajaan bercadang mengambil alih pentadbiran sepenuhnya bagi semua sekolah-sekolah Agama Rakyat yang ada sekarang.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk menyelaraskan pentadbiran sekolah-sekolah Agama Rakyat di seluruh Malaysia, pihak Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) sehingga kini telah pun menggubal satu draf undang-undang Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam di seluruh Malaysia. Undang-undang tersebut telah pun diedarkan kepada negeri-negeri di seluruh Malaysia. Pihak LEPAI mengharapkan supaya undang-undang yang dicadangkan itu akan dijadikan satu enakmen bagi negeri-negeri tersebut dan sehingga ini beberapa buah negeri telah pun meluluskan enakmen tersebut dan diterima pakai di negeri masing-masing. Setelah enakmen tersebut diterima pakai di semua negeri, maka urusan yang berkaitan dengan pelajaran Agama Islam, termasuklah sukatan pelajaran akan dapat diselaraskan.

Bagi soalan (b), Kerajaan Persekutuan tidak bercadang mengambil alih pentadbiran sekolah-sekolah Agama Rakyat di seluruh negara.

**Tuan Haji Mobamad Yusof bin Abdul Latif:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar pihak LEPAI menghadapi masalah kuasa agama di negara-negara yang menjadi penghalang kepada usaha-usaha untuk menyelaraskan, atau dengan lain perkataan, untuk mengambil alih sekolah-sekolah agama rakyat di seluruh negara.

**Tuan Othman bin Abdul:** Sememangnya benar bahawa urusan agama Islam adalah di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri. Dengan sebab itu, Jawatankuasa LEPAI ini telah pun membuat lawatan dan, insya Allah, akan membuat lawatan-lawatan tagi bagi berunding dengan pihak-pihak berkuasa negeri dalam urusan

untuk menjalankan ataupun hendak menjalankan draf yang telah saya sebutkan tadi bagi pentadbiran sekolah-sekolah agama ini.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil alih sekolah-sekolah agama rakyat ini, tinggal lagi diserahkan kepada peringkat pihak berkuasa negeri, tetapi apakah Kerajaan tidak bersimpati dalam bentuk mengeluarkan bantuan ataupun apa jua sokongan bagi menjamin sekolah agama rakyat hidup, kerana sekolah agama rakyat ini mempunyai peranan dan fungsi yang penting, lebih-lebih lagi sebagai satu institusi yang boleh menyuburkan usaha-usaha untuk menegakkan daulah Islamiah dan masyarakat yang bermoral dan berakhlak.

**Tuan Othman bin Abdul:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya saya bersetuju bahawa sekolah-sekolah agama rakyat ini adalah memainkan peranan yang penting ataupun fungsirnya adalah penting dalam usaha untuk membentuk ahli-ahli masyarakat yang berakhlak, bermoral tinggi dari segi Islam. Insya Allah, Kerajaan akan menimbangkan saranan Yang Berhormat itu.

#### LEBUHRAYA UTARA SELATAN— PEMBINAAN

**8. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin** minta Menteri Kerjaraya bercadang membina satu lagi Lebuhraya Utara-Selatan memandangkan kesulitan yang dialami oleh pemandu-pemandu kenderaan apabila lebuhraya yang ada sekarang ini tidak dapat dilalui dan mereka terpaksa di arah ke Utara atau ke Selatan melalui Telok Intan kerana kerosakan jambatan di Sungkai bila berlaku banjir, jika ya, bila dan tidak mengapa.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, saya menggangap soalan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah jalan Ipoh-Kuala Lumpur yang sekarang. Kerajaan memang sedar bahawa jalan tersebut yang menghubungi bahagian Utara ke Selatan terpaksa ditutup baru-baru ini disebabkan oleh kejadian banjir dan kerosakan jambatan di Sungkai, Perak Darul Ridzuan dan Jabatan Kerja Raya telah terpaksa mengarahkan semua kenderaan dari arah Utara dan Selatan supaya menggunakan jalan lain, iaitu dengan melalui Telok Intan.

Kerajaan yakin kesulitan yang dihadapi itu akan dapat diatasi apabila projek Lebuhraya Utara-Selatan yang sedang dilaksanakan siap sepenuhnya dalam jangkamasa 7 tahun lagi.

Mengenai sama ada Kerajaan bercadang membina satu lagi Lebuhraya Utara-Selatan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang membina satu lagi Lebuhraya Utara-Selatan yang baru selain daripada projek Lebuhraya Utara-Selatan yang sedang dilaksanakan oleh Syarikat Plus Berhad pada masa ini.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu bilakah akan bermula pembinaan Lebuhraya dari Ipoh-Kuala Lumpur dan akan diberi kepada berapa sub-kontraktor.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Lebuhraya dari Ipoh-Kuala Lumpur mempunyai beberapa package. Tindakan pertama oleh Kerajaan bersama-sama dengan Plus Berhad ialah kita akan membina atau memulakan kerja di satu rangkaian iaitu dari Ipoh-Bidor tidak berapa lama lagi. Ini masih dalam perbincangan di antara kontraktor-kontraktor dan rekabentuk telah disiapkan lebih dahpada 2 tahun yang

lalu. Saya percaya kerja ini, selepas semua proses, boleh dimulakan dalam bulan Oktober, 1989.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, banyak dipercakapkan mengenai Lebuhraya Utara-Selatan. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat kita sudah ada kapalterbang pergi Sabah dan Sarawak dan ada kapal laut. Adakah rancangan pihak Kerajaan kalau tidak ada lebuhraya di Sarawak yang betul, adakah rancangan Kerajaan untuk membina lebuhraya bawah dasar laut daripada Semenanjung ke Sarawak dan Sabah. *(Ketawa)*

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya boleh—apabila Yang Berhormat jadi Menteri Kerjaraya. *(Ketawa)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mobamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.**

*(Soalan No. 9 Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Haji Nik Abdullah bin Arshad.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No.10.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Soalan No 10 (Tiada Menteri menjawab).** Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Yang di-Pertua. . . .

**Dato' Alias bin Md. Ali:***(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ada yang hendak menjawab soalan yang ke 10? Ada.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Tuan Yang di-Pertua. ....

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ramai yang boleh menjawab Yang Berhormat.

**Tuan Haji Nik AbduUah bin Haji Arshad:** Saya tidak puas hati jawapan yang mewakili, sebab Menteri ada, Timbalan Menteri ada, Setiausaha Parlimen ada, macam mana-seorang pun tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat duduk!

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Macam mana seorang pun tidak ada, apa guna lantik tiga-tiga. (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, duduk! Nanti Yang Berhormat, tidak apa. Yang Berhormat duduk!

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Ini orang yang dua gaji-dua gaji orang ini. (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Soalan-soalan yang dibuat oleh mana-mana Ahli Parlimen boleh dijawab oleh mana-mana wakil Kerajaan di sebelah sini. (*Tepuk*)

#### SKIM ASN BAGI MURID-MURID

**10. Tuan Haji Nik Abdullah bin Arshad** minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa ASN adalah masih belum difatwakan halal atau haramnya:

(a) adakah beliau berhajat untuk menghentikan skim yang

disertai oleh para murid atas galakan guru atau pihak Kementerian Pendidikan;

(b) adakah beliau sedar bahawa guru-guru telah menggalakkan dan mendorongkan murid-murid menyertai skim ASN itu;

(c) kalau beliau tahu, dapatkah dinyatakan bilangan murid yang terlibat dan jumlah yang telah dikumpulkan; dan

(d) bersediakah Menteri berkenaan minta maaf kepada ibu bapa murid kerana membabitkan anak-anak mereka dalam skim yang dipertikaikan halalnya itu.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat, dari Pengkalan Chepa itu baru menjadi Ahli-patut dia baca Standing Orders dahulu sebelum membuat bantahan. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekim Amanah Saham Nasional yang tertubuh pada 20hb April, 1981 ialah satu langkah Kerajaan dalam usaha mendorong Bumiputera yang layak untuk membuat tabungan dengan hasrat untuk berjimat cermat di mana skim simpanan ini adalah dikendalikan oleh agensi Kerajaan sendiri. Skim ASN ini adalah terhad kepada pelabur Bumiputera yang berumur 18 tahun ke atas sahaja. Ini bererti golongan yang terlibat dengan skim ini adalah golongan yang tetahpun berada di tahap aqil baligh, iaitu lebih daripada 15 tahun ke atas dari segi pandangan Islam. Berkait dengan soalan Ahli Yang Berhormat, maka tindakan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan adalah sebagai suatu usaha menggalakkan pelajar-pelajar yang mempunyai syarat-syarat tersebut dan tidak ada sebarang paksaan terhadap pelajar-pelajar tersebut. Di samping itu wajar dimaklumkan bahawa hanya sebilangan kecil sahaja yang terlibat dengan skim ini di bawah keputusan yang diambil oleh pelajar sendiri.

Sebenarnya istilah Bumiputera juga tidaklah terbatas kepada pelajar-pelajar yang beragama Islam kerana di Sabah dan Sarawak ramai pelajar-pelajar Bumiputera bukan Islam juga layak untuk menikmati skim ASN ini.

Mengenai soal halal haram urusan ini tidaklah harus dibangkitkan kepada Kementerian Pendidikan kerana pihak Kerajaan telahpun mempertanggungjawabkan hal ini di bawah Bahagian Khas Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri sendiri. Oleh itu soal sama ada Yang Berhormat Menteri perlu minta maaf adalah tidak berbangkit sama sekali. Lagi pun dalam soalan Yang Berhormat tadi jelas timbul pertelagahan di dalam Bahagian Pertama, beliau menyatakan bahawa ASN ini masih belum difatwakan halal-haramnya sedangkan di bahagian (d) pula mengatakan bahawa skim ini dipertikaikan halal-haramnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sejak ASN ditubuhkan pada tujuh tahun yang lalu seramai 144,161 orang pelajar daripada 201,781 orang yang layak iaitu 56.57% telah pun menabung dengan ASN. Nilai pelabur bersih sehingga 31hb Julai, 1988 ialah \$72 juta. Kumpulan pelajar yang dimaksudkan oleh ASN ini ialah mahasiswa di universiti, pelatih-pelatih di maktab-maktab perguruan dan pelajar-pelajar dari Tingkatan Enam.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, mereka ini telah pun keluar daripada institusi-institusi pengajian tinggi tersebut tetapi masih dikategorikan sebagai golongan pelajar oleh ASN.

Sebagai maklumat tambahan, Kementerian Pendidikan juga telah mengadakan Program Pendidikan Pelaburan Sekolah. Ianya telah diperkenalkan di 375 buah sekolah rendah dan ianya merupakan satu

pendedahan kepada pendidikan yang menekankan ciri-ciri berjimat-cermat. Program ini dikendalikan sebagai satu kegiatan ko-kurikulum sekolah.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada Timbalan Menteri mewakili memberi jawapan . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada soalankan atau tidak?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Soalan-soalan. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan. Mereka ini pintar-pintar belaka, saya yakin.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Takkan hendak terus selalu. (Ketawa)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan kepada soalan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Kena duduk dahulu, kena basuh tangan, kena Bismillah, baru boleh makan. (Ketawa) (Tepuk)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mengikut apa yang saya faham dari jawapan wakil Kementerian tadi tidak tepat dengan soalan saya sebab soalan saya pokoknya untuk menentukan masalah halal haram kerana satu ketika dahulu saya telah mendedahkan dalam Dewan ini, bagi PAS, ASN ini haram. Saya disekat oleh Tuan Yang di-Pertua untuk bercakap. Jadi, hari ini saya ingin tahu kalau sekiranya benda ini ia menyentuh hukum tidak tahu

halal haram, tiba-tiba pihak Kementerian ataupun Kerajaan menggalakkan sampai ke peringkat murid, bagaimana kalau benda ini haram dan siapa akan bertanggungjawab dosa manusia-manusia yang terlibat sebab saya dapati orang yang terlibat dengan ASN ini juta ahlinya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Itu sahaja soalnya?

**Tuan Haji Nik AbduUah bin Haji Arshad:** Soalan sudah ada, saya timbulkan balik. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sudah ada, tidak boleh.

**Tuan Haji Nik AbduUah bin Haji Arshad:** Saya timbulkan batik untuk jawapan tepat. Jadi, jawapan tidak tepat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Moharaed Amin bin Haji Daud):** Soalan tidak semesti dijawab mengikut kepuasan hati. Kalau Yang Berhormat tidak puas hati, tidak ada apa-apa yang boleh dibuat.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Itulah saya tidak mahu orang lain yang menjawabnya, fasal inilah (*Ketawa*). Terima kasihlah, tidak apalah.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan itu. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa memikirkan bahawa di dalam dunia ini, di dalam Malaysia ini beliau seorang sahajalah authority dalam agama yang boleh menentukan halal haramnya, maka saya fikir pendapat beliau itu salah sebab dalam Malaysia ini dan dalam dunia ini banyak lagi pakar-pakar agama selain daripada Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa (*Tepuk*) dan kita tidak boleh menggunakan akal atau pendapat seorang sahaja alim ulama untuk

menentukan sesuatu hukum yang melibatkan ramai orang.

Soalan beliau sama ada apa jadi selepas didapati bahawa ASN ini haram, apa jadi selepas itu kita fikirkanlah selepas itu, jangan kita fikir sebelum itu — "We will cross the bridge when we come to it", orang Putih kata begitulah. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan daripada Yang Berhormat, Timbalan Menteri yang saya kira jawapan itu disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan, walaupun masalah haram halal ini dipertanggungjawabkan kepada Majlis Fatwa ataupun Majlis Hal Ehwal Agama, apakah Kementerian Pendidikan sudah merujuk perkara ini kepada Majlis Patwa yang dimaksudkan dalam hubungan masalah ASN ini?

Yang kedua, saya hendak minta daripada Timbalan Menteri, bolehkah sampaikan pesan kita kepada Menteri Pendidikan oleh kerana beliau juga sebagai Pengerusi Badan Perunding Islam, yang saya kira beliau seharusnya tahu dalam hal yang dimaksudkan ataupun dalam soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen dari Pengkalan Chepa tadi.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkara ini masih lagi dalam kajian Jawatankuasa Patwa Negara dan sebelum mereka ini membuat keputusan, tidaklah wajar untuk kita membuat kesimpulan di dalam Dewan ini dan mempertanggungjawabkan kepada satu pihak yang lain untuk membuat kesimpulan sebelum ada keputusan yang rasmi daripada Majlis Fatwa. Soal untuk membawa pesan kepada Yang Berhormat Menteri, insya Allah, boleh.

### PROJEK LEBUHRAYA TELUPID—SANDAKAN

**11. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada benar semua pentadbir dan jurutera dari MINCO yang terlibat dalam projek Lebuhraya Telupid-Sandakan telah diganti atas sebab kelewatan dan penyelewengan yang berlaku dalam projek tersebut; sama ada penanguhan projek tersebut akan melewatkan penyiapannya dan sama ada benar Bank Dunia telah mengugut untuk menarik balik pinjaman yang diberikannya kepada projek tersebut.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, mengenai projek jalanraya Telupid-Sandakan, sukalah saya memaklumkan bahawa kerja mengawasi projek tersebut adalah dijalankan oleh Syarikat MINCO bersama-sama dengan dua syarikat lain iaitu Syarikat Peter Praenkal International dan Konsultan Kumpulan (MT) Sdn. Bhd.

Adalah tidak benar bahawa semua pentadbir dan jurutera dari MINCO yang terlibat dalam projek jalanraya Telupid-Sandakan telah diganti atas sebab kelewatan dan penyelewengan yang berlaku dalam projek tersebut.

Walau bagaimanapun, saya telah difahamkan bahawa MINCO telah menukarkan beberapa kakitangannya untuk kepentingan perkhidmatan dan ini adalah perkara biasa dalam sesebuah organisasi syarikat dan kekosongan tersebut telahpun diisikan. Oleh yang demikian, tuduhan bahawa pertukaran kakitangan akan melibatkan penanguhan projek tersebut dan melewatkan penyiapannya adalah tidak benar kerana kakitangan yang ditukarkan terus digantikan. Mengenai ugutan Bank Dunia untuk menarik balik pinjaman kerana sebab-sebab di atas, adalah tidak benar dan tidak berasas sama sekali.

### JAMBATAN MENYEBERANG SUNGAI MUDA

**12. Tuan Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof** minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang membina sebuah jambatan menyeberangi Sungai Muda bagi kemudahan penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan Permatang Bendahari, Pulau Mertajam, Bakau Tua, Pasir Gebu serta kawasan yang sekitar dengannya di daerah Seberang Perai Utara untuk pergi ke Kota Kuata Muda, Permatang Kelumpang, Sungai Emas, Pantai Merdeka di daerah Kuala Muda, Kedah Darulaman. Selama ini penduduk tersebut menggunakan jalan raya melalui Tikam Batu untuk sampai ke destinasi tersebut.

**Dato S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan projek pembinaan jambatan Permatang Bendahari di Kota Kuala Muda adalah merupakan sebahagian daripada jalan-jalan Negeri yang dilaksanakan di bawah Program Jalan Luar Bandar. Saya telah ditahamkan bahawa pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun memohon kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar peruntukan sebanyak \$16 juta untuk petaksanaan projek tersebut di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Walau bagaimanapun, saya difahamkan juga perkara ini masih dalam pertimbangan.

### PROJEK JALAN LINTAS KOTA KINABALU

**13. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah anggaran perbelanjaan untuk pembinaan apa yang dipanggil "Jalan Lintas" (Jalan Kerabar) yang menghubungkan Batu 51/2, Jalan Tuaran hingga Batu 7, Jalan Kepayan. Berapa fasa atau peringkat Projek Persekutuan ini dibahagikan. Dan bilakah setiap fasa ini dijangka siap.

Memandangkan lalulintas yang sibuk di pusat Kdta Kinabalu, adakah Kementerian beliau akan mempercepatkan pelaksanaan pembinaan jalan tersebut untuk mengelakkan kesibukan talulintas di Kota Kinabalu.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, projek Jalan Lintas Kota Kinabalu yang menghubungkan Batu 5W, Jalan Tuaran hingga Batu 7, Jalan Kepayan meliputi pembinaan dua hala sepanjang 12.0 kilometer dan anggaran kosnya adalah sebanyak lebih kurang \$60 juta.

Memandangkan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kelima adalah terhad, oleh itu pembinaan jalan itu terpaksa dibahagi kepada dua fasa.

Setakat ini, hanya fasa pertama iaitu jalan yang menghubungkan Tuaran dan Jalan Kolam yang panjangnya 5.5 kilometer sedang dilaksanakan. Projek itu telah dimulakan dalam bulan November 1986 dan dijangka siap dalam bulan Mei 1989. Walau bagaimanapun, kontraktor bagi jalan ini telah mengalami kesulitan yang menyebabkan pelaksanaan projek tergendala dan kontrak tersebut telah dimansuhkan atau terminated, dengan izin, pada 30hb Oktober, 1988 yang lalu. Langkah-langkah sedang diambil untuk menender semula projek berkenaan dan adalah dijangka projek tersebut akan dapat dimulakan semula pada bulan Jun 1989 dan dijangka dapat disiapkan bulan Mac 1990.

Mengenai fasa kedua, iaitu daripada Jalan Kolam melalui Jalan Penampang ke Jalan Kota Kinabalu/Papar, peruntukan tambahan belum diluluskan.

#### **GURU PELATIH DI SEKOLAH RENDAH**

**14. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Pendidikan menyatakan adajach sesuai guru-guru pelatih

dihantar untuk mengajar murid-murid Darjah Satu di Sekolah-sekolah Rendah tanpa kehadiran pensyarah dan nyatakan sama ada program begitu akan menjejaskan pendidikan murid-murid. Nyatakan sama ada Kementerian akan menimbang memberhentikan praktik (practice) begitu, apabila murid-murid di Sekolah Rendah, khasnya murid-murid Darjah Satu masih dalam proses untuk menyesuaikan diri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kementerian Pendidikan, sila jawab soalan yang ke-14.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua . . . .(Disampuk)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat tunggu, ada jawapan, sabar sedikit.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat boleh bersabar, setiap soalan ada jawabannya. (Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar anggapan yang mengatakan guru-guru pelatih menjalankan latihan mengajar tanpa kehadiran pensyarah. Guru-guru pelatih yang dihantar untuk latihan mengajar di sekolah dari semasa ke semasa diselia oleh pensyarah masing-masing dalam tempoh latihan tersebut. Mereka ditempatkan di kelas-kelas yang tertentu sahaja. Ini selaras dengan arahan dan surat-surat pekeliling mengenai penentuan latihan mengajar yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan. Kementerian tidak akan memberhentikan amalan ini memandangkan latihan mengajar adalah satu proses yang penting dalam program pendidikan guru-guru.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amln bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Nurnikman bin Abdullah.

*(Soalan No. 25 Y.B. Tuan Nurnikman bin Abdullah tidak hadir).*

#### DAFTAR PENGUNDI—NAMA-NAMA YANG HILANG

**16. Tuan Teoh Teik Huat** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar akan aduan-aduan bahawa nama-nama telah hilang dari daftar pengundi sewaktu pilihanraya. Jika ia, apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan bahawa perkara begini tidak akan berlaku supaya orang ramai tidak dinafikan hak-hak perlembagaan mereka untuk membuang undi;
- (b) kenapakah Suruhanjaya Pilihanraya tidak berapa gemar untuk mengadakan pendaftaran pengundi secara automatik sepanjang tahun di mana sesiapa sahaja yang telah mencapai umur 21 tahun dan layak boleh pergi ke mana-mana pusat yang telah ditetapkan untuk mendaftar sebagai pengundi; dan
- (c) memandangkan kepada peraturan rendah pengundi-pengundi yang keluar membuang undi seperti yang dapat dilihat di Pilihanraya Kecil Johor Bahru baru-baru ini di mana hanya 61.52% yang keluar mengundi dan purata kebangsaan lebih kurang 70% yang keluar mengundi semasa pilihanraya umum, adakah Perdana Menteri akan mengambilkira supaya diwajibkan mengundi. Jika ia, bila dan jika tidak, kenapa.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) aduan-aduan sentiasa diterima apabila diadakan pilihanraya mengenai nama-nama yang telah hilang dari Daftar Pemilih. Semakan dan penelitian telah dilakukan atas aduan-aduan tersebut. Apa yang selalu didapati ialah nama-nama pemilih yang berkenaan bukanlah hilang atau tercicir daripada daftar tetapi nama itu didapati di lain-lain bahagian pilihanraya terutamanya di bahagian-bahagian yang berdekatan. Menyentuh tentang perkara ini, pemilih-pemilih berkenaan sepatutnya membuat semakan rang daftar pemilih dipamerkan tiap-tiap tahun sebelum disahkan bagi menentukan nama mereka ada tercatat atau tidak dalam daftar-daftar pemilih berkenaan. Tempoh pameran ditetapkan khusus bagi memberi peluang kepada pemilih-pemilih untuk membuat tuntutan dan bantahan jika nama-nama mereka tidak didaftarkan atau didaftarkan di luar kawasan yang mereka kehendaki atau tidak patut didaftarkan sama sekali. Perkara ini adalah ditetapkan oleh undang-undang pilihanraya dan terpulanglah kepada mereka untuk membuat semakan tersebut. Jika peluang ini tidak diambil oleh pemilih Suruhanjaya Pilihanraya tidak sepatutnya dipersalahkan. Ahli Yang Berhormat yang berkenaan seharusnya mengetahui tatacara seperti ini dan membantu pengundi-pengundi untuk menyemak nama semasa pameran diadakan.
- (b) soal tidak gemar untuk mengadakan pendaftaran

pengundi secara automatik sepanjang tahun di mana sesiapa sahaja yang telah mencapai umur 21 tahun dan layak boleh pergi ke mana pusat yang telah ditetapkan untuk mendaftar sebagai pengundi tidak timbul. Undang-undang sekarang tidak membolehkan gerakan seperti itu dijalankan. Walau bagaimanapun Suruhanjaya Pilihanraya sedang menyemak undang-undang berkenaan untuk dipinda bagi membolehkan pendaftaran sepanjang tahun dilaksanakan.

- (c) urusan membuang undi adalah hak asasi seseorang warganegara dan Kerajaan tidak bercadang untuk mewajibkan setiap warganegara keluar mengundi. Purata Kebangsaan bagi pembuangan undi adalah antara 70%-75%. Peraturan ini adalah dianggap memuaskan sekarang.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai pendaftaran pemilih, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah beliau sedar apabila setiap kali Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan kempen untuk mendaftar pemilih, kami sebagai Ahli Parlimen ataupun Wakil Rakyat selalu berhasrat membantu Suruhanjaya tersebut, tetapi setiap kali kita tidak boleh mendapat kerjasama yang penuh dari pihak tertentu? Nampaknya mereka berfikir kita ingin melancarkan sesuatu. Jadi pihak Suruhanjaya Pilihanraya nampaknya tidak jujur dan ikhlas sebab dari jawapan. ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Apa soalan Yang Berhormat?

**Tuan Hu Sepang:** Soalannya sekaranglah (*Ketawa*), apa yang saya capak semua soalan itu. .... (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Itu belum lagi, itu rungutan, Yang Berhormat berungut tidak puas hati. Saya hendakkan soalan.

**Tuan Hu Sepang:** Ya, soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan.

**Tuan Hu Sepang:** Ini memang semua soalan . . . . . (*Ketawa*)

Soalan saya tadi, Tuan Yang di-Pertua mungkin tidak dengar (*Ketawa*). Saya sudah tanya beliau adakah beliau sedar. ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya dengar, tetapi Yang Berhormat buat tidak faham.

**Tuan Hu Sepang:** Jadi . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan.

**Tuan Hu Sepang:** Terima kasih. Jadi kalau beliau sedar, apakah langkah akan diambil supaya boleh memastikan kerjasama penuh akan diberikan kepada kita 'sebagai ahli Parlimen ataupun Wakil Rakyat dalam urusan mendaftarkan pemilih ini.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, soal jujur, tidak jujur tidak timbul sebenarnya.

Saya hendak menyatakan kepada Yang Berhormat bahawa tugas sebagai seorang ahli politik ialah menyedarkan ahli-ahli masyarakat untuk mendattarkan diri sebagai pemilih. Jadi kalau Ahli Yang Berhormat sendiri yang mengisi borang, bawa borang sudah pasti kita mempersoalkan sama ada calon atau pemilih itu benar-benar wujud atau tidak, tetapi kalau sekiranya kita menyedarkan masyarakat, ahli masyarakat yang berumur 20 tahun ke

atas untuk mendaftarkan diri sudah pasti dan saya amat yakin bahawa pihak Suruhanjaya Pilihanraya akan bekerjasama sepanjang masa.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengapa pihak Suruhanjaya Pilihanraya tidak sanggup untuk mengadakan pendaftaran pemilih yang dijalankan sepanjang tahun dan secara wajib memandangkan bahawa kalau sistem ini dapat dilaksanakan, maka ia akan dapat memaksimumkan pemilih-pemilih yang dapat didaftarkan.

Yang kedua, saya ingin mendapat tahu sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk menghantar pegawai-pegawai daripada Suruhanjaya Pilihanraya ke negara-negara lain, di mana terdapat sistem pendataran pemilih yang berkesan seperti yang dilaksanakan di New Zealand sebagai satu cara untuk memperbaiki jentera Suruhanjaya Pilihanraya dalam melaksanakan tugas untuk mendaftarkan pemilih-pemilih.

**Tuan Othman bin Abdul:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah sebutkan tadi bahawa pihak Suruhanjaya Pilihanraya sedang menimbang untuk menggubal undang-undang bagi memulihkan pendataran dilaksanakan sepanjang tahun.

Soal mewajibkan setiap warganegara mendaftarkan diri, Kerajaan tidak bercadang, sebab kalau kita mewajibkan, sebenarnya ia melibatkan implikasi undang-undang yang besar, setiap warganegara yang tidak berdaftar mungkin kita ada 16 juta, 4 juta tidak daftar, jadi Kerajaan terpaksa mengambil tindakan ke atas 4 juta itu. Ini contoh atau misalan, sudah pasti Kerajaan akan menghadapi masalah hendak mengenakan dan menguatkuasakan undang-undang terhadap orang-orang yang kita buat undang-undang itu.

Yang kedua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana menunjukkan contoh di New Zealand. Kerajaan dan pihak Suruhanjaya Pilihanraya di mana-mana pun akan mengambil pandangan ini atau jika sekiranya kita menganggapkan ada contoh-contoh yang baik, maka kita, insya Allah, akan mempelajari ataupun akan menyemak semula dan menghantar pegawai-pegawai kita untuk mengikuti kursus atau dapat mengkaji sistem yang lebih baik, yang dianggapkan lebih baik bagi negara kita. Buat masa ini kita menganggapkan, Kerajaan menganggapkan bahawa sistem yang ada sekarang ini adalah yang baik buat masa ini.

## PENGELAKAN BAYAR CUKAI

**17. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah kasar hasil dalam negeri yang tidak dapat dikumpul oleh penyelewengan dan pengelakan membayar cukai oleh orang-orang yang mampu membayarnya dan apakah langkah-langkah yang berkesan yang telah, sedang dan akan diambil.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan bahawa Kerajaan memang sedar ada berlakunya pengelakan cukai, tetapi jumlah kasar cukai yang tidak dipungut oleh kerana pengelakan dan penyelewengan tidaklah dapat dinyatakan kerana tidak ada rekod mengenainya.

Langkah-langkah berkesan yang telah, sedang dan akan diambil bagi mengendalikan pengelakan cukai adalah seperti berikut:

- (i) pemeriksaan terperinci ke atas akaun dan penyata yang dikemukakan;
- (ii) menyiasat kes-kes yang disyaki dengan menyemak

rekod dan memeriksa premis perniagaan dan kediaman pembayar cukai;

- (iii) melawat pembayar cukai di tempat perniagaan mereka untuk mencatat butir-butir untuk tindakan lanjut.
- (iv) mendapatkan maklumat dari berbagai punca seperti Jabatan-jabatan Kerajaan mengenai pembayaran pendapatan, pemerolehan harta, penerimaan kontrak dan sebagainya oleh pembayar cukai; dan
- (v) mengambil tindakan mahkamah ke atas mereka yang gagal mengemukakan penyata berkenaan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, semenjak langkah-langkah yang disebutkan tadi diambil, termasuklah melawat rumah-rumah, melawat pejabat-pejabat, memeriksa fail-fail peribadi, memasukkan tangan dalam poket-poket, misal kata, orang yang disyaki itu, adakah berbeza di antara masa mulanya dasar itu dilaksanakan dengan masa yang program seumpama itu tidak dilaksanakan di masa lepas.

Yang keduanya, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kadangkala penyiasatan yang dilakukan itu tidak menampakkan keseimbangan kerana didapati bahawa mereka yang kecil-kecil, yang tidak kita sangka disiasat, tetapi yang lepas itu ialah yang besar, yang dengan mata kasar memang nyata mungkin mendapatkan pendapatan dengan cara yang tidak betul. Jadi bagaimana tindakan diambil oleh pihak Kementerian.

**Tuan Othman bin Abdul:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama tentang perbezaan. Rancangan atau program mi baru saja dijalankan dan insya Allah, kita akan dapat lihat kejayaan rancangan ini dalam tahun-tahun yang akan datang bagi

mengambil atau memungut semula cukai-cukai yang tidak dibayar. Soal yang kedua, saya menyatakan bahawa tuduhan ini adalah tidak benar sama sekali bahawa pihak Cukai Pendapatan yang berkaitan pemungutan cukai atau lain-lain badan yang berkaitan dengan pemungutan cukai tidak kira sama ada seorang itu kecil atau besar. Tetapi kalau sekiranya besar yang mungkin tidak terlibat, saya mohon dari Yang Berhormat supaya dapat memberitahu kepada pihak Kementerian, Cukai Pendapatan misalnya untuk kita buat suatu assessment atau kajian penelitian ke atas orang-orang seperti ini.

### SUNTIKAN RUBELLA

**18. Tuan Mohamad bin Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan iaitu sehingga sekarang berapa ramai wanita yang telah melaksanakan suntikan Rubella di seluruh negara. Bagaimanakah sambutannya berhubung dengan kempen suntikan tersebut. Sekiranya kurang menggalakkan apakah sebab-sebabnya berlaku demikian.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dr Ting Chew Peh):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir bulan Oktober 1988, sejumlah 1,280,776 orang wanita telah mendapatkan suntikan Rubella. Dari jumlah ini, seramai 548,556 orang adalah murid-murid perempuan di sekolah menengah sementara 732,220 orang adalah kaum wanita dalam lingkungan umur 15 hingga 44 tahun. Angka-angka ini menunjukkan bahawa sambutan di kalangan kaum wanita terhadap suntikan Rubella amatlah menggalakkan.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah beliau sedar bahawa salah satu sebab yang menjadi halangan suntikan Rubella adalah dari pihak suami. Menurut mereka apabila isteri mereka

itu menerima suntikan Rubella, isteri mereka tidak membenarkan suami menyentuh atau mengusik mereka selama 3 bulan (*Ketawa*). Ini adalah satu masalah yang amat susah bagi suami. Apakah langkah atau penerangan Kementerian Kesihatan kepada pihak suami? Ramai isteri suka dengar apa suami cakap—kalau suami kata boleh menerima suntikan Rubella, isteri ikut, jadi target itu pada suami, bukan isteri. Terima kasih.

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sambutan yang begitu baik dari pihak wanita maka saya rasa halangan daripada pihak suami itu tidak begitu besar seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Rasah.

#### PEMINDAHAN PENDATANG HARAM DI PULAU BIDONG

**19. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan bagaimanakah kedudukan terakhir mengenai pemindahan pendatang haram di Pulau Bidong, ekoran dari lawatan Timbalan Perdana Menteri ke Vietnam baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Allas bin Md Ali):** (*Bangun*)

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulainui):** Tuan Yang di-Pertua, soal Ahli . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Seorang saja, tidak boleh dua. Dua orang bangun tadi. Seorang saja boleh menjawab.

**Dato' Alias bin Md Ali:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

Soalan Ahli Yang Berhormat ini telah pun dijawab ketika menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Tasik Gelugor pada 29-11-1988 dan saya tidak ada apa-apa tambahan yang hendak dibuat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masa sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9,15 dan 20 hingga 23 adalah diberi di bawah ini*).

#### TELEFON—GANGGUAN. CROSS-LINE

**9. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada pihak Kementerian berkenaan sedar bahawa talian panggilan telefon di negeri Sabah sentiasa ada gangguan "cross-line". Jika ya, apakah tindakan pihak Kementerian terhadap masalah ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim):** Gangguan "cross-line" memang berlaku sekali sekala bukan sahaja di Sabah malahan di Semenanjung jua. Gangguan seperti ini sangat sukar dikesan dengan teknologi yang ada. Ianya mungkin berpunca daripada keadaan cuaca buruk atau panggilan ke sesuatu ibu sawat melebihi tahap yang sepatutnya.

Sungguhpun gangguan seperti ini sukar dikesan, namun STM sentiasa berusaha mengatasi perkara ini.

#### PEMILIK TY/RADIO TANPA LESEN

**15. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Penerangan menyatakan berapa ramai pemilik TV dan radio tanpa lesen yang telah dikesan

dan didakwa dan berapakah jumlah yang terlibat. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railay bin Jafrey):** Pertanyaan Yang Berhormat tadi tidak memberi tempoh jangka masa yang tertentu. Walau bagaimanapun saya suka memberi jawapan bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

Tahun	Pemilik Radio Yang Berlesen Yang Didakwa	Pemilik TV Tidak Didakwa Yang Didakwa
1985 .. ..	1,388 orang	6,463 orang
1986 .. ..	1,155 orang	9,098 orang
1987 .. ..	2,289 orang	14,174 orang

Kebanyakan pemilik radio atau televisyen yang tidak berlesen merupakan kalangan mereka yang gagal membaharui tesennya atas sebab-sebab terlupa atau kehilangan lesen.

Bagi mengatasi masalah ini Kementerian Penerangan sedang mengkaji untuk memperolehi khidmat komputer bagi memperkemaskini rekod-rekod lesen dan juga untuk kerja-kerja penguatkuasaan. Dengan itu pemilik-pemilik lesen dapat diberi peringatan lesen dengan lebih berkesan buat masa ini.

Buat masa ini Kementerian ini senantiasa mengingatkan pemilik-pemilik radio dan televisyen supaya berlesen melalui surat-surat peringatan, pengumuman-pengumuman siaran radio dan televisyen, akhbar-akhbar tempatan dan Unit bergerak Jabatan Penerangan. Selain daripada itu pegawai-pegawai penguatkuasaan juga senantiasa menjalankan penguatkuasaan dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka yang didapati tidak berlesen.

## RROJEK LEBUHRAYA GENTING HIGHLAND-BUKIT FRASER-CAMERON HIGHLAND

**20. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa cadangan projek lebuhraya \$600 juta untuk menyambung Bukit Genting Highland, Bukit Praser dan Cameron Highland ialah kes yang tidak dianggap keutamaan dan penggunaan wang rakyat dengan tidak bijak jika sedar, sama ada beliau akan membatalkan projek ini dengan mengutamakan lain-lain projek utama.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Sany Vellu):** Adalah tidak benar untuk menyatakan bahawa projek jalan raya Genting Highland-Bukit Praser-Cameron Highland, yang bernilai \$600 juta itu sebagai projek yang dianggap tidak keutamaan dan penggunaan wang rakyat yang tidak bijak. Pembinaan jalan tersebut yang panjangnya lebih kurang 240 km dan melalui negeri-negeri Pahang, Perak dan Selangor akan dapat memberikan faedah yang besar kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara. Pembinaan jalan tersebut juga akan membolehkan penyelidikan pertanian dan pembukaan tanah-tanah pertanian yang baru bagi tanaman-tanaman yang sesuai dengan iklim tanah tinggi dan adalah dijangkakan bahawa sebanyak 45,000 hektar tanah untuk penanaman sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga akan dapat dibuka dan diusahakan.

Pembinaan jalan tersebut juga akan membolehkan usaha-usaha mencari bahan-bahan galian di kawasan ini dijalankan dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan-kawasan tanah tinggi di negara kita juga mempunyai potensi untuk dimajukan dari segi bahan-bahan galian seperti zink, timah hitam, tembaga, tanah liat untuk pembuatan tembikar dan lain-lain galian yang berharga, yang

sebelum ini tidak dapat diusahakan oleh kerana ketiadaan infrastruktur ke kawasan tersebut,

Selain daripada itu, projek ini juga akan dapat meningkatkan lagi industri pelancongan yang akan menarik lebih ramai pelancong yang bukan sahaja dari dalam negeri, tetapi juga dari luar negeri, terutama dari Singapura dan Jepun. Apabila jalan tersebut siap kelak, sudah tentulah banyak tempat-tempat peranginan dan rumah-rumah rehat baru dibuka, dan saya telah difahamkan bahawa pelabur-pelabur Jepun berminat untuk menanam modal di dalam sektor ini.

Pelaksanaan projek ini juga akan menggalakkan pembangunan di kawasan-kawasan sepanjang jalan tersebut dan pembukaan kawasan-kawasan penempatan-penempatan yang baru. Pembinaan jalan ini akan juga secara langsung memberikan kemudahan jalan masuk ke Universiti Islam Antarabangsa yang akan dibina kelak, di samping dapat mengujudkan peluang-peluang pekerjaan yang baru.

Oleh kerana banyak faedah-faedah yang akan diperolehi seperti yang telah dinyatakan itu, Kerajaan sememangnya tidak bercadang untuk membatalkan projek pembinaan jalan raya tersebut.

### PELARIAN FILIPINA DI SABAH

**21. Y.B. Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Kerajaan hanya menaruh perhatian untuk menghantar balik pelarian-pelarian Vietnam tetapi tindakan sedemikian keras tidak dilakukan terhadap pelarian-pelarian pendatang-pendatang haram Filipina di Sabah; nyatakan langkah-langkah tegas yang akan diambil untuk menghantar balik pelarian-pelarian dan pendatang-pendatang haram Filipina yang berada di Sabah kini ke negara asal mereka.

2-12-88

**15. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit** minta Perdana Menteri menyatakan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Negeri Sabah untuk menyelesaikan masalah pendatang dan pelarian Filipina yang berada di Negeri Sabah.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Y.B. Encik Abdol Mulok bin Awang Damit pada 2-12-1988 kerana kedua-dua soalan mempunyai maksud yang sama.

Semua pendatang haram yang memasuki negara ini adalah tertakluk kepada Akta Imigresen 1959/1963. Mereka ini dianggap telah melanggar peruntukan Akta tersebut dan tindakan berterusan diambil oleh pihak berkenaan untuk menghantar mereka balik ke negara asal mengikut kuasa serta peruntukan-peruntukan yang diberi di bawah Akta Imigresen 1959/1963. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh kedua-dua soalan ini ialah orang-orang Filipina yang memasuki Sabah untuk mendapatkan perlindungan sementara daripada keadaan keselamatan di negara asal mereka. Pelarian-pelarian ini diberi perlindungan sementara atas sebab peri kemanusiaan. Namun begitu bagi mereka yang mengambil kesempatan kelonggaran syarat memberi perlindungan sementara untuk masuk ke Sabah secara haram, Kerajaan sememangnya memandang berat terhadap golongan ini dan rancangan yang bersungguh-sungguh sedang diatur untuk mereka ini dihantar balik. Dalam perkara ini Kerajaan Persekutuan dengan dibantu oleh Kerajaan Negeri Sabah akan melaksanakan apa-apa rancangan ke arah mencapai maksud tersebut.

## PERSENJATAAN TENTERA MALAYSIA

**22. Dato Zainol Abidin bin Johari** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kerajaan berpuashati dengan keadaan kelengkapan/persenjataan tentera kita yang ada atau adakah Kerajaan bercadang untuk melengkapkan peratatan/persenjataan tentera kita dengan yang termoden sesuai dengan keadaan semasa.

**Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Amad Rithauddeen Al-Haj):** Kalau dilihat dari segi perkembangan teknologi pertahanan di dunia hari ini memang diakui alat kelengkapan persenjataan tentera kita agak ke belakang sedikit namun demikian langkah-langkah serta usaha-usaha sentiasa dilakukan untuk menggunakan apa sahaja alat kelengkapan yang sedia ada dengan sepenuhnya bagi meningkatkan keberkesannya tanpa terlalu bergantung kepada peralatan yang moden dan sophisticated.

Kerajaan memang berhasrat melengkapkan Angkatan Tentera Malaysia dengan sistem persenjataan yang moden dan sesuai supaya Angkatan Tentera Malaysia dapat ditingkatkan keupayaannya untuk mempertahankan kepentingan strategi negara dan membantu pihak berkuasa Awam memelihara keselamatan dalam negeri. Untuk itu, Kerajaan dari masa ke semasa akan mengambil tindakan untuk melaksanakan usaha-usaha permodenan kepada sistem persenjataan yang diperuntukkan kepada Angkatan Tentera.

## HAK PEKERJA DAN HAK ASASI MANUSIA

**23. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Buruh menyatakan sama ada benar bahawa rekod buruk Malaysia di dalam bidang pekerja-pekerja dan hak-hak asasi manusia menyebabkan

keistimewaan Sistem Keutamaan Khas diancam digugurkan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memperbaiki rekod hak asasi manusia dan pekerja-pekerja yang buruk dan mengecewakan.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohameed):** Adalah tidak benar bahawa Malaysia mempunyai rekod buruk di dalam bidang hak-hak pekerja-pekerja dan hak-hak asasi manusia. Sekiranya dakwaan ini benar sudah tentulah usaha negara ini untuk dipilih menduduki kerusi dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini tidak akan berjaya mendapat sokongan 143 negara di dunia.

Kementerian Buruh ingin juga menjelaskan bahawa pihak pentadbiran Amerika Syarikat belum menarik balik keistimewaan perdagangan yang diberikan kepada Malaysia di bawah Sistem Keutamaan Am (GSP). Sebenarnya apa yang telah berlaku ialah bahawa pentadbiran Amerika Syarikat hanya telah membuat keputusan untuk menerima petisyen AFL-CIO supaya dapat diteliti sama ada dakwaan yang dibuat oleh Gabungan Kesatuan Sekerja itu mempunyai asas yang kukuh dan munasabah bagi pentadbiran Amerika Syarikat menarik balik kemudahan GSP yang diberi kepada Malaysia. AFL-CIO telah membuat tuduhan berkaitan dengan perkara ini mungkin kerana mereka telah mendapat maklumat-maklumat yang kurang tepat.

Dakwaan tentang rekod buruk yang mengecewakan Malaysia di bidang hak-hak pekerja dan hak-hak asasi manusia adalah tidak berasas dan merupakan tohmahan yang sengaja diada-adakan oleh pihak-pihak tertentu yang mempunyai motif dan kepentingan tertentu untuk mencari publisiti murah dan simpati politik.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1989

DAN

### USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1989

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1989 dan Anggaran Pembangunan, 1989 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (Hari Kelimabelas).

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Maksud B.52 (Jadual)—*

*Maksud P.52 (Anggaran Pembangunan, 1989)—*

**Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud) :** ahli Yang Berhormat, Maksud B.52 dan Maksud Pembangunan P.52 di bawah Kementerian Kerjaraya terbuka untuk dibahas. Kok Lanas.

3.35 ptg.

**Dato' Abdullah Ahmad (Kok Lanas):** Tuan Pengerusi, terima kasih. Bekalan 52 ini adalah satu bekalan yang besar dan pada keseluruhannya jalanraya, lebuhraya dan jambatan di negara kita adakah baik tetapi pembinaan, penjagaan dan pentadbirannya perlu diupgredkan lagi.

Menteri Kerjaraya harus dipuji kerana entusiasmnya, dengan izin, he cannot be faulted on this score. Keazamannya pun patut mendapat

penghargaan. Lebuhraya, jambatan dan jalanraya di Pantai Timur Semenanjung, khususnya di Kelantan, masih tidak baik jika dibandingkan dengan jalanraya-jalanraya dan jambatan di Pantai Barat—Butiran 020000, muka surat 229. Maka saya merayu agar jalanraya-jalanraya dan jambatan di negeri-negeri yang mundur ini diperluas, diperindah dan mempunyai ciri-ciri keselamatan yang lebih baik lagi dan yang rosak semasa bah diperbaiki segera—baik jalah-jalan Negeri, Persekutuan hatta jalan-jalan kampung pun.

Sehubungan itu sudah sampai masanya Lapangan Terbang Kota Bharu (Sultan Ismail Petra Airport) diperbesarkan sempena Tahun Lawatan Malaysia 1990 bagi menarik pelancong-pelancong. Kelantan adalah satu destination yang cantik bagi tourists yang molek. Keduanya comel dan menarik kalau kena berkira—Butiran 050000 muka surat 229. Pembesaran ini juga sesuai dengan pemutihan ekonomi negara.

Tuan Pengerusi, saya puji kesungguhan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Kelantan dan saya harap juga Menteri Kerjaraya—Butiran 02400 muka surat 230, untuk membina dan menyudahkan jambatan Pasir Mas Kelantan seberapa segera yang boleh. Saya berharap dan percaya saya disokong oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas—jambatan Pasir Mas ini akan dibina dan selesai selewat-lewatnya akhir tahun 1989 dan jika itu terlaksana, maka pada akhirnya terbinalah sebuah jambatan di Pasir Mas yang spans across the Kelantan river, dengan izin, yang pertama kali dijanjikan oleh Kerajaan Perikatan pada tahun 1959—30 tahun dahulu, tetapi telah tidak dibuat setelah Perikatan kalah amat teruk sekali kepada PAS tahun itu. Jika jambatan itu telah terlaksana sebelum Pilihanraya Umum 1991 seperti juga pembesaran lapangan airport di

Pangkalan Chepa dan military airstrip di Kok Lanang atau Gua Musang; semua ini akan menolong Kerajaan kita dalam pilihanraya, jika ia diadakan kelak.

Saya percaya Menteri Kerjaraya dan Perdana Menteri tidak mahu Barisan Nasional kalah di Kelantan seperti tahun 1959. Kelantan dan rakyatnya masih lagi dahaga pembangunan. Rakyat Kelantan tidak akan puas dengan pembangunan satu ratus tahun lagi pun kerana mereka terdiri dari manusia yang termundur sekali di Malaysia kini. Yang membezakan Kerajaan dengan Opposition atau Pembangkang ialah kebolehan Kerajaan melaksanakan pembangunan dan Kementerian Kerjaraya berperanan besar jaya atau tidak pembangunan. Maka kalah atau menang kita di Kelantan nanti bergantung besar juga kepada kesungguhan Jabatan Kerjaraya.

Saya percaya jika pembangunan yang pesat dan menyeluruh, yang membawa kesejahteraan bagi rakyat, Barisan Nasional ada harapan untuk menang di Kelantan.

Tuan Pengerusi, Butiran 11800 Bangunan-bangunan Kerajaan, muka surat 233. Saya dapat kebanyakan Bangunan Kerajaan "neither beautiful nor very functional", dengan izin, "functional, yes, but not very functional", lebih buruk pula kerana bangunan-bangunan ini pada amnya tidak terjaga dengan baik, tidak dicat setiap tahun, halamannya tidak indah dan terbiar. Tidak diuruskan sebaik mungkin. Begitu juga penyeliaannya, kotor dan toilet facilitiesnya amat kotor sekali, kecuali beberapa Kementerian dan bangunan Kerajaan, baik Persekutuan atau Negeri, itupun kebanyakan reception rooms atau bilik tetamu menanti tidak sebaik Hotel Perdana atau Hotel Merlin dan kedua-duanya bukan the best hotels, dengan izin.

Tuan Pengerusi, Kuala Lumpur sudah berwajah baru dan Kuala Lumpur juga bersejarah, tetapi sejarahnya seperti London, makin hilang kerana hari demi hari kehadiran bangunan-bangunan baru "ugly glass houses and buildings", dengan izin, yang tidak secocok dengan alam sekitar yang sudah wujud dan bersejarah itu. Tidak sesuai dengan warisan dan heritage kita. Prince Charles, bakal Raja British, laments atau lemantasi, ini adaptasi saya, lemantasi from the word lament atau berdukacita kerana London bersejarah itu sekarang telah menjadi kotaraya yang moden dan buruk lagi hodoh kerana bangunan-bangunannya yang baru seperti kotak-kotak mancis sahaja.

Nampaknya kita pun sedang menuju ke arah itu, kecuali beberapa bangunan seperti Balai Islam dan Dayabumi. Saya minta Kerajaan berhati-hati dengan akitek-akitek, baik Malaysia ataupun akitek-akitek asing kerana mereka ini lazimnya meruntuhkan imej dan warisan kita, heritage kita yang dibina beratus tahun, sekelop mata sahaja dengan rekabentuk yang "neither Malaysian nor European" hanya rekabentuk kotak mancis api sahaja. Seperti kata Prince Charles kenapa akitek-akitek Perancis dan betapa pula Paris, tidak London, dan saya tambah Kuala Lumpur boleh kekalkan parasnya seperti dahulu juga. Berwajah lama lagi bersejarah walaupun Paris juga tidak lari dari pemodenan. Kerajaan haruslah menerapi modernisation dan teknologi kepada tamadun dan sejarah kita sendiri. Kalau tidak, alam sekitar kita, landscape kita, skyline of Kuala Lumpur dan bandar-bandar lain adalah dengan izin, "ordinarily ordinary", dan serupa sahaja dengan bandaraya-bandaraya kotak mancis api yang lain di seluruh alam. Teladanilah Paris dan Rome.

Tuan Pengerusi, CHOGM atau Persidangan Perdana-perdana Menteri

Commonwealth akan berlangsung di negara kita tidak lama lagi. Kerana itu saya minta janganlah lupa satu hal yang amat penting. Tolonglah jaga "jamban-jamban" di airport, rumah-rumah Kerajaan, hotel-hotel dan restoran-restoran kecil. Kalau tidak nanti tetamu-tetamu kita akan pulang ke negara masing-masing berfikir bangsa kita bersih di luar sahaja tetapi di dalam kotor. Pakaiannya elok tetapi underwearnya busuk.

Butiran 18400 Rumah-rumah Tetamu Kerajaan ini hendaklah diupgradakan dan diurus secara profesional dengan pekerja-pekerja yang budayanya juga profesional. Keadaannya sekarang sangat sedih dan amat memalukan. Saya cadangkan rumah-rumah ini diurus dan ditadbirkan oleh hotel-hotel besar seperti Hilton, Regent atau Shangri-La di bawah perjanjian khas. Kalau tidak, lebih baik tidak usahlah ada rumah-rumah tetamu VIP di Cameron Highlands, Fraser's Hill dan di Kuala Lumpur seperti Carcosa dan Istana Tetamu. Biarlah tetamu-tetamu kita menginap di hotel-hotel sahaja. Tentang Rest House pula, swastakanlah kepada hotel-hotel yang baik seperti yang saya sebutkan tadi atau paling kurangnya kepada Hotel Equatorial.

Tuan Pengerusi, akhir sekali, bilakah Stadium Merdeka hendak diperbesarkan dengan adanya football mania ini. Kita harus perbesarkan setaraf paling kurang dengan Stadium Kebangsaan Singapura yang boleh menampung 70,000 manusia. Tetapi saya rasa, dengan izin, if you had the toresight, kita perbesarkan Stadium Merdeka kepada 100,000 penonton seperti stadium bola di Jakarta.

Saya harap Menteri Kerjaraya dan Menteri Belia dan Sukan rundingkan hal ini secepat yang mungkin agar kedua-dua dapat nama dan rakyat khususnya football fans seronok dan

berselera menonton perlawanan-perlawanan bolasepak, juga dengan izin, it is economic sence to enlarge Stadium Merdeka. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud) :** Ahli dari Saratok.

3.46 ptg.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau (Saratok):** Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh dimuka surat 231, Butiran 04000 Pembinaan Jalan-jalan Raya Besar di Sarawak. Butiran kecil 01 Jalan Besar Utama, 03 Jalan ke Projek Etekrrik Hydro dan Butiran 04300 Jalan-jalan Pembangunan di Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Menteri Kerjaraya dan Kementeriannya dan juga sama banyaknya terima kasih yang saya ucapkan kepada Menteri Kewangan dan Kementeriannya kerana memberi peruntukan dalam tahun 1989 lebih \$17 juta daripada peruntukan dalam tahun 1988 ini untuk memperbaiki dan menurap Jalan Besar Utama di Sarawak. Begitu juga peruntukan yang lebih sebanyak \$4,553,000 lebih daripada tahun 1988 ini untuk tahun 1989 untuk Jalan-jalan Pembangunan di Sarawak.

Tuan Pengerusi, sungguhpun begitu banyak lagi wang yang digunakan untuk kedua-dua projek ini memandangkan betapa lamanya kami di Sarawak menunggu persiapannya Jalan Besar Utama di Sarawak diturap dan diperbaiki. Walau bagaimanapun, saya berharap dengan sepenuhnya peruntukan yang diagihkan ini dapat dibelanjakan untuk tahun 1989 nanti, mungkin tidak macam keadaan dalam tahun 1988 ini.

Tuan Pengerusi, apa yang terjadi pada tahun ini ialah mengenai jalan Besar Utama di Sarawak dari Simpang Batu Lintang sampai ke Simpang

Lubok Antu dan terus dari Simpang Lubok Antu sampai ke Simpang Bentong. Perkara ini telah dibincangkan di Dewan yang mulia ini. Dan akhir sekali mengenai kenyataan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya apabila memberi jawapan kepada soalan saya pada 8hb Mac dan serupa juga jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri Kerjaraya pada 21hb Mac, 1988. Kedua-dua jawapannya itu menyatakan tender-tender yang diterima dari kontraktor-kontraktor masih dalam pertimbangan Lembaga Tawaran Persekutuan.

Tuan Pengerusi, 8 bulan telah berlalu, tetapi masa saya melintasi Jalan Besar Utama ini dari kawasan saya Saratok baru-baru ini pulang ke Kuching dan terus ke Kuala Lumpur, ibukota negara kita yang dicintai, tidak ada tanda-tanda kontraktor akan mula bekerja di package-package tersebut.

Jadi, keadaan masih macam biasa dan harapan saya dan rakyat luar bandar di Sarawak, khasnya orang yang selalu menggunakan Jalan Besar Utama ini, macam diri saya dan orang lain-lain masih tertunggu-tunggu. Maksud saya duit yang diperuntukkan pada 1988 mungkin belum dibelanjakan. Kalau tidak diedar kepada package yang lain sepanjang Jalan Utama itu. Kalau diedar, baiklah. Kalau tidak, tentu peruntukan ini tidak dapat digunakan pada tahun 1988.

Tuan Pengerusi, di sini saya suka minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri Kerjaraya atau Menteri yang berkenaan iaitu adakah benar tawaran telah diberi kepada tentera yang nombor dua rendah tetapi harga tawaran itu mengikut amount, dengan izin, yang ditawarkan oleh yang rendah sekali. Kalau benar, apa salahnya amount, dengan izin harga tawaran itu mengikut tawaran yang nombor dua rendah itu iaitu

tawaran dia sendiri. Kerana tawaran yang rendah sekali tidak selalunya memuaskan Kerajaan kita jika kita mengambil kira keadaan di Sarawak, tebih lagi mengenai kerja menurun Jalan Besar Utama ini, kadangkala di package-package yang sedang dibuat ataupun yang sudah siap, lebih-lebih lagi kepada hujung jalan menuju ke simpang Betong, dari Batang Padeh, pekerjaannya mulai hujung tahun 1989 ataupun awal 1987 dan sampai sekarang belum siap lagi, kalau tidak siap dalam sehari dua ini. Panjangnya package ini saya telah difahamkan iaitu 16 1/2 kilometer sahaja dan sepanjang jalan itu sungguhpun telah siap dari Batang Padeh, banyak lubang-lubang.

Tuan Pengerusi, saya bercadang kepada Lembaga Tawaran Persekutuan supaya tender yang difikirkan kelak kepada package dari simpang Batu Lintang sampai simpang Lubok Antu dan dari simpang Lubok Antu sampai simpang Betong nanti diberi kepada kontraktor yang difikir sesuai oleh Kerajaan Negeri dan Lembaga tersebut bersama, jika dapat. Walaupun tender itu habis rendah ataupun sebaliknya asalkan harganya tidak melebihi anggaran yang difikir patut oleh Kerajaan sebelum tender dipanggil.

Tuan Pengerusi, mengenai Jalan Projek Letrik Hydro dalam Butiran yang sama saya sebut tadi iaitu Butiran kecil 03, nampaknya jalan ini dari simpang Lubok Antu sampai ke hydro di Batang Ai dekat Pekan Lubok Antu tidak akan diturap tahun 1989 kerana peruntukannya hanya satu million setengah ringgit sahaja. Di sini saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri Kerjaraya bilakah jalan ini akan diturap kerana Batang Ai Hidro Electric ini iaitu inilah elektrik hydro yang pertama di Sarawak.

Tuan Pengerusi, dengan ini, saya menyokong Maksud Kementerian Kerjaraya dan dengan harapan iaitu

penjelasan yang saya minta tadi saya harap akan diberi kepada saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

3.54 ptg.

**Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching):** Terima kasih. Saya merujuk kepada muka surat 231 Maksud Pembangunan 52, Butiran 03000, Penswastaaan Lebuhraya Utama/Selatan yang meminta Dewan yang mulia ini untuk memperuntukkan wang sebanyak \$200 juta. Sebelum saya memulakan dengan ucapan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, penghargaan sedikit perlu diberi where credit is due, dengan izin, kerana dia selalu datang ke Dewan yang mulia ini untuk menjawab soalan-soalan Ahli-ahli dari Barisan Nasional ataupun Pembangkang. Saya harap semua Menteri boleh ikut contohnya, maka kita memang ada kuorum.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini PLUS, satu syarikat yang bertanggungjawab untuk menjalankan, tugas menjaga Lebuhraya Utara-Selatan secara swasta telah mengumumkan bahawa kadar tol itu telah diturunkan. Ini satu berita yang baik. Apa yang saya ingin tahu ialah satu jadual untuk PLUS itu ataupun sesuatu syarikat di bawah UEM untuk membina bakinya yang belum dibina bagi sistem Lebuhraya Utara-Selatan. Contohnya, bilakah Lebuhraya dari Ipoh ke Kuala Lumpur akan siap dibina dan bilakah Lebuhraya dari Taiping ke Butterworth siap dibina? Ini saya tidak faham walaupun saya seorang anak Sarawak, saya memandu kereta saya, saya tidak faham kerana pihak Kerajaan, Kementerian Kerjara-mula dengan lebuhraya di Kedah ataupun dari Taiping ke Ipoh yang

mana trafik tidak begitu berat. Kenapa tidak mula dengan rancangan untuk membina lebuhraya dari Kuala Lumpur ke Ipoh dari segi pandangan pertimbangan ekonomi yang rasional. Maka ini satu soalan, bilakah boleh lebuhraya ini siap dibina? Saya bangga apabila saya menggunakan lebuhraya itu kerana sistem lebuhraya di Malaysia merupakan sistem pengangkutan yang paling baik di rantau ini jika dibandingkan dengan Thailand, Filipina dan Indonesia.

Apa yang saya tidak faham ialah di bawah Butiran 03100, satu rancangan untuk membina Jalan Genting Highlands, Bukit Fraser Cameron Highlands \$30 juta, bukan telah diperuntukkan bagi tujuan ini. Walaupun Yang Berhormat Menteri Kerjaraya datang ke Dewan yang mulia ini beberapa kali memberi jawapan justifikasi untuk pihak Kerajaan merancang projek ini maka saya belum yakin bahawa projek ini perlu. Yang pertamanya, Yang Berhormat Menteri Kerjaraya pada mutanya menjawab bahawa kita hendaic menarik pelancong pada persidangan Dewan yang mulia ini lalu. Pada persidangan ini, saya mengemukakan satu soalan sekiranya untuk menarik pelancong-pelancong, bolehkah pihak Kementerian beri satu ramalan berapa pelancong akan datang ke resort kita ini.

Yang Berhormat Menteri sendiri memberi jawapan lain, mahu buka tanahlah, mahu buah-buahlah, mahu buka Universiti Islam dan sebagainya. Tetapi suatu perkara masih jelas, selepas hentamlah, minta maaf, apakah perlu jalan raya ini? Maka satu hakikat masih jelas, tidak ada apa-apa feasibility study dibuat sebelum keputusan untuk membina jalan raya ini disampaikan. Kalau tidak ada feasibility study, bagaimana kita dapat, faedahnya didapati? Apakah internal rate of return dari segi pelaburan wang sebesar ini sebanyak

\$600 jumlahnya. Kenapa tidak ada feasibility study, kenapa projek begini besar ini tidak ada suatu kajian yang mendalam, yang menyeluruh, yang dapat diumumkan untuk kajian oleh semua rakyat.

Kepada saya ada satu soalan lagi adakah projek Lebuhraya Highlands ini satu projek yang boleh disifatkan sebagai satu prescribed activity, dengan izin, di bawah Akta Kawatan Alam Sekitar 1984. Dalam pandangan saya, ya, ia satu prescribed activity yang telah diwartakan bahawa activities sebegini memang perlu menyampaikan suatu EIA (Environmental Impact Assessment). EIA, kajian ini perlu dikemukakan kepada pihak Kementerian Alam Sekitar untuk dia meluluskan, habis kemudian barulah projek ini dijalankan.

Kalau tidak memang negara kita akan menghadapi masalah seperti yang kita sekarang menghadapinya di Karak Highway ataupun East-West Highway yang mana runtuhan tanah-tanah menjadi satu masalah. Adakah pihak Kementerian Kerjaraya telah menjalankan satu kajian sama ada runtuhan tanah yang diakibatkan daripada pembinaan lebuhraya besar, khususnya di kawasan tinggi, highland ini, sama ada ia akan menyebabkan banjir oleh kerana runtuhan tanah akan menyebabkan silting di sungai-sungai tertentu.

Adakah ini akan menyebabkan banjir di hilir sungai itu. Ini satu masalah. Adakah ia menyebabkan kehilangan hutan-hutan? Khasnya ini satu teknologi baru tetapi walaupun Yang Berhormat Menteri selalu menyebutkan satu teknologi baru high altitude laser survey—ALTP—walaupun mungkin saya tak faham apakah itu ALTP tetapi itu tak penting. Apa yang penting sebelum kita metaksanakan projek ini adakah kita mempunyai maklumat-maklumat yang mencukupi untuk memastikan

perlindungan, bukanlah bagi monyet-monyet yang hidup di hutan sahaja, tetapi juga untuk anak-anak Malaysia yang hidup di hitir sungai itu. Dan saya pun masih belum pasti, belum yakin sama sekali bahawa projek itu akan membawa manfaat kepada rakyat Malaysia sehingga keutamaan yang begitu tinggi diberi kepadanya.

Kalau dibandingkan dengan projek ini, saya mesti ulangi sekali lagi di bawah maksud yang sama Butiran 04000 Pembinaan Jalan-jalan Raya Besar di Sarawak. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Saratok bahawa Jalan Besar Utama di negeri Sarawak merupakan satu isu politik pertama di negeri itu oleh kerana sebuah lebuhraya, sebuah jalan besar bagi suatu negeri merupakan nadi dan darah bagi pembangunan ekonominya, oleh kerana sistem infrastruktur yang kurang baik atau sistem infrastruktur di negeri Sarawak itu begitu mundur, maka pembangunan tanah pun menjadi satu masalah. Sekiranya kita mempunyai satu Jalan Besar Utama yang baik, memanglah anak-anak Sarawak tidak akan datang ke Dewan yang mulia ini bagi meminta MAS membenarkan SIA untuk pergi ke Kuching dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, saya faham dan saya berterima kasih kerana Yang Berhormat Menteri sendiri pun memberi satu jaminan bahawa Projek Jalan Besar Utama itu akan siap dibina pada tahun 1992, tertakluk kepada syarat bahawa projek itu diluluskan oleh EPU dan Treasury. Ini jadi satu syarat, satu qualification yang saya khuatir.

Tuan Pengerusi, Jalan Besar Utama itu memang begitu teruk sekali, terutama pada musim hujan sekarang. Sekarang ia bukan menjadi jalan raya lagi tetapi menjadi longkang, paling licin, kereta tak boleh berjalan melaluinya dan kerana itu dua orang Ahli Yang Berhormat telah meninggal

dunia dalam kemalangan di situ. Pertama, mendiang Andrew Janggi yang dahulu pernah menduduki dalam Dewan ini. Yang kedua mendiang Sylvester Langgi. Saya kasihan dan saya bersimpati dengan Ahli-ahli Yang Berhormat mewakili kawasan luar bandar di negeri Sarawak kerana jalan dari satu tempat ke satu tempat lain untuk berjumpa dengan pengundi-pengundi pun susah, menghadapi bahaya dan mungkin terpaksa hilang nyawa atas Jalan Besar Utama itu. Bolehkah Yang Berhormat Menteri sendiri memberi satu jaminan untuk menyiapkan pembinaan Jalan Besar Utama itu menurut atau mengikut jadual yang telah ditetapkan pada tahun 1992? Saya tahu dia seorang yang bermaruah, mungkin beliau mahu memberikan suatu jaminan; kalau tak boleh beliau meletakkan jawatan. Walaupun UMNO tidak ada cawangan di negeri Sarawak, tidak seperti di Kelantan, tetapi memanglah itu menjadi satu masalah besar. Sekiranya projek ini boleh siap dibina, ini akan menyumbangkan kepada perhubungan yang lebih erat dan mesra di antara pihak Persekutuan dengan pihak Negeri itu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat masa sudah cukup.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dengan ini saya akhiri ucapan saya.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Simunjan.

4.06 ptg.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Kementerian Kerjaraya ini dan walaupun Yang Berhormat Menteri keluar sekejap daripada tempat duduk, namun saya mengucapkan terima kasih kerana jawapan yang diberikan kepada soalan saya tadi apabila saya bertanya adakah

rancangan untuk membuat lebuh raya di bawah dasar laut daripada Semenanjung ke Sarawak dan Sabah. Jadi, ini di bawah Butiran 02000 muka surat 229, Jalan dan Jambatan dan juga muka surat 230, Butiran 02300 Lembaga Lebuh raya Malaysia. Jadi, walaupun perkara ini berbunyi suatu gurauan, saya rasa memandangkan kita ini perlu integrasi nasional di samping gurau boleh juga diambil sebagai satu perkara serius.

Mungkin pihak Kementerian boleh merancangkan apakah ini feasible ataupun viable, dengan izin. Adakah negara-negara di dunia ini pernah membuat perkara seperti itu. Jadi tidak mustahil, saya rasa sekiranya kita maju dalam bidang ekonomi, bidang teknikal untuk menjamin wujudnya hubungan erat di antara Semenanjung derigan Sarawak dan Sabah, ini boleh kita fikirkan untuk masa hadapan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri tadi kerana dikatakan kalau saya sendiri menjadi Menteri Kerja Raya, beliau menyatakan mungkin saya boleh rancangkan. Agaknya bila, saya tidak tahulah.

Tuan Pengerusi, lebuh raya memang banyak diperbahaskan atau diperkatakan di Dewan yang mulia ini. Sebab itulah di masa saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dahulu, saya menekankan adakah pentingnya saya rasa penyelarasan dari segi kualiti jalan raya itu. Saya pernah driving daripada Kota Bharu menggunakan jalan Gua Musang, kemudian pergi ke Kuala Lipis. Jalannya elok sekali, sedap untuk drive, tetapi sampai ke Kuala Lipis, tiba-tiba jalan raya bengkok-bengkok, sedangkan sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching tadi menyatakan density trafik dari Kuata Lipis ke Bentong kemudian ke Kuala Lumpur, saya rasa berat, banyak. Dan saya rasa dari segi penyelarasan perancangan untuk

membuat lebuhraya itu perlu diteliti, review, dikaji semula supaya wujud satu perseimbangan dalam keperluan lebuhraya di negara kita ini.

Begitu jugalah dengan saya rasa di antara Sabah, Brunei Darussalam, Sarawak dan juga mungkin Kalimantan, Indonesia perlu ada satu sistem lebuhraya yang berkualiti tinggi, yang bermutu, yang setimpal, seimbang, selaras sama kualiti dengan jalan atau lebuhraya-lebuhraya yang ada di Semenanjung Malaysia.

Saya rasa dari Kota Bharu ke Gua Musang itu boleh tahan, Lebuhraya daripada Utara-Selatan (North-South), walaupun masih dalam pembinaan, perancangan, saya rasa memang boleh tahan. Tetapi lebuhraya yang dikatakan untuk Sarawak itu masih indah khabar dari rupa. Jadi saya mahu rupa bukan khabar sahaja.

Yang satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi negeri Sarawak dan Sabah. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri apakah jenis peruntukan, adakah peruntukan itu hanya diasaskan kepada jumlah penduduk, capitation grants, dengan izin, ataupun diasas kepada luasnya kawasan. Kalau luas kawasan, saya rasa boleh tahanlah. Banyak baiknya kerana banyak peruntukan bagi Sarawak, bagi Sabah kerana kawasan besar. Kalau capitation grants berasaskan kepada jumlah penduduk, maka ini saya rasa perlu kita mengkaji semula kerana saya rasa tidak munasabah, jumlah kawasannya luas, jumlah penduduknya kecil. Jadi kalau asasnya kepada capitation grants, berdasar jumlah penduduk maka ini menampakkan satu keadaan yang tidak seimbang.

Tuan Pengerusi, di kawasan di bawah Butiran 04300 iaitu muka surat 231, Jalan-jalan Pembangunan di Sarawak. Saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat Menteri kepada soal-soal atau perkara yang

pernah saya timbulkan sekali lagi kawasan saya iaitu kawasan Simunjan yang saya rasa dibandingkan dengan kawasan lain belum mencapai tahap jalan raya yang begitu tinggi.

Jadi, saya mintalah supaya pihak Kerajaan memberi perhatian yang berat kepada kawasan itu kerana kawasan jalan utama di sana sekarang ialah Jalan Kuching melalui Bukit Punda kemudian ke Simunjan dan selepas itu usaha dibuat untuk melaksanakan projek jalan raya daripada Simunjan ke Sebang kemudian ke Sebuyau. Ini dalam perancangan dan saya mintalah supaya projek ini dilaksanakan dengan cepat.

Begitu jugalah daripada Kuching ke Kota Samarahan. Dari Kota Samarahan ke Pendam kemudian ke Simunjan, Semerak dan sebagainya, diminta kalau dapat dilaksanakan dengan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya menyentuh mengenai Bangunan-bangunan Kerajaan di bawah Butiran 11800, muka surat 233. Saya rasa memang, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas bahawa bangunan Kerajaan ini kalau dibandingkan dengan bangunan lain memang teruk. Kerana dulu saya pernah berkhidmat sebagai Timbalan Menteri di Kementerian Perusahaan Utama di Wisma Keramat di bawah jagaan JKR. Dan JKR ini pun kadangkadang ada orang kata "Jangan Kerja Rajin". Mungkin kita perlu ubah supaya jangan dipanggil "Jangan Kerja Rajin." Kerana kurang pengawasan terhadap bangunan. Dan pernah lift itu rosak dalam perjalanan naik-turun, kebakaran dan sebagainya dan oleh kerana begitu usang. Kemudian kita takut yang bangunan itu runtuh. dan binatang-binatang seperti tikus dan sebagainya banyak berkeliaran, lantaran mungkin tidak pernah di service, dengan izin.

Jadi saya rasa adalah menjadi tanggungjawab pihak Kerajaan untuk menentukan supaya bangunan-bangunan Kerajaan ini dalam negara kita ini dijaga dengan betul, dijaga dengan cermat.

Satu lagi, ialah saya ingin menyentuh mengenai pekerja-pekerja JKR. Itulah saya katakan tadi, JKR ini "Jangan Kerja Rajin". Tetapi yang kita takut ada orang mengatakan bahawa pekerja-pekerja harian JKR ini kadang-kadang waktu office-hour atau waktu kerja dari pukul 8.00 pagi hingga 4.15 petang, dia tidak pernah kerja. Bila tiba untuk dapat overtime mereka kerja kuat. Jadi ini anggapan orang. Saya tidak tahu betul atau tidak. Jadi, saya ingin mendesak pihak Kementerian supaya menyelidik perkara ini kerana sekiranya ini benar-benar berlaku maka wang Kerajaan habis terjejas. Kerana Yang Berhormat Menteri pernah suatu ketika dahulu mengatakan bahawa 75% daripada, tak tahu siapa itu, orang-orang di bawah JKR itu tidak begitu berminat untuk bekerja. Sekarang entah macam mana.

Jadi, kalau sekiranya overtime itu yang diutamakan oleh pekerja-pekerja, orang-orang yang bekerja di JKR saya rasa ini menjejaskan imej Kerajaan dan mungkin membawa akibat bahawa belanja untuk Kementerian itu makin hari makin bertambah sedangkan kerja tidak pernah siap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Ya, jadi saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Marang.

4.16 ptg.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada halaman 230, Butiran 00600—Jalan raya-jalan raya Baru

yang diberi peruntukan \$21.05 juta untuk tahun 1989. Saya ingin menyentuh sekaligus Butiran 00700—Pembinaan lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan-jambatan dan peruntukannya ialah \$20.4 juta.

Katau kita melihat kerja-kerja yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian Kerjaraya, saya terlebih dahulu mengucapkan syabas kerana setiap hari di mana-mana sahaja, ada sahaja sama ada jalan itu dibaiki atau dibaharukan.

Tetapi ada sesuatu yang tidak pernah dibaharui dan diperbaiki iaitu menyentuh tentang jalan raya-jalan raya milik Persekutuan yang terletak di bandar-bandar utama di negeri-negeri yang tertentu.

Saya melihat dan menyedari bahawa bandar-bandar utama di Pantai Timur khususnya di Kuala Terengganu, Kota Bharu dan juga Kuantan mempunyai penduduk yang sangat padat dan penggunaan jalan raya adalah terlalu sesak terutama di musim persekolahan, perayaan, pesta ataupun keramaian-keramaian yang lain. Kesesakan ini bukan sahaja membantutkan perjalanan urusanniaga, pekerjaan ataupun kerja-kerja yang tidak saya sebutkan.

Saya melihat jalan raya-jalan raya ini dibina dalam bentuk yang amat tradisi sekali termasuklah jambatan-jambatannya sekali. Saya ingat semenjak saya kecil-kecil lagi, iaitu sebelum merdeka pada tahun 1957, saya masih ingat jambatan-jambatan itu besar, itu juga; tempat itu juga, tidak berubah-ubah, dan yang lebih melucukan lagi sekarang jalan itu jauh tebih besar daripada jambatan-jambatan yang ada. Hal ini apabita tidak adanya satu pembaharuan, pembesaran pada jambatan, sering berlaku kematian dan kemalangan di jambatan-jambatan. Saya ingat Kementerian Kerjaraya menyedari hal ini. Satu.

Yang kedua, kerana Kuantan, Kuala Terengganu dan Kota Bharu ialah bandar-bandar dan penggunaan jalan begitu ketara sesaknya, sering berlaku kemalangan. Yang paling menyedihkan kemalangan jalan raya di Kuala Terengganu merupakan kemalangan jalan raya yang paling kedua tingginya di Malaysia termasuklah dari segi kecederaiannya, kematian dan juga kecederaan seumpamanya. Bila kita lihat bukanlah kerana jalan raya itu tidak elok, bukan kerana tidak ditar atau kerana tidak diturap, tetapi kemalangan itu berlaku kerana tidak adanya side table ataupun kaki tima pada jalan-jalan itu, di mana di situlah pada musim perayaan, persekolahan dan seumpamanya murid-murid menggunakan jalan yang sama. Sudahlah tidak mempunyai dua hala, tidak mempunyai lorong di tengahnya, semuanya menggunakan itu. Jadi seringkali berlaku kemalangan dan sebagainya.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Kerjaraya melihat contoh yang berlaku di Kuala Terengganu ini untuk dijadikan satu post-mortem baru ataupun satu perancangan atau strategi baru bagi semua jalan-jalan yang mempunyai Ibu Kotanya supaya jalan-jalan itu dibuat kaki lima di seluruh negara. Bagi kita, tidak ada makna membesarkan jalan-jalan di luar bandar, mencantikkan jalan-jalan yang telah ada dan mengadakan jalan-jalan yang tidak ada tetapi dalam masa yang sama kita memastikan banyak rakyat dan warganegara kita.

Saya mahu kalau boleh membuktikan kepada Dewan ini bahawa apa yang saya katakan ini benar iaitu dengan menunjukkan angka bilangan kematian di jalan-jalan utama di bandar-bandar besar ini. Saya kira kalau elok biarlah dalam 20 batu atau 30 batu dari pusat bandar itu mesti ada kaki-lima. Misal kata, daripada Kuala Terengganu ke Kota

Bharu 20 batu itu mesti ada kaki-lima di kiri kanan; daripada Kuala Terengganu ke Jalan Kuantan mesti ada kaki-lima di kiri kanannya; daripada Kuala Terengganu ke Jalan Kuala Berang patut diadakan ada kaki-lima kerana di jalan-jalan utama ini bukan sahaja dipadatkan oleh penduduknya tetapi juga oleh infrastruktur, oleh perkembangan penduduk, oleh perubahan sosio-ekonomi yang lain-lainnya. Ini perlulah diambil kira dan perlu disedari.

Saya pernah mengemukakan perkara ini dalam Majlis Tindakan Negeri tetapi kerana ia tiada kuasa dan ia juga tidak mempunyai hak atau peruntukan yang tertentu, maka jalan itu tetap begitu sahaja. Dalam keadaan begitu juga seperti saya sebutkan tadi bahawa adanya jambatan yang tidak berubah sejak merdeka, ianya tetap begitu sahaja. Apakah lojik setelah 20, 30 tahun pun jambatan itu masih macam itu sahaja sedangkan penduduknya bertambah berganda-ganda. Saya tidak tahulah sama ada Kementerian Kerjaraya menyedari perkara ini ataupun tidak. Tetapi sama ada dia sedar ataupun tidak sedar, tindakan serius, perancangan yang jitu hendaklah kita mulakan daripada sekarang.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Butiran 01100, Jalan raya Timur/Barat. Sekarang ini kita lihat Jalan raya Timur/Barat ada dua sahaja yang utama iaitu satu daripada Pantai Timur melalui Kuala Lumpur dan seterusnya ke Pantai Barat. Satu lagi yang ada di Kelantan mengikut Grik terus ke sana.

Saya ingin mencadangkan disebabkan oleh perkembangan sosio-ekonomi dan juga keadaan negara yang telah berubah supaya dibina satu jalan yang telah diura-urakan begitu lama daripada Kuala Terengganu ke Kuala Berang, daripada Kuala Berang ke Ipoh, Perak. Saya rasa jalan ini tidak berapa jauh tidak sampai 150

batu. Kalau ianya telah dirancang begitu lama saya inginkan jawapan daripada Menteri Kerjaraya kenapa ianya tidak dibina dan tidak ada usaha-usaha untuk menjalankan pembinaan itu. Apakah ianya berkehendakkan satu tekanan ataupun satu 'sungkutan, baru hendak kita jalankan ataupun akan dijalankan? Kalau mungkin saya keras sedikit, tetapi ini bukanlah ertinya kasar, tetapi menyatakan satu bentuk perasaan daripada rakyat negeri Terengganu supaya dapat dihubungi dengan negeri-negeri Pantai Barat, tidaklah kita terlalu jauh menyimpang ke sebelah utara.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Butiran 11800 iaitu di bawah tajuk, Bangunan-bangunan Kerajaan pada halaman 233. Ramai rakan-rakan saya telah menyentuh tentang tidak ada pembelaan, penjagaan, pengawalan, keadaan tidak terpelihara dan sebagainya. Ini boleh mengakibatkan satu pembaziran dan juga menyakitkan mata memandang. Saya tinggalkan aspek itu kerana telah pun disentuh walaupun saya setuju. Yang penting bagi kita dalam soal pembinaan bangunan-bangunan Kerajaan **hendaklah ianya mempunyai satu** identiti. Kebanyakan bangunan yang dibina di negara ini tidak mempunyai identiti, mungkin kerana mahu bersenang atau kerana sudah biasa ataupun kerana sudah terpengaruh dengan kolonialisme iaitu membina bangunan ala barat atau mudah sahaja berbentuk kotak-kotak mancis ataupun sarang-sarang burung merpati. Kita tidak merasakan rasa cintakan kepada negara berdasarkan melihat bangunan-bangunan itu. Kita merasakan kita terasing dan tiada beza kita berada di Eropah dengan berada di Kuching ataupun di Simunjan ataupun di mana-mana tempat.

Dalam soal merangka bangunan-bangunan baru, walaupun mungkin ia akan memakan belanja yang agak

banyak sedikit ataupun berkehendakkan satu daya creative yang tinggi tetapi adalah baik kita membina bangunan-bangunan baru itu mengikut identiti kita, mengikut citarasa kita, kerana saya sendiri menyedari bahawa terdapat satu pengakuan secara tidak langsung iaitu pembinaan bangunan-bangunan berdasarkan kepada identiti serta bentuk budaya kita secara langsung menarik seluruh rakyat kita, menarik warganegara asing, menarik orang ramai termasuk para pelancong untuk mencintai serta menghayati idealisme serta semangat nasionalisme negara ini sendiri.

**Tuan Pengerusi:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Satu minit lagi, Tuan Pengerusi. Saya minta supaya diadakan pembinaan yang berteraskan identiti negara ini dan kalau boteh pihak Kementerian Kerjaraya mengemukakan kepada kita daripada seluruh bangunan yang telah, sedang dan akan dibina, berapa peratuskah yang kita boleh banggakan yang berciri identiti negara ini sendiri. Yang saya sedar 80% lebih berciri kepada ciri-ciri barat dan ini saya rasa perlu diberikan perhatian dan juga satu pengenalan baru. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Maran.

4.27 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran):** Tuan Pengerusi, di bawah Kementerian ini saya suka merujuk kepada muka surat 229, Butiran 020000-Jalan dan Jambatan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh jalan. Jalan ini kita bahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu jalan Persekutuan, jalan Negeri, lebuh raya dan jalan luar bandar. Masalah yang dihadapi ialah apabila

Negeri hendak melaksanakan jalan, mereka tidak cukup peruntukan kepada Kerajaan Persekutuan, pihak Kerajaan Persekutuan mengatakan jalan itu adalah di bawah Kerajaan Negeri. Apabila perkara ini tidak diselaraskan sudah barang tentu jalan-jalan yang hendak dilaksanakan oleh negeri tidak boleh dijalankan. Oleh itu perlu penyelarasan.

Begitu juga soal jambatan. Sebagaimana soalan saya yang pernah saya kemukakan di sini iaitu mengenai jambatan untuk menyeberangi Sungai Pahang daripada kawasan LKWJ ke DARA, pihak Kementerian menjawab bahawa jambatan itu adalah di bawah Kerajaan Negeri. Saya percaya kalau jambatan untuk menyeberangi Sungai Pahang ini diletakkan di bawah Kerajaan Negeri, saya jangkakan tidak tahulah bila boleh dilaksanakan kerana peruntukannya besar untuk menyeberangi Sungai Pahang ialah sebuah sungai yang besar sudah tentu peruntukannya besar, jadi perlu sekali peruntukannya diberi oleh Kerajaan Persekutuan. Kalau sekiranya jambatan itu perlu kepada jalan yang besar maka bolehlah pihak Persekutuan buat jalan utama daripada LKWJ ke DARA, kemudian jambatan itu dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan juga.

Selain daripada itu saya ingin bertanya apakah kriteria-kriteria yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan bagi menentukan bahawa jalan itu jalan Negeri dan jambatan itu jambatan Negeri dan bukannya jambatan Persekutuan. Adakah dikira kalau sekiranya tidak ekonomik kepada Kerajaan Persekutuan ianya diberikan kepada Kerajaan Negeri ataupun kalau sekiranya perkara itu tidak boleh dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan diharapkan kepada Kerajaan Negeri? Kalau inilah yang menentukan dan tidak ada satu prosedur yang tertentu, maka kita

tidak akan dapat memenuhi kehendak-kehendak rakyat keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 231, Butiran 03100 iaitu Jalan Genting Highlands/Bukit Fraser/ Cameron Highlands. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Persekutuan kerana membuat jalan ini. Walaupun pihak Pembangkang mengatakan tidak begitu munasabah, tetapi kalau kita fikirkan jangka panjang maka ini adalah merupakan satu tindakan Kerajaan yang bijak kerana di satu masa akan datang kita akan menentukan pula satu jalan utama misalnya untuk menghubungkan daripada Cameron Highlands ke Ipoh dan sebagainya. Ini adalah langkah yang bijak. Satu perkara lagi, Cameron Highlands adalah terkenal dengan tempat peranginan dan selain daripada itu projek pertanian dan bunga adalah baik di sana, bukan sahaja menanam sayur-sayuran tetapi bunga yang digunakan bukan sahaja di negara kita tetapi juga di negara luar adalah dikeluarkan oleh Cameron Highlands. Contohnya, pada tahun-tahun yang lepas tidak kurang daripada \$20 juta hasil bunga yang ditanam telah dieksport dan digunakan oleh negara kita. Jadi, kalau sekiranya jalan ini bertambah dengan baik lagi sudah barang tentu ia akan memudahkan bagi kita mengeluarkan hasil-hasil yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk juga kepada mukasurat 233, Butiran 11500 Bekalan Air Luar Bandar Rancangan Khas yang mana peruntukan diberi sebanyak \$370 juta, yang pada tahun 1988 ialah \$250 juta. Ini adalah merupakan perhatian berat yang diberi oleh Kerajaan untuk memberikan bekalan air luar bandar. Tetapi yang kita harapkan supaya apa yang dirancangkan bagi Rancangan Bekalan Air Khas ini biarlah betul-betul menyeluruh dan menepati pada

tempat-tempat dan kampung-kampung yang benar-benar menghendaki bekalan air ini, kerana kita perlu membekalkan air bersih kepada penduduk-penduduk kita.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian yang berkenaan, daripada peruntukan \$370 juta ini bagaimanakah agihannya kepada negeri-negeri? Adakah ianya berdasarkan kepada permohonan daripada negeri-negeri ataupun setelah dibuat kajian oleh JKR sendiri mengenai tempat-tempat yang akan dilaksanakan daripada peruntukan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.33 ptg.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Hiji Arshad (Pengkalan Chepa):** Tuan Pengerusi, walaupun sekejap tadi kita telah dengar Menteri Kerjaraya telah diberi sanjung begitu tinggi oleh Wakil Kok Lanas dan memanglah tepat, tetapi oleh kerana kita setiap Wakil Rakyat ada mempunyai masalah masing-masing, maka saya cuba mengambil peluang ini untuk membangkitkan beberapa perkara mengenai apa yang berlaku dalam kawasan saya sendiri.

Tuan Pengerusi, saya akan menimbulkan Butiran 020000, muka surat 229 mengenai Jalan dan Jambatan. Satu ketika dahulu saya telah bangkitkannya dalam Dewan ini juga untuk mendapat perhatian Kerajaan, tetapi sehingga kini masih tidak ada apa-apa, maka hari ini saya cuba bangkitkan sekali lagi di hadapan Menteri Kerjaraya supaya akan dapat perhatian.

Tuan Pengerusi, masalah jambatan yang ada dalam kawasan saya, walaupun kita akan masuk ke Rancangan Malaysia Yang Kelima, tetapi masih terbiar dan kalau dahulu terbiar berlaku di negeri Kelantan

ialah kerana konfrontasi politik antara Pembangkang dengan Kerajaan, tetapi hari ini walaupun Kelantan dikuasai oleh Kerajaan Barisan Nasional juga tetapi banyak kawasan-kawasan terbiar, khususnya dalam kawasan saya, misalnya jambatan. Dalam kawasan saya ada 3 jambatan: Jambatan Wakaf Stan, Jambatan Pulau Melaka dan Jambatan Pulau Belanga. Jambatan Wakaf Stan ini jambatan dari Rancangan Malaysia Pertama lagi dan saya kira sebagai anak sulung kepada Kerajaan Perikatan pada masa itu, tetapi sampai hari ini masih dalam keadaan ruca yang lama.

Yang jadi masalahnya, Tuan Pengerusi, ialah jambatan-jambatan yang saya sebut ini ialah berselari dengan kedudukan bandar Kota Bharu seperti Jambatan Wakaf Stan sehalu dengan Hospital Universiti Kubang Kerian, Jambatan Pulau Melaka sehalu dengan Hospital Besar Kota Bharu dan Jambatan pulau Belanga sehalu dengan kawasan perkilangan di kawasan Pengkalan Chepa. Kesemuanya ini sudah diluluskan rancangan pada satu ketika dan sudah dihantar alat-alat jentera dan sebagainya, tetapi entahlah macam mana ditarik balik, terutama sekali kawasan ini terlibat dengan kawasan saya yang tahu " peruntukannya tidak dapat dilaksanakan kerana penyokong-penyokong Kerajaan sengaja untuk mengubah pandangan pengikut-pengikut saya supaya mereka dapat mengambil alih kerana kawasan ini tak pernah dapat dipimpin oleh wakil Kerajaan. Sebab itulah sampai hari ini jambatan-jambatan yang saya sebut ini masih terbiar. Saya harap dengan apa yang saya bangkitkan ini akan mendapat perhatian khusus daripada Menteri Kerjaraya.

Tuan Pengerusi, jambatan ketiga ini, mengikut apa yang kita saksi, di negeri Kelantan sebagai negeri Pantai Timur yang terlibat dengan

banjir, terutama sekali pada tahun ini, maka Jambatan Sungai Wakaf Stan ini bila berlaku sahaja banjir tidak dapat diguna langsung oleh kesemua kenderaan dan lalulintas kerana jambatan ini adalah jambatan rendah dan sempit.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah Jalanraya iaitu jalanraya dari Tawang menerusi Wakaf Zin, Telaga Bata, Pulau Belanga, Pancu dan terus ke Padang Tembak, Pengkalan Chepa, Kota Bharu. Inipun tanah-tanah sudah diambil, sudah dibayar beberapa tahun sudah, boleh dikatakan satu penggal lebih niasa pilihanraya dan sehingga timbul perbalahan antara orang-orang kampung kerana mereka terlampau sayang kepada pokok-pokok tanaman seperti durian, rambutan, duku dan sebagainya dan kalaulah pokok ini tidak diambil oleh Kerajaan, sudah tentulah mereka akan mendapat hasil terus-menerus setiap tahun. Tetapi oleh kerana Kerajaan pada masa itu merasa amat penting dan perlu menjalankan projeknya seberapa cepat, maka terpaksa rakyat menyerah, tetapi dukacita sampai hari ini jalan ini masih terbiar. Dan satu ketika saya telah bangkitkan dalam Parlimen ini dan ada wakil dahpada Kerajaan memberi jawapan akan diperhatikan, tetapi sampai hari ini sejauh mana perhatian itu dapat diberi, saya tidak tahu. Ini merupakan sebagai jalan untuk perkilangan di kawasan Pengkalan Chepa yang bertempat di Padang Tembak hari ini dan kilang sudah tumbuh beberapa banyak di Padang Tembak, tetapi jalan ini tidak boleh hendak dihubungi. Jadi, Tuan Pengerusi, beberapa perkara yang saya bangkitkan pada petang ini saya harap akan mendapat perhatian sepenuhnya daripada Pihak Kementerian .

Yang kedua, Tuan Pengerusi, peruntukan yang diberi kepada negeri Kelantan selalunya tidak tepat kerana kita tahu negeri Kelantan ini bila

masuk bulan November selalu banjirnya berlaku dan peruntukan Kerajaan pun selalu diberi pada musim banjir. Jadi saya minta pihak Kementerian akan mengambil kira peruntukan yang akan diberi kepada Kelantan, sebaik-baiknya pada awal tahun, bulan satu, bulan dua, barulah projek itu dapat dilaku dan dilaksanakan. Tetapi kalau peruntukan projek diberi pada bulan sepuluh, walau sebanyak mana berapa juta pun akan percuma sahaja, tidak dapat hendak dilakukan. Jadi, jalan ini saya harap selepas selesai Dewan Yang kita ikuti sekarang akan dapat satu tindakan segera daripada pihak Kementerian kerana saya tidak dapat mendengar sungutan daripada tuantuan tanah yang telah hilang pokok-pokok buahan sampai hari ini tidak dapat untuk merasa nikmat kemudahan jalanraya kepada mereka dan mereka bukan setakat tidak dapat nikmat, tetapi mereka masih merasa kecuaihan Kerajaan.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya sentuh balik lebuhraya, mukasurat 230, Butiran 01400, iaitu Lebuhraya Gua Musang-Kuala Lipis. Satu ketika dahulu saya telah bisik dengan Menteri Kerjaraya di Luar, beliau pun telah sanggup tetapi hari ini saya teirpaksa bangkit pula di dalam Dewan ini supaya lebih cepat mendapat perhatian daripada pihak Menteri Kerjaraya dan sebaik-baiknya, Tuan Pengerusi, saya minta Menteri Kerjaraya ini buat lawatan khusus ke negeri Kelantan supaya dapat melihat dengan penuh dan jelas. Lebih lagi hari ini dengan konfrantasi yang begitu hebat antara Parti Kerajaan dengan Parti Kerajaan dan Parti Kerjaan dengan Parti Pembangkang, dan tidak ada Menteri yang bertanggungjawab untuk pembangunan negara bagi negeri Kelantan ini. saya percaya negeri Kelantan akan tertinggal, akan terbiar, walaupun Kerajaan mendakwa Kerajaan telah

menjalankan segala-segalanya dengan baik dan sempurna.

Itulah harapan saya, Tuan Pengerusi, dan saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Majlis mesyuarat bersidang semula. Kita kena panjangkan masa mesyuarat, kerana saya lihat ramai Ahli-ahli yang hendak berucap,

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Praturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga peruntukan-peruntukan bagi Kementerian Kerjaraya dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah dipertimbangkan atau sehingga pukul 7.30 malam, ikut mana yang terdahulu.

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang yang kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah usul yang dicadangkan iaitu mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga peruntukan bagi Kementerian Kerjaraya dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah dipertimbangkan atau sehingga pukul 7.30 malam, ikut mana yang terdahulu, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga peruntukan-peruntukan bagi Kementerian Kerjaraya dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah dipertimbangkan atau sehingga pukul 7.30 malam, ikut mana yang terdahulu.

### RANG UNDANG- UNDANG PERBEKALAN 1989

DAN

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1989

*Majlis bersidang dalam  
Jawatankuasa,*

*(Tuan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Jawatankuasa)*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Pagoh.

4.43 ptg,

**Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 229-Butiran 010000 iaitu Maksud Bekalan B.52 berkenaan dengan Pengurusan Am bagi Aktiviti Penyertaan Bumiputera dan Kontrak, iaitu untuk menentukan bahawa kaum bumiputera dibantu dan diberi peluang dalam mengusahakan sekurang-kurangnya 30% daripada kerja-kerja pembinaan di bawah pengurusan JKR, iaitu selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan wujudnya satu masyarakat perdagangan dan perindustrian di kalangan bumiputera.

Tuan Pengerusi, saya yakin bahawa Kerajaan adalah ikhlas untuk melaksanakan dasar ini supaya pemberian kepada kontraktor-kontraktor bumiputera "Kelas F" dapat dilaksanakan. Ini saya anggap merupakan satu tapak bagi penglibatan kontraktor-kontraktor bumiputera untuk aktiviti yang lebih besar di dalam kerja-kerja kontrak. Oleh itu saya amat berharap supaya Kerajaan tidak mengesampingkan hal ini dengan menambah beberapa kerana yang tidak memungkinkan mereka untuk mendapatkan peluang kerja-kerja ataupun projek-projek daripada JKR dan saya ingin tahu daripada pihak Yang Berhormat Menteri, sejauh ini apakah masalah-masalah yang telah dihadapi oleh kontraktor-kontraktor bumiputera di dalam memperolehi projek-projek ini dan nyatakan tentang sejauh manakah kejayaan dan kemajuan mereka dalam memenuhi matlamat Dasar Ekonomi Baru, khususnya dalam bidang pembinaan ini.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bagi menentukan supaya matlamat 30% ini dicapai, kita haruslah melaksanakannya dengan memberikan seberapa banyak galakan-galakan dan dorongan-dorongan serta bimbingan dan akhirnya peluang yang patut diberikan seberapa banyak yang boleh kepada kontraktor-kontraktor ini dan bukannya menapis dan memilih mereka ini sehingga mereka tidak mendapat peluang kerja-kerja ini.

Tuan Pengerusi, selain dari itu saya juga merujuk kepada mukasurat 229, Butiran 030000—Bekalan Air. Kita menyambut baik usaha-usaha Kerajaan yang bersungguh-sungguh untuk memastikan bekalan air paip yang bersih dapat dinikmati oleh seberapa ramai pengguna, lebih-lebih lagi bagi penduduk-penduduk di kawasan luar bandar, Ini terbukti dengan besarnya peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan dari

segi pelaksanaan bekalan-bekalan air di kawasan luar bandar dalam tahun 1989 dan seterusnya bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Tetapi permasalahan yang saya ingin bangkitkan di sini ialah dari segi pemeriksaan meter air.

Bagi makluman Yang Berhormat Menteri, apa yang saya ketahui, dari segi cara pemeriksaan dan pembacaan meter air pada waktu ini dilaksanakan dalam tempoh yang begitu lama iaitu mengambil masa 4 atau 5 bulan sekali baru diperiksa dan kadang-kadang sampai 6 bulan di setengah-setengah tempat. Walaupun kita memahami mungkin disebabkan oteh kurangnya pembaca-pembaca meter ini, tetapi kita tidak faham kenapa sampai 6 bulan baru meter-meter ini dijalankan pemeriksaan. Yang menyulitkan di sini ialah masalah yang ditanggung oleh pengguna-pengguna air. Sepertimana kita maklum pengguna-pengguna air di kawasan luar bandar bukanlah daripada golongan yang mempunyai pendapatan yang besar dan boleh dikatakan mereka semua ini adalah daripada mereka yang berpendapatan rendah dan selalu mengalami kesulitan. Walaupun pada satu bulan mungkin mereka menggunakan air hanya \$5.00, tetapi kalau mereka menggunakan air selama 6 bulan iaitu kira-kira \$30.00, bagi mereka ini adalah satu jumlah yang amat besar memandangkan keperluan-keperluan lain yang harus ditanggung.

Tidakkah pada hari ini Kementerian memikirkan satu sistem atau satu cara yang lebih munasabah, yang praktikal, yang lebih menyenangkan pengguna-pengguna air dan tidak lagi menjadi satu rungutan kepada penduduk-penduduk sebab kalau tidak akhirnya, sungguhpun masalah kecil, ia boleh dijadikan isu yang besar. Bukan mereka benci kepada pembaca-pembaca meter air ini tetapi mereka membenci Kerajaan pada keseluruhannya. Jadi, saya membawa

perkara ini kepada perhatian Kementerian supaya harus diambil langkah-langkah yang segera untuk mengatasi keadaan ini.

Selain daripada itu masalah saluran-saluran paip air. Saya fikir Kementerian juga kena membuat satu kajian yang menyeluruh pada hari ini sebab banyak saluran-saluran paip air yang dibina heberapa puluh tahun dahulu yang pada hari ini keadaannya telah begitu buruk kerana terlalu lama, berkarat dan sebagainya yang tidak lagi dapat menyalurkan air dengan baik. Inilah sebabnya di setengah-setengah tempat ada batang-batang paip tetapi tidak ada air yang keluar ataupun ada air yang keluar tetapi tidak sepanjang masa kerana tekanan yang terganggu, ada masanya air keluar waktu malam, ada masanya air keluar waktu siang dan ada kalanya air tidak keluar langsung. Sekarang ini satu masalah yang selalu dihadapi.

Selain daripada itu yang memburukkan keadaan ialah apabila keadaan ini telah terlalu lama berlaku paip-paip ini yang terlalu kecil tetapi menampung air yang begitu banyak untuk bekalan kepada pengguna-pengguna yang semakin bertambah, paip-paip air ini sendiri akan pecah dan apabila pecah akan menjadikan keadaan lebih buruk kerana bukan sahaja satu hari air ini tidak dapat dibekalkan, kadang-kadang hingga seminggu sebab lamanya saluran paip ini ditanam dalam tanah, kadang-kadang usaha untuk mengesan di mana tempat pecah air itu pun tidak dapat dilakukan pada satu jangka masa yang munasabah dan ini lebih menyukarkan lagi. Jadi, saya fikir ini adalah satu perkara yang kecil tetapi menjadi satu masalah yang besar, yang patut diberi perhatian pada masa ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada muka surat 231 iaitu Butiran 03000 berkaitan dengan Pensiwaan Lebuhraya Utara Selatan.

Kita memanglah merasa bangga kerana di dalam negara kita mempunyai lebuhraya-lebuhraya yang baik setanding dengan negara-negara lain. Walaupun kita dalam peringkat hari ini boleh dikatakan baru dalam bidang ini, usaha kita adalah begitu baik dan setanding. Walaupun begitu, ada masalah-masalah yang membangkit. Permasalahan yang saya ingin sebutkan di sini ialah berkaitan dengan pembinaan lebuhraya-lebuhraya. Apabila pembinaan lebuhraya ini dijalankan, maka akan berlakulah proses pengambilalihan tanah dan biasanya pengambilalihan tanah ini berlaku ialah bukan sahaja daripada estet-estet termasuk juga pekebun-pekebun kecil yang mempunyai tanah yang kadang-kadang setengah ekar, satu ekar ataupun kadang-kadang dua ekar, dan masalah yang timbul ialah dari segi bayaran pampasan.

Ada setengah-setengah pekebun kecil yang mempunyai tanah setengah ekar, keseluruhan tanah yang setengah ekar ini hampir seluruhnya diambil oleh pihak Lebuhraya untuk pembinaan jalan, tetapi malangnya pihak ini tidak dapat bayaran pampasan yang dijangkakan. Akibatnya tanah mereka habis diambil oleh Lebuhraya tetapi bayarannya sehingga 5 tahun, 6 tahun belum dapat lagi dan mereka merana menanggung kesusahan dan ini saya dapat tahu masih lagi berlaku walaupun Lebuhraya Kuala Lumpur / Seremban telah siap lama dan saya harap perkara ini tidak akan berlaku kepada Lebuhraya Senawang / Air Keroh dan seterusnya untuk Pagoh / Air Hitam.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Ahmad bin Omar:** Baik, sedikit lagi, Tuan Pengerusi. Satu lagi masalah yang berkaitan dengan Lebuhraya ini, juga berkaitan dengan

gantirugi akibat daripada pembinaan lebuh raya di mana kerap-kali berlaku disebabkan perparitan dan lain-lainnya. Banyak tanah-tanah tanaman yang di sekitarnya yang rosak akibat air dan lain-lain dan yang menjadi masalah ialah pihak insurans daripada Lebuh raya tidak mengambil kira dari segi penilaian kerosakan itu dengan seberapa segera yang boleh dan akibatnya satu penilaian yang wajar tidak dapat diberikan dan selain daripada itu juga pembayaran yang dilakukan juga tidak menepati masa dan ini menambah kesusahan kepada penduduk-penduduk. Jadi, saya harap perkara ini akan dapat diatasi oleh pihak Kementerian.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

4.55 *ptg.*

**Tuan Haji Mohamed bin Yaakob (Rantau Panjang):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 229, Maksud Bekalan B.52, Butiran 020000 iaitu Jalan dan Jambatan.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada masalah ini, maka saya suka membawakan masalah-masalah terutama sekali masalah yang selalu timbul di dalam kawasan pilihan raya saya di Rantau Panjang.

Yang pertamanya ialah masalah lebuh raya daripada Rantau Panjang ke Pasir Mas yang kalau saya tidak lupa ingatan saya, lebuh raya ini dirasmikan pembukaannya oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya sendiri pada tahun saya pun lupa. Jambatan ini adalah merupakan benteng air daripada sebelah Thailand menuju ke Rantau Panjang. Oleh kerana jambatan ini sebagai benteng, maka setelah wujudnya jambatan ini, berlakunya banjir di Rantau Panjang boleh dikatakan tiap-tiap tahun, lebih daripada luar biasa atau lebih daripada apa yang berlaku. Oleh hal yang

demikian, bagi pihak penduduk Rantau Panjang meminta supaya saya membawakan masalah ini kepada Yang Berhormat Menteri untuk mengkaji lebuh raya ini supaya dua buah jambatan di dua tempat perlu diwujudkan demi untuk mengatasi masalah banjir yang berlaku di pekan Rantau Panjang itu sendiri dan juga kawasan-kawasan yang terlibat di sebelah kawasan atas ke lebuh raya itu.

Yang kedua, masalah jalan raya juga dan jambatan. Jalan raya daripada Rantau Panjang menuju ke Tanah Merah melalui satu kampung dinamakan Kampung Panglima Bayu. Lebuh raya ini baru sahaja siap tetapi nampaknya tidak begitu baik, sekarang pun sudah ada tanda-tanda yang rosak. Apa yang saya hendak menarik perhatian ialah satu jambatan yang ada di Kampung Rahmat. Sebenarnya Kampung Rahmat ini ialah sesuai dengan satu masa dahulu Yang Berhormat Menteri Penerangan pergi merasmikan sebuah sekolah di kampung itu, kampung itu ditaruhkan Kampung Rahmat. Jambatan ini satu masa pagarnya di sebelah kanan rosak dan runtuh, kebetulannya tidak ada tanda ataupun tidak ada isyarat menunjukkan pagar runtuh. Maka pada malam itu lalu sebuah kereta maka kereta itu terhumban ke dalam gaung itu, nasib baik airnya tidak begitu dalam, pemandunya tidak luka, tidak bahaya tetapi keretanya adalah menerima kerosakan yang teruk. Sampai sekarang pun jambatan itu pembaikannya belum lagi siap. Saya mengharapkan kepada Yang Berhormat Menteri dapat membuat kajian supaya jambatan itu akan disiapkan tidak berapa lama lagi.

Yang ketiga, apa yang saya ingin sentuh ialah jalan raya ataupun jalan daripada Pasir Mas ke Kota Bharu. Jalan ini agaknya tidak begitu luas, jalan ini telah pun lama. Maka diharapkanlah kepada Kementerian ini membuat kajian supaya jalan ini

diperbesarkan kerana selalunya mendapati kesesakan lalu lintas terutama sekali di pekan Pasir Mas kerana jalannya tidak begitu luas.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 030000—Bekalan Air. Apa yang saya nampak dan pernah menerima aduan daripada pengguna-pengguna terutama sekali di pekan Rantau Panjang, bekalan air ini selalu terputus dan kadang-kadang bocor, yang boleh merosakkan bekalan air. Dengan hal yang demikian, diharapkan supaya pihak Kementerian dapat membuat kajian dengan teliti, supaya air ini di masa-masa akan datang tidak menjadi masalah lagi sebagaimana apa yang diterangkan oleh Wakil dari Pagoh tadi, walaupun kecil tetapi benda ini menjadi masalah kepada Kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud P. 52, muka surat 230, Butiran 01400—Jalan Kuala Krai Gua Musang Kuala Lipis/Raub. Jalan ini nampaknya daripada Raub sampai Kuala Lipis dan Kuala Lipis menghubungi Gua Musang terlampau agak teruk, maka insya Allah selepas daripada banjir ini diharapkanlah kepada Kementerian Kerjaraya dapat mengatasi masalah-masalah yang ada dalam kawasan Raub, Kuala Lipis dan juga Gua Musang.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 02800 iaitu Membaiki, Mengganti dan Menaikkan Taraf Jalan dan Jambatan. Masalah ini adalah masalah besar oleh kerana kita sebagai Wakil Rakyat manakala balik ke kawasan, apa yang diminta oleh pengundi-pengundi terutama sekali ialah masalah jalan-jalan mereka yang selalu boleh dikatakan tidak memuaskan, kalau musim hujan mendapati lecah, kalau musim kemarau didapati berdebu. Oleh hal yang demikian, saya mengharap-kanlah kepada Kementerian ini supaya pada tahun ini lebih banyak lagi jalan-jalan akan dinaikkan taraf dan juga

insya Allah akan ditaruh tar, moga-moga sungutan ini sedikit sebanyak akan dapat memuaskan.

Tuan Pengerusi, saya merujuk pula kepada Butiran 07000 iaitu Rancangan-rancangan Bekalan Air di Kelantan. Ini juga masalah terutama sekali kepada penduduk di luar bandar, maka rancangan air ini diharapkanlah kepada pihak Kementerian Kerjaraya supaya dapat membuat rancangan-rancangan yang agak sempurna supaya penduduk luar bandar tidak lagi menggunakan air-air yang kotor sebagaimana mereka yang selalu menggunakan di masa-masa yang sudah. Oleh hal yang demikian, rancangan ini saya mengharap-kanlah supaya diberi perhatian terutama sekali kepada penduduk di kawasan luar bandar.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat masa sudah cukup.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaakob:** Dengan ini, saya mengucapkan terima kasih dan saya sokong peruntukan di bawah Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Pontian.

*5.04ptg.*

**Tuan Law Lai Heng (Pontian):** Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada mukasurat 230, Maksud B.52 berkaitan 00700—Pembinaan Lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan.

Di sini saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat Menteri Kerjaraya berkaitan dengan jalan Tebrau di Johor Bahru kerana Jalan Tebrau itu sudah begitu lama dirancangan dan sedang diluaskan, tetapi apabila sudah diselesaikan sebahagian jalan-jalan itu didapati banyak simpang-simpang di antara Lebuhraya itu.

Saya mengesyorkan satu kajian patut dibuat supaya dikurangkan simpang-simpang juga boleh digunakan jejantas di antara Jalan Dato' Sulaiman dan Jalan Gris di Taman Seri Tebrau.

Yang Berhormat Menteri juga pernah melawat ke kawasan itu dan pernah membuat satu perjanjian akan mengelokkan jalan-jalan, seperti apa yang saya sebutkan sebentar tadi.

Selain daripada itu saya ingin juga membawa satu perkara iaitu muka surat 231, Butiran 02800—Memperbaiki. Mengganti dan Menaikkan Taraf Jalan dan Jambatan. Pada tahun-tahun yang lalu, jalan antara Skudai ke Bandar Pontian dimasukkan dalam buku dan telah diberikan satu peruntukan, tetapi pada kali ini saya sudah semak Buku Belanjawan ini tetapi ia sudah tidak ada dan mungkin ianya digantikan dengan Butiran 02800 ini. Jalan Pontian iaitu antara Jalan Skudai ke Bandar Pontian merupakan satu batang jalan yang begitu sibuk pada masa ini, kerana ada satu kampung pelancongan di Kukup Laut. Jadi jalan itu boleh dikatakan sesak sekarang ini, dan sebahagian sahaja jalan itu telah diperelokkan sampai UTM tetapi selepas itu sehingga sampai Pontian tidak ada apa-apa rancangan akan dibuat.

Saya berseru kepada Yang Berhormat Menteri yang ada dalam Dewan yang mutia ini supaya pembaikan jalan diteruskan dari persimpangan Skudai, Pontian sampai UTM dan saya berharap memperelokkan jalan ini dapat diteraskan dari UTM ke Bandar Pontian agar ia dapat membawakan lebih ramai lagi pelancong ke kawasan saya khasnya iaitu kawasan Pontian.

Satu lagi perkara yang saya ingin membawa perhatian kepada Yang Berhormat Menteri, iaitu mukasurat yang sama juga muka surat 231, Butiran 03300—Menaikkan Taraf

Tambak Johor. Ini adalah satu tajuk atau Butiran yang baru dan pengumuman mengenai ini telah pun diberi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri beberapa bulan yang lepas. Inf telah pun dimasukkan dalam Buku Belanjawan ini dan saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih. Pada masa ini Tambak Johor merupakan satu tambak yang sentiasa disebut-sebutkan orang kerana kesesakan jalan dan sebagainya diketahui bukan sahaja pada masa ini tetapi sudah beberapa tahun yang lampau. Pada tahun yang lepas pun saya pernah membawa perkara ini dan saya mengucapkan terima kasih. Saya telah pun membahaskan ini dalam perbahasan atas Titah Ucapan Di-Raja pada awal tahun dahulu dan sekarang ini sudah dimasukkan satu Butiran yang baru. Saya berharap supaya perkara ini betul-betul dapat dilaksanakan sebelum tahun 1990. Jangan kita hanya memasukkan \$26 juta ini sahaja mengikut anggaran di sini dengan tidak dapat ditetapkan pelaksanaannya. Saya harap ini dapat ditaksanakan supaya ia boleh digunakan oleh para pengguna dan juga para pelancong yang akan melawat ke negara Malaysia kita melalui Tambak Johor kita ini.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian yang penuh supaya pelaksanaan ini akan dilaksanakan sebelum tahun 1990 yang akan datang ini, dan ini akan membawa makna dan satu perkembangan kepada Malaysia amnya dan untuk penduduk-penduduk di Bandar Johor Bahru khasnya.

Dengan dua tiga pandangan ini, saya berharap sangat Yang Berhormat Menteri dapat melaksanakan projek ini bagi penduduk-penduduk di Johor dan khasnya di Pontian sepertimana saya utarakan tadi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.10 *ptg.*

**Tuan Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):**

Tuan Pengerusi, pertama saya ingin merujuk kepada 00700, mukasurat 230 iaitu Pembinaan lain-lain Jalan-jalan Persekutuan dan Jambatan-jambatan.

Saya hanya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Kerjaraya supaya pembinaan jalan-jalan Persekutuan dan jambatan-jambatan pada masa-masa akan datang diberi perhatian yang lebih kepada negeri-negeri di Pantai Timur dan utara di mana negeri-negeri ini memerlukan jalan-jalan yang lebih baik. Kita dapati bahawa jalan-jalan yang diangkat ke taraf jalan Persekutuan sudah barang tentu memperolehi peruntukan yang lebih dan pembinaan serta kegunaannya mungkin lebih selesa kepada pengguna-pengguna.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk juga kepada Butiran 02100—Memulih dan Menganti Jambatan dan lintasan keretapi yang diperuntukan sebanyak lima juta ringgit. Ini pun saya kira satu keutamaan (priority) sebab sebelum ini pun kita sudah dengar berbagai-bagai kejadian dan tragedi berlaku. Saya harap semua pemulihan lintasan-lintasan keretapi ini dipercepatkan. Kalau sesuatu jambatan itu rosak, kalau perlu diganti ataupun perlu dibuat yang baru, ianya saya kira dimestikan walaupun memakan belanja kerana ianya melibatkan nyawa orang ramai.

Saya juga merujuk kepada Butiran 02400-Jambatan Pasir Mas, Kelantan.

Saya dapati bahawa projek ini sudahpun dijalankan dan kontraknya diberi kepada anak syarikat SEDC Kelantan yang, kalau tidak silap saya, digabungkan dengan Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelantan. Yang saya ingin menarik perhatian ialah supaya pihak Kementerian dapat "monitor" dengan seteliti dan setegas mungkin supaya pembinaannya

mengikut jadual dan dapat disiapkan seperti yang diharapkan.

Saya ingin juga merujuk kepada Butiran 02700—Mengganti/Membaharui Jambatan Rosak di Laluan Persekutuan, muka surat 231.

Pandangan saya ini pun sama juga, iaitu memberi perhatian yang lebih sebab kita dapati jalan-jalan Persekutuan ataupun jambatan yang rosak menimbulkan banyak gangguan lalulintas kepada pengguna-pengguna.

Butiran 02800—Memperbaiki, Menganti dan Menaikkan Taraf Jalan dan Jambatan. Di sini sejumlah wang yang diperuntukkan ialah 74,250,410-besar peruntukan ini. Sekali lagi saya ingin menekankan supaya diberi keutamaan kepada jalan-jalan di luar bandar yang seharusnya diberi perhatian. Kita tengok walaupun ianya ada selama ini tetapi dari segi agihan peruntukan kepada jalan-jalan di luar bandar ini tidaklah begitu memuaskan.

Saya ingin merujuk kepada Butiran 03000—Penswastan Lebuhraya Utara/Selatan dan peruntukannya iaitu sebanyak 200 juta hanya boleh dibelanjakan dengan syarat mendapat kelulusan dari Perbendaharaan.

Yang saya ingin menarik perhatian ialah supaya pihak Kerajaan berhati-hati dalam sebarang pembayaran yang dibuat kerana projek ini projek penswastan. Jadi apa pun advance yang hendak dibuat kita harap tidak akan menimbulkan keraguan, kritik ataupun berbagai-bagai tuduhan nanti. Itu hanya sebagai pandangan dan ingatan.

Butiran 03100 Jalan Genting Highlands/Bukit Fraser/Cameron Highlands. Harga projek ini ialah sebanyak \$600 juta dan tahun ini diperuntukkan sebanyak \$30 juta sebagai Butiran baru.

Saya hendak minta projek ini, Tuan Pengerusi, kalau boleh, walaupun kita kira ianya penting mungkin dari segi

pembangunan untuk kemudahan-kemudahan pelancong yang hendak kita majukan Bukit Praser, Cameron Highlands dan Genting Highlands, tetapi dengan peruntukan yang besar ini iaitu \$600 juta dan tahun 1989 ini \$30 juta, kalau bolehlah projek ini ditimbangkan dan dilambat-lambatkan dan diberi kepada tempat-tempat lain yang lebih keutamaan.

**Saya berpendapat, Tuan Pengerusi,** ianya dari segi keadaan masa sekarang ianya tidaklah begitu mendesak diperuntukkan peruntukan yang begitu banyak bagi tujuan Jalan Genting Highlands/Bukit Fraser/Cameron Highlands ini. Saya percaya Yang Berhormat Menteri Kerjaraya pun ada mendengar sebelum ini kritikan-kritikan sedikit sebanyak bersabit dengan projek ini. Oleh itu elok sangat kalau boleh dikaji semula mengenai dengan memperbaiki ataupun memperbesarkan jalan baru ini iaitu Jalan Genting Highlands/Bukit Fraser dan Cameron Highlands ini dari segi keperluan masa sekarang memandang kedudukan ekonomi.

Yang akhir sekali, saya ingin menyentuh muka surat 232, Butiran 07000-Rancangan-rancangan Bekalan Air Negeri Kelantan.

Bekalan air ini sudah ramai yang cakap dan cuma ada satu perkara yang saya hendak tarik perhatian. Apabila kita menyediakan projek bekalan air untuk penduduk-penduduk di luar bandar, di kampung-kampung, paip-paip sudah pun masuk tetapi masyarakat penduduk luar bandar tidak boleh menggunakan kemudahan ini, Satu perkara yang paling besar menghalang mereka menggunakannya ialah walaupun paip-paip sudah masuk depan rumah, mereka terpaksa membayar deposit. Mereka terpaksa membayar wang bagi tambahan paip masuk ke rumahnya. Ada yang kena bayar beratus ringgit, ada yang lebih mengikut jarak rumah yang diduduki. Saya ingin tanya yang Berhormat

Menteri Kerjaraya sama ada beliau sedar atau tidak sehingga kalau ada sebuah rumah yang hendak air ini, harga hendak bayar paip dengan harga rumahnya, mahal lagi harga bayarpaip terutama rumah-rumah di luar bandar.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Pendek kata harga rumah-rumah yang usang ini tidak lebih dari \$700, \$1,000 ataupun \$500 dan kadangkadangkang tidak larat hendak dibelinya kerana rumah-rumah ini rumah atap, rumah usang. Tetapi mereka juga berhak mendapat kemudahan seperti rakyat lain. Mereka berhak kepada air bersih. Mereka berhak kepada bekalan elektrik. Mereka berhak kepada jalan dan mereka inilah yang menjadi tunggak kepada kekuatan bangsa dan negara kita. Maka sebab itu berulang kali kita membangkitkan perkara ini supaya bekalan air ini nanti, walaupun kita buat sama ada melalui projek Antah-Biwater ataupun di bawah rancangan seperti yang dimaksudkan ini, kita bawa paip-paip ini dimasuk bawah jalan-jalan dan kita belanja wang yang banyak, tetapi kalau air tidak mengalir, tidak dapat digunakan taedah oleh rakyat, maka ianya tidak bererti sama sekali.

Jadi, itulah saja pandangan saya dan saya ucapkan berbanyak terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang akhir, Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

5.27ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah (Lembah Pantai):** Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian di Kementerian ini di bawah Maksud P. 52, Butiran 020000—Jalan dan Jambatan muka surat 229, dengan peruntukan \$157,778,300.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh dalam soal ini. Saya tidak berhajat hendak menyentuh

panjang tetapi hanya saya mengharapkan kepada Kementerian ini agar jalan-jalan yang ada sekarang ini terutamanya jalan-jalan kampung dan juga jalan-jalan yang besar yang dahulunya digunakan sebagai jalanraya sebelum diadakan lebuhraya ini, diperbaiki dan diperbetulkan setiap masa. Tetapi sekarang kita lihat banyak jalan-jalan ini yang lekuk, yang pecah dan seterusnya tidak dikawal rapi. Dalam masalah ini saya mengharapkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat melihat jalan-jalan seumpama ini.

Dalam soal ini juga saya menyentuh mengenai jalan di kawasan Parlimen saya sendiri iaitu di antara Batu Enam dan Batu 14 Jalan Puchung. Kalau tidak silap, saya telah pun berulang kali menulis surat kepada pihak-pihak berkenaan tetapi hingga ke hari ini jalan itu masih belum lagi diperbaiki kerana begitu lekak-lekuk. Di samping itu juga di kawasan ini kepadatan penduduk telah pun bertambah iaitu pergi ke Puchung, Kinrara Hospital seterusnya ke Puchung dan Hicom mengikuti jalan yang tersebut. Jalan itu terlalu kecil buat masa ini. Saya rasa sudah tiba masanya pihak Jabatan Kerjaraya supaya dapat membesarkan jalan tersebut dan di samping itu memperbaiki jalan yang lekuk-lekuk di mana pelanggaran selalu berlaku terutamanya di tengah malam, apabila ada hujan, kadangkala di kawasan itu juga sungguhpun lampu jalan ada dipasang, selalu bulbnya terbakar dan sebagainya. Ini selalu berlaku dalam keadaan ini. Oleh itu saya mengharapkan supaya jalan ini diperbaiki seberapa segera yang boleh.

Soal yang lain dan jambatan ini, Tuan Pengerusi, saya melihat sebagaimana Ahli Yang Berhormat tersebut, kita banyak melihat jambatan-jambatan di luar bandar di kawasan-kawasan yang kita lalui terutama kita selalu balik ke kampung kerana kita asal daripada kampung,

melihat keadaan-keadaan jambatan-jambatan umpamanya baru-baru ini yang berlaku di Sungkai iaitu dekat utara sana yang telah pun pecah.'

Ini saya mengharapkan supaya Jabatan Kerjaraya, kerana keadaan ini selalu hujan dan banjir supaya dapat melihat dan meneliti ataupun memeriksa selalu jambatan-jambatan yang telah lama yang ada. Kita takut jambatan-jambatan ini tengah malam lalu pecah, kemungkinan kemalangan akan berlaku kerana kita tidak tahu jambatan tersebut sama ada boleh dipakai ataupun tidak kerana jarang dilihat ataupun diperiksa mengenai keselamatan jambatan-jambatan ini. Dan saya harap juga satu lagi-sungguhpun kita telah merdeka begitu lama iaitu masih terdapat jambatan-jambatan kayu. Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, kalau tidak silap saya, lebih kurang 50 lebih jambatan kayu masih ada dalam negara kita ini. Satu jambatan yang saya rasa penting juga iaitu jambatan yang menyeberangi di antara Lubok China dan Melaka. Lubok China dan Melaka itu bersempadan. Jambatan ini masih lagi jambatan papan. Lain-lain jambatan sungguhpun telah digantikan dengan jambatan batu, tetapi jambatan ini masih lagi papan yang selalu diganti. Saya rasa kalau telah dibetulkan lama dahulu dengan duit yang diguna untuk menggantikan papan-papan itu telah boleh mendirikan satu jambatan itu lebih awal lagi, lebih dahulu. Oleh sebab itu dalam masalah ini saya mengharapkan supaya jambatan yang tersebut dapat diperbaiki kerana saya selalu balik ke sana kerana orang rumah saya orang Melaka. Itu sebab saya tahu jambatan ini.

Tuan Pengerusi, di muka yang sama Butiran 030000—Bekalan Air. Bekalan Air ini juga di kawasan-kawasan luar bandar masih lagi kekurangan dan ada kalanya belum dapat lagi bekalan-bekalan air ini

disalurkan di kampung-kampung khususnya di bandar-bandar. Oleh itu saya mengharapkan supaya pihak Kerajaan dapat mempercepatkan sedikit bekalan-bekalan air ini di luar-luar bandar kerana pihak penduduk-penduduk luar bandar juga hendakkan kenikmatan untuk mendapat air yang bersih ini.

Di samping itu saya mengharapkan juga supaya pihak JKR mencari jalan bagaimana untuk memperbaiki kawasan-kawasan tangki-tangki air yang ada sekarang ini di kawasan bandar-bandar kecil yang begitu lama yang telah disediakan, kadangkala di kawasan itu paip-paip pun telah berkarat. Apabila kita berhenti umpamanya dari sini kita pergi ke Johor kita singgah di Air Hitam umpamanya, kita lihat selalu sangat tidak ada air di kawasan tersebut kerana dikatakan tidak mencukupi air. Begitu juga banyak di pekan-pekan lain serupa itu kerana bekalan air ini tidak mencukupi sedangkan penduduk-penduduk telah begitu banyak, rumah-rumah telah begitu banyak, tetapi bekalan tidak dapat mencukupi bagi keperluan di kawasan-kawasan tersebut.

Saya mengharapkan supaya pihak JKR mencari jalan, di kawasan-kawasan tersebut banyak sungai-sungai yang saya lihat dan bukit-bukit juga dengan air terjun supaya dapat dipertahankan air itu dan dibuat tangki yang baik dan dapat dibekalkan umpamanya di Batang Benar, Nilai dan Mantin, banyak bukit-bukau di situ, air-air terjun yang boleh digunakan tetapi air itu membazir begitu sahaja tidak dapat, sedangkan penduduk-penduduk kawasan-kawasan tersebut tadi memerlukan bekalan air yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, soal yang lain iaitu Butiran 040000—Bangunan-bangunan, mukasurat 229 juga, peruntukan \$25,833,900.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit lagi.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Sedikit sangat ini. Saya minta dalam dua minit. Ada mustahak lagi. Ini juga kalau tidak boleh, saya berhenti—itu tidak perlu, tidak penting, okay,

Saya masuk ke mukasurat 230, Butiran 01700-01—Skim Memperbaiki Lalulintas Kuala Lumpur/Petaling Jaya. Ini juga saya mengharapkan supaya memperbaiki jalan ini sebab ini amat penting terutamanya sebagai pintu masuk ke Kuala Lumpur dan juga ke ibukota negara ini dari lapanganterbang kerana lalulintas saya lihat begitu sesak, kadangkala tidak dapat hendak dilalui terutamanya apabila hari hujan dan juga keadaan-keadaannya.

Oleh itu saya mengharapkan dan juga di sini saya mencadangkan supaya satu laluan khas diadakan terutamanya di sebelah kiri daripada sini sehingga ke lapanganterbang kerana kita melihat keadaan kita hendakkan memperbanyakkan pelancong datang ke negara kita ini tetapi kalau mereka tergendala selalu dalam perjalanan, ini akan menyusahkan. Oleh itu saya cadangkan supaya diadakan satu laluan khas dan ini akan boleh dilalui oleh jalan-jalan lain yang membelok ke kiri, saya rasa ini akan menyelesaikan masalah yang saya sebutkan tadi. Oleh kerana masa tidak mencukupi, saya hendak sentuh sedikit lagi iaitu Butiran 02100—Memulih dan Mengganti Jambatan/Lintasan Keretapi. Ini amat perlu, kerana lintasan yang ada di Kuala Lumpur ini terutama di Jalan Templer dan lagi satu di Jalan Segambut Dalam, di sana jambatan-jambatan ini sangat menyusahkan penduduk-penduduk kerana apabila keretapi lalu terpaksa menunggu 15 ataupun 20 minit hingga keretapi habis lalu, baru kita dapat menyeberang.

Oleh itu saya harap supaya dapat diadakan jambatan dan di samping itu kita mengelakkan daripada ada kebakaran dan ambulan, Bomba dan sebagainya, kalau ada jalan keretapi itu tidak dapat melintas. Oleh itu dengan adanya keadaan ini saya rasa masalah ini dapat diatasi lebih-lebih lagi tentang jambatan yang saya sebutkan tadi.

Oleh kerana masa tidak mencukupi, saya mematuhi arahan, dengan ini saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Seremban, lima minit.

*5.26ptg.*

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Pengerusi, kita hari ini ada dengar banyak rayuan daripada Ahli-ahli kepada Menteri Kerjaraya. Saya harap oleh sebab sekarang dekat musim Krismas, saya harap Menteri boleh timbangkan rayuan-rayuan itu dan beri hadiah Krismas. Saya juga ada satu rayuan berkenaan dengan Jalan Seremban-Port Dickson kerana Yang Berhormat Menteri ada kata Jalan Seremban tidak berapa mustahak dan juga oleh sebab Kerajaan tidak ada wang, rancangan untuk meluaskan jalan itu dipostponekan.

Saya merayu ini ditimbang semula sebab Jalan Port Dickson/Seremban adalah mustahak untuk menarik pelancong-pelancong dan juga untuk kereta-kereta tangki gas atau tangki minyak. Hari-hari ada beratus-ratus kenderaan melalui Jalan Port Dickson/Seremban dan Kuala Lumpur. Saya harap Menteri dapat menimbangkan untuk meluaskan Jalan Port Dickson/Seremban, dan kalau tidak cukup wang, saya pun setuju dengan Ahli-ahli lain yang bercakap iaitu Jalan Genting Highlands/Fraser's Hill dan Cameron Highlands boleh dipostponekan sebab ia tidak berapa perlu dan tidak ada memberi faedah kepada rakyat kita

dan kita pun takut di masa akan datang jalan itu akan menjadi "white elephant" seperti East West Highway yang diperuntukkan sebanyak \$600 juta satu portion daripada jumlah ini, bukan semuanya boleh dipakai untuk Jalan Port Dickson/Seremban.

Dan juga di bawah Maksud P.52, Butiran 07800—Rancangan-rancangan Bekalan Air Negeri Sembilan. Di sini saya ingin memberitahu kepada Menteri berkenaan, ada dua kawasan di Negeri Sembilan yang sangat kekurangan air iaitu kawasan Bukit Pelandok dan Sepang dan juga kawasan Gemenchih. Tiap-tiap tahun penduduk di sana ada buat pengaduan tidak cukup air. Saya harap Menteri akan memberitahu sama ada rancangan Antah Biwater termasuk bekalan air kepada dua tempat itu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

*5.29ptg.*

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** 30 minit, Yang Berhormat.

**Dato' S. Samy Vellu:** Ya. Saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan berhubung dengan Kementerian Kerjaraya.

Kementerian Kerjaraya yang diberikan kuasa untuk mewujudkan infrastruktur yang sesuai bagi negara ini adalah satu Kementerian yang sungguh rapat dengan kehidupan harian rakyat negara kita. Dalam melaksanakan tugas-tugas ini kadangkala terdapat juga kekurangannya dan saya amat berterima kasih kepada Ahli Yang

Berhormat menyedar dan juga menunjukkan kekurangan-kekurangan tersebut. Saya juga berterima kasih kepada mereka yang telah mengenalpastikan kekurangan-kekurangan tersebut di mana dengan itu dapatlah kita berusaha untuk mengatasinya.

Kementerian Kerjaraya adalah satu Kementerian yang berorientasikan perkhidmatan. Ia perlu melaksanakan perubahan-perubahan yang mendatangkan menafaat hari demi hari bagi mewujudkan satu keadaan yang sungguh selesa dengan infrastruktur yang lebih sempurna kepada rakyat jelata. Kita berusaha sedaya-upaya yang kita mampu dan di dalam perkara-perkara yang mungkin berlaku. Kita akan cuba melaksanakan proses-proses bagi menyelesaikan segala permintaan-permintaan dari rakyat jelata secepat mungkin.

Ingin saya, Tuan Pengerusi, menjawab komen-komen yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya suka juga mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan hari ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas, Saratok, Bandar Kuching, Simunjan, Maran, Marang, Pagoh, Pengkalan Cepa, Rantau Panjang, Pontian, Pasir Mas, Lembah Pantai dan juga Ahli Yang Berhormat dari Seremban. Saya dapat tahu daripada perbincangan itu, Tuan Pengerusi, banyak di antara perbincangan itu dipusatkan kepada beberapa perkara-perkara.

Yang pertama ialah berkenaan dengan pembinaan Jalan Hill Resort Road, dengan izin, dari Genting Highlands ke Bukit Praser dan juga kepada Cameron Highlands. Saya telah pun jelaskan di dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali dalam Soal-Jawab Mulut dan juga dalam ucapan saya berkenaan dengan tujuan

Kerajaan untuk membina dan juga menyiapkan kerja itu dengan beberapa segera yang boleh. Seperti apa saya jelaskan dalam jawapan-jawapan saya, suka saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli dari Kerajaan dan juga Ahli-ahli dari Pembangkang yang telah menerima separuhnya penjelasan-penjelasan yang saya beri. Kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, saya menjelaskan sedikit iaitu kerja-kerja kontrak pembinaan Jalan Bukit Praser, jikalau dimulakan dengan beberapa segera yang boleh, saya janji kepada Ahli Yang Berhormat, kita akan mesti menjaga semua perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Berkenaan dengan pelancongan, pertanian galian dan juga bandar-bandar baru, seperti apa saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini di dalam jawapan, saya tidak suka membangkitkan isu-isu ini sekati lagi oleh kerana hari itu saya telah pun memberi satu penjelasan yang lebih terang untuk Ahli Yang Berhormat. Tetapi berkenaan dengan feasibility study dan juga internal returns, dengan izin, perkara-perkara ini sudah diselesaikan, tetapi saya tidak boleh meinberi apa-apa keterangan atas perkara itu oleh kerana juruperunding dan juga pakar-pakar lain sedang menjalankan beberapa kajian atas perkara ini. Saya percaya saya boleh juga menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat tidak berapa lama lagi apabila saya dapat laporan yang penuh atas perkara-perkara ini.

Berkenaan dengan jalan-jalan di negeri Sarawak yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, seperti apa saya janjikan kepada Dewan yang mulia ini dan juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, tidak berapa lama lagi dengan persetujuan daripada Kerajaan negeri Sarawak, saya akan

menubuhkan satu Cawangan JKR di Negeri Sarawak itu. Cawangan JKR, ibu pejabat, akan menjalankan tugas-tugas untuk memperbaiki keadaan jalan yang sedia ada di negeri Sarawak dan kita akan mengarahkan semua kerja dan juga projek-projek yang diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat supaya dilaksanakan oleh Jabatan Kerjaraya di negeri Sarawak itu. Saya dapat tahu mereka mempunyai banyak tugas-tugas sendiri dan tidak ada masanya untuk menjalankan projek-projek kita dengan seberapa segera yang kita minta daripada mereka. Oleh kerana itu, saya percaya .....

**Tuan Sim Kwang Yang:** Minta penjelasan, Tuan Pengerusi. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu gambaran sama ada wang yang diperuntukkan bagi JKR pada peringkat negeri Sarawak itu, wang yang diperuntukan setiap tahun itu akan digunakan dengan sepenuhnya ataupun 80% atau 50% ini sahaja. Dan yang lainnya adakah Yang Berhormat Menteri mendapat kerjasama penuh daripada khasnya Jabatan JKR di negeri itu dan amnya daripada pihak Kerajaan Negeri Sarawak, Adakah keputusan Kerajaan Persekutuan dipengaruhi oleh tekanan politik daripada ahli-ahli politik di negeri Sarawak?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching saya tidak mahu menuduhkan pegawai-pegawai atau Kerajaan Negeri Sarawak. Tetapi suka saya menjelaskan sedikit iaitu jikalau saya menerima sedikit lebih kerjasama daripada Kerajaan negeri Sarawak, saya percaya kita boleh juga menyelesaikan masalah-masalah jalan yang sedia ada di Negeri Sarawak. Dan juga suka saya memberitahu sebab mengapa saya ingin menubuhkan satu cawangan JKR Ibu Pejabat di negeri Sarawak iaitu saya

tidak mahu penduduk-penduduk dan rakyat jelata di negeri Sarawak ini, dengan izin, left out of the main stream of development. Inilah tujuan saya. Saya suka memberi akuan kepada Ahli Yang Berhormat, semua permintaan-permintaan .....

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** (Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, ya.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Saya dengar Yang Berhormat Menteri menyatakan kalau dapat "sedikit kerjasama" daripada Kerajaan Sarawak. Saya hendak dapat penjelasan, adakah yang sedikit kerjasama itu pun sehingga hari ini tidak mendapat kerjasama dari Kerajaan Sarawak?

**Dato' S. Samy Vellu:** Sedikit berertinya, Tuan Pengerusi, sedikit lebihlah. (Ketawa) Bukan bererti kita dapat sedikit kerjasama dari negeri Sarawak. Ada juga kerjasama. Saya percaya jikalau sedikit lebih, boleh jadi lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Simunjan yang membangkitkan isu-isu berkenaan dengan jalanraya di negeri Sarawak juga. Saya percaya jawapan yang saya beri kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching boleh juga diterima oleh Ahli Yang Berhormat dari Simunjan.

Ahli Yang Berhormat dari Maran telah membangkit beberapa isu berkenaan dengan projek bekalan air luar bandar, Suka saya menjawab kepada Ahli Yang Berhormat iaitu bekalan air luar bandar diberi berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh juruteraperunding dengan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri. Oleh kerana itu, dengan kerjasama daripada kedua-dua pihak itu, kita telah menetapkan beberapa

banyak projek yang kita sedang menjalankan. Saya percaya selepas 1992, kita boleh juga memberi atau membekalkan air kepada beberapa tempat di kawasan luar bandar dan juga ini boleh memberi hasil kepada penduduk-penduduk di luar bandar itu.

Ahli Yang Berhormat dari Marang telah membangkitkan perkara-perkara berkenaan dengan kemalangan kematian yang berlaku di jalanraya seperti di Terengganu kerana tidak ada side-table. Beliau mencadangkan untuk mengadakan side-table di jalanraya-jalanraya di seluruh tanahair kita. Beliau juga telah membangkitkan satu lagi perkara iaitu jalanraya baru dari Kuala Terengganu ke Ipoh hendaklah dibina dengan segera. Beliau juga telah membangkitkan satu isu lagi iaitu bagaimanakah bangunan-bangunan di dalam tanahair kita tidak ada identiti. Suka saya menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Marang itu, Kerajaan dan juga Jabatan Kerjaraya sedang mengkaji macam manakah kita boleh mengadakan sidetable kepada semua jalan yang sedia ada sekarang. Saya percaya tidak berapa lama lagi Jabatan Kerjaraya akan mengarahkan tiap-tiap Jabatan Kerjaraya Negeri untuk mengadakan sidetable ini apabila mereka memperbaiki keadaan jalan di tiap-tiap negeri itu.

Berkenaan dengan jalan baru dari Ipoh ke Kuala Terengganu, saya percaya ini tidak boleh diselesaikan sekarang. Dalam tahun 1981, Tuan Pengerusi, ada juga satu cadangan yang dibentangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri ketika Yang Amat Berhormat Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri. Di dalam cadangan itu ada satu permintaan untuk mengadakan satu rangkaian jalan baru dari Sungai Siput ke Fort Legak dan dari Fort Legak ke Kuala Berang untuk menyambungkan dengan bandar Kuala Terengganu. Tetapi ini tidak boleh dijalankan oleh kerana

masalah-masalah keselamatan menjadi satu masalah utama. Yang kedua, pada masa itu walaupun kita mempunyai banyak peruntukan dan kewangan di dalam tangan kita, tetapi apa jawapan yang saya dapati daripada pihak-pihak yang berkuasa untuk kewangan itu mereka tidak mempunyai cukup peruntukan untuk menjalankan projek itu. Walau bagaimanapun, sukalah saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat. Kajian atau dengan izin, preliminary engineering studies sudahpun selesai atas perkara ini tetapi kita tidak boleh menjalankan projek ini oleh kerana priority jalan itu tidak begitu utama. Itu sahajalah jawapan kepada Ahli Yang Berhormat daripada Marang.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Arau.

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Tuan Pengerusi, tadi saya tak dapat peluang bercakap oleh kerana masa telah dihadkan. Jadi saya hendak ambil peluang ini bertanya pasal jalan ini, sebab saya tahu Yang Berhormat Menteri ialah seorang yang boleh jawab bila-bila masa, beliau herolah dalam Kementerian ini.

Jadi, bolehkah soal ini dijawab, sungguhpun ini berlainan sedikit, tetapi fasal jalan juga. Tuan Pengerusi diharap benarkan sebab ini penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri. Sebut fasal jalan di Terengganu, ada satu jalan di Perlis, saya hendak bertanya fasal apa Lebuhraya daripada Utara ke Selatan itu tidak mula dari Perlis. Ini mungkin sudah dijawab dahulu tetapi pada hari ini saya hendak bertanya, Yang Berhormat Menteri sudah berjanji, kalau tak boleh daripada Padang Besar kita gantikan dengan Bukit Kayu Hitam. Yang Berhormat

Menteri hendak bagi daripada Alor Setar ke Kuala Perlis, tetapi saya tengok itu tidak termasuk dalam senarai peruntukan dalam tahun 1989. Adakah Yang Berhormat Menteri fikir hendak masukkan pada hari ini, yang boleh kita luluskan terus ataupun macam mana?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, saya tidak ada kuasa untuk memasukkan apa-apa peruntukan pada masa sekarang. Jika Ahli Yang Berhormat suka, saya bolehlah juga meminta Jabatan Kerjaraya di negeri Perlis itu untuk mengkaji macam manakah kita boleh menyelesaikan masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (Bangun)**

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Marang bangun.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya begitu terharu di atas jawapan positif mengenai dengan pembinaan jalan-jalan di bandar-bandar besar iaitu menyentuh berkenaan dengan side-table. Bolehkah Kementerian memberikan satu pengakuan iaitu mengutamakan terlebih dahulu dalam bentuk seberapa segera yang boleh terhadap tiga jalan utama yang diperlukan side-table di mana keutamaan ini berasaskan kadar kematian yang paling tinggi, misalnya jalan di Kuala Terengganu. Ia merupakan kadar kemalangan dan kematian yang kedua tingginya dalam Malaysia.

Yang pertama itu, saya rasa Kementerian mengetahui. Yang kedua, di Terengganu dan ketiga mungkin di tempat lain. Apa yang saya minta prioriti ini bukanlah dibina secara keseluruhan negara tetapi pada tiga jalan ini dan dalam lingkungan 20 batu daripada pusat bandar. Itu yang pertama.

Yang keduanya tadi dinyatakan bahawa jalan dari Kuala Terengganu, Kuala Berang ke Perak tidak dapat dibina walaupun sudah ada peruntukan dan kajian semasa pentadbiran Perdana Menteri Tun Hussein Onn. Saya kira perkara itu telah berlalu, masalah keselamatannya telah berlalu dan begitu juga peruntukan sudah berlalu. Tetapi saya masih belum jelas dan berkehendakkan satu jawapan yang konkrit apabila Yang Berhormat Menteri menyatakan tiada prioriti atau keutamaan yang sepatutnya diberikan kepada jalan ini. Atas alasan apakah prioriti ini ataupun keutamaan ini tidak diberikan sedangkan saya mempunyai alasan-alasan yang kukuh, misalnya dari segi perkembangan pembangunan ketara pentingnya. Atau misalnya dari segi perkembangan hasilnya, kalau dahulu di zaman Perdana Menteri dahulu, kita tidak pernah berjumpa dengan hasil minyak, hari ini minyak merupakan satu hasil yang utama. Kalau dahulu kita tidak mempunyai hasil getah atau hasil kelapa sawit yang membanggakan, tetapi hari ini membanggakan. Kalau dahulu hubungan antara Barat dan Timur kita rasa tidak berapa penting tetapi hari ini penting. Misalnya peningkatan penggunaan kapal-kapal udara, pesawat-pesawat udara ternyata begitu penting dan juga ini memerlukan satu penyelesaian kepada jalan darat.

Jadi, saya mintalah kenyataan Yang Berhormat Menteri menyatakan tiada prioriti itu dapat disokong dengan hujah-hujah yang boleh meyakinkan kami. Terima kasih.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu . . . . .

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Pengerusi . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, nanti dahulu, Yang Berhormat Menteri belum menjawab lagi atas penjelasan tadi.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Saya harap beliau boleh menjawab sekali gus.

Saya juga, ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bersabit dengan perkara yang dibangkitkan itu tetapi dalam angle yang berlainan sedikit iaitu tentang prioriti membina jalan dari Ipoh ke Fort Legak-Kuala Berang dan Kuala Terengganu dan saya sangat setuju seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang tadi. Kalau Perdana Menteri-Perdana Menteri dahulu mentadbirkan negara ini dengan tidak ada hasil minyak, tidak ada hasil yang begitu banyak, Perdana Menteri yang sekarang ini mentadbir dengan hasil minyak yang banyak, tetapi sudah tentulah harga minyak turun. Daripada segi prioritinya, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah untungnya ataupun apakah ruginya kalau kita teruskan dengan pembinaan Jalanraya Ipoh-Fort Legak-Kuala Berang-Kuala Terengganu kerana daripada segi penggunaan minyak ia dapat mengurangkan jauh perjalanan daripada Ipoh di negeri Perak ke Kuala Terengganu dengan tidak payah melalui Kuala Kubu ataupun tidak payah melalui Gerik, Jeli dan Kota Bharu. Apakah ruginya pula kalau kita tidak bina jalan ini sedangkan kita bersetuju untuk hendak membina jalan daripada Genting Highlands, Bukit Fraser dan Cameron Highlands yang berharga \$600 juta?

Yang kedua, saya tak nampak di sini persetujuan Kementrian untuk meneruskan pembinaan menyambung Lebuh raya Timur-Barat daripada Gerik ke Kuala Kangsar. Kalau Yang Berhormat Menteri dapat memberikan penjelasan yang lebih jelas, bilakah

jalan ini boleh dibina, dan kalau sudah diputuskan Ipoh-Fort Legak-Kuala Berang tidak mahu dibina, maka saya harap beliau dapat mempercepatkan pembinaan jalan Kuala Kangsar-Gerik-Jeli-Kota Bharu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, 10 minit lagi untuk mengakhiri jawapan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Ya, Tuan Pengerusi, saya suka menjawab kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Marang dan Bagan Serai.

Pembinaan Jalanraya dari Sungai Siput ke Kuala Berang itu tidak ada apa-apa kaitan dengan kebolehan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri-Perdana Menteri dahulu. Itu tidak ada apa-apa kaitan. Tetapi saya sebutkan itu terpulang kepada keadaan masa itu, manakah satu masa yang kita boleh menetapkan untuk mengadakan jalanraya itu.

Jadi, di tiap-tiap satu masa itu ada seseorang Perdana Menteri yang telah menjalankan tugas dan masa itu saya sendiri juga yang menjadi Menteri Kerjaraya. Ini bukan salah Perdana Menteri, jika ada apa-apa salah, saya percaya ini salah saya sendiri. Mengapakah saya katakan salah saya sendiri ialah oleh kerana tidak dapat peruntukan. Saya minta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya saya dapat lebih baik menjalankan saya punya tugas dengan terus.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan permintaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, suka juga saya menjelaskan kepada betiau iaitu tawaran telah pun dipanggil untuk memperbaiki Jalanraya Gua Musang ke Kuala Lipis dan kerja-kerja boleh dimulakan tidak beberapa lama lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas telah membangkitkan beberapa isu berkenaan dengan projek-projek

untuk memperbaiki jalan-jalan di negeri Kelantan dan juga berkenaan dengan bangunan-bangunan, rekabentuk bangunan dan selainnya.

Suka saya menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dan mengucapkan terima kasih atas pandangan-pandangan beliau, ke atas Kementerian saya. Untuk menjimatkan perbelanjaan bangunan-bangunan Kerajaan kita telah pun mereka bentuk kebanyakan bangunan-bangunan itu berhinctional. Berfunctional bererti kita menggunakan satu rekabentuk untuk beberapa banyak bangunan yang pada akhirnya nampaknya semua bangunan mempunyai rekabentuk yang sama.

Tetapi pada hari ini kita telah menukar fikiran kita sedikit. Banyak di antara bangunan telah dibina oleh Jabatan Kerja Raya contohnya Jabatan Kerjaraya Negeri iaitu di Labuan, Kuala Selangor dan Kota Bharu menunjukkan rekabentuk asal daripada tanahair kita. Saya percaya rekabentuk ini boleh menunjukkan apa yang dikatakan, dengan izin, the real architectural styles of the Malaysian Peninsula. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh nampak banyak di antara bangunan ini dengan rekabentuk baru. Pada masa sekarang pun Kementerian saya telah menjalankan beberapa kajian untuk mendapat tahu apakah bahan-bahan rekabentuk boleh digunakan dengan rekabentuk asal iaitu rekabentuk Melayu. Jadi ini ada dalam kajian Kementerian saya. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat oleh kerana beliau membangkitkan beberapa isu berkenaan dengan rekabentuk ini.

Juga, Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah membangkitkan beberapa isu iaitu berkenaan dengan membaca meter air. Yang kedua beliau telah meminta berkenaan dengan paip-paip lama yang berkarat dan tersumbat dalam masa 10 tahun dan penggunaan

paip ini menyebabkan berlakunya kekotoran dan juga kebocoran di dalam paip itu. Pada amnya, Tuan Yang di-Pertua, pembacaan meter ini adalah dibuat dua bulan sekali. Ini satu ketetapan yang dibuat oleh Jabatan Kerja Raya. Tetapi saya ada menerima beberapa aduan daripada beberapa pihak seperti apa yang dituduhkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Ini ada dalam penyiasatan sekarang dan saya percaya kita boleh menyelesaikan masalah ini apabila siasatan itu diselesaikan. Berkenaan dengan. . .

**Tuan Ahmad bin Omar:** Penjelasan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Saya minta Ahli Yang Berhormat meringkaskan penjelasan itu.

**Tuan Ahmad bin Omar:** Pendek sahaja, Yang Berhormat Menteri. Yang sebenarnya itu bukanlah tuduhan saya, saya hanya menyampaikan maklumat hasil daripada perkara-perkara yang telah disampaikan kepada saya. Saya fikir ini betul.

**Dato' S. Samy Vellu:** Saya katakan tadi tuduhan itu ialah daripada kebanyakan rakyat jelata yang menulis surat terus kepada saya. (*Ketawa*)

Saya suka menjelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun saya ada hubungan dengan Ahli-ahli Yang Berhormat terus, tetapi saya ada banyak hubungan dengan rakyat jelata, (*Ketawa*) oleh kerana mereka pernah telefon kepada saya pada pukul 12.30 pagi ataupun pukul 2.00 pagi kalau tidak ada air.

Jadi, saya akan mengambil perhatian perkara ini. Juga di kawasan-kawasan Pagoh dan Muar, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita telah pun membuat beberapa kajian untuk menukar paip-paip retrograsi yang sedia ada oleh kerana setengah paip itu telah diletakkan lebih daripada 20 tahun yang lalu. Saya percaya apabila kita selesaikan masalah mengenai

bekalan air di negeri Johor itu. Kita boleh memasang paip baru.

**Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulung bangun.

Dato' S. Samy Vellu: Ya, sila.

**Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan rumah yang disambung tentulah lebih ramai dia punya pengguna-pengguna. Tetapi adalah terlalu sukar kita untuk memohon penggunaan meter yang berasingan. Adakah ini boleh dipertimbangkan supaya meter air yang berasingan boleh diberi kepada tiap-tiap rumah yang kita sambungkan itu.

**Dato' S. S a m y V e l l u:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Tadi dalam ucapan Yang Berhormat dari Pasir Mas pun beliau telah membangkitkan isu yang sama. Walaupun kita beri paip besar di depan rumah juga, tetapi tidak ada peluang untuk menyambung kepada rumah sendiri oleh kerana mereka adatah daripada golongan yang berpendapatan rendah atau kadangkala kita dapat tahu tidak dapat apa-apa pendapatan. Jadi ini satu masalah yang dihadapi oleh Kementerian saya. Saya telah membangkitkan isu ini kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Jikalau boleh saya minta Yang Berhormat Kewangan supaya beliau memperuntukkan sedikit perbelanjaan atas penyelesaian masalah-masalah seperti ini.

**Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed:** Oleh sebab penggunaan sesebuah rumah itu terlalu banyak, jadi tuntutan bayaran adalah dikira sebagai digunakan oleh orang

yang berniaga itu, jadi rate atau harga kegunaan air itu terlalu tinggi tidak seperti rate yang biasa.

**Dato' S. Samy Vellu:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam lawatan saya ke beberapa tempat, saya telah memberi kelulusan khas kepada mereka untuk menyambung paip ke rumah-rumah sendiri. Jadi maknanya mereka tidak payahlah bayar melalui satu agen yang mana walaupun mereka gunakan air sebanyak 5 gelan sehari tetapi kena bayar untuk 15 gelan atau 20 gelan.

**Dato' Peter Tinggom anak Kamarao:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Saratok.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Pengerusi, saya lihat Yang Berhormat Menteri yang menggulung dekat mahu habis. Tetapi saya tidak ada dengar penjelasan kepada perkara yang saya sebutkan tadi. Adakah Yang Berhormat Menteri berjanji, kalau tidak sempat menjawab, untuk memberi jawapan secara bertulis kepada saya?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, saya cadang supaya diberi peluang sambung 10 minit lagi.

**Beberapa Ahli:** Kami sokong, kami bersetuju. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ada banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang. ....

**Dato' S. Samy Vellu:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat. ....

**Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed:** (*Bangun*)

**Dato' S. Samy Vellu:** Saya sudah jawab tadi, Yang-Berhormat.

**Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed:** Ada sedikit lagi mengenai bekalan air iaitu di kawasan saya masih lagi menggunakan stand-pipe. Saya fikir sudah tidak patut lagi dalain keadaan sekarang menggunakan stand-pipe kerana ini boleh menyebabkan orang kampung semua bergaduh di antara satu sama lain, orang ini letak baldi, orang ini alih; orang ini tunggu baldi dan, queue-up sebab hendakkan air. Saya harap perkara ini dapat diatasi segera dan digantikan dengan paip biasa.

**Dato' S. Samy Vellu:** Untuk makluman Yang Berhormat. dalam masa lawatan saya. ....

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Pengerusi. ....

**Dato' S. Samy Vellu:** Saya belum habis jawab lagi. ....

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tidak, saya hendak minta, Tuan Pengerusi. Saya ingat Yang Berhormat Menteri Kerja Raya punya jawapan menimbulkan minat dan berkehendakkan banyak penjelasan. Jadi, kalau Tuan Pengerusi terus gunakan kuasa dan tetapkan 10 minit sedangkan dia kena banyak "injury". Jadi beri dia "injury time" 20 minit lagi supaya kita dapat lebih penjelasan. Setuju tak?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Saya membenarkan injury time selama 10 minit. *(Ketawa)*

**Dato' S. Samy Vellu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dalam lawatan saya ke Johor Bahru, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya tahu juga ada banyak masalah-masalah seperti masalah stand-pipe. Tetapi dalam lawatan saya buat 10 kali ke Johor Bahru, lebih daripada 50 stand-pipe sudah pun digantikan. Lebih daripada 3,000 orang mempunyai paip sendiri di rumah-rumah mereka. Ini saya beri kelulusan. Tetapi ada satu masalah yang saya hadapi mengenai satu keputusan Kerajaan Negeri Johor yang

mana mereka tidak dapat memasang paip atau memberi bekalan air terus ke rumah oleh kerana kebanyakan rumah-rumah itu tidak dapat diluluskan oleh Majlis Daerahkah ataupun rumah setinggankah dan lain-lain sebab. Tetapi permintaan daripada saya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar walaupun mereka itu telah mendapat kelulusan daripada Majlis Daerahkah atau tidak, tetapi saya percaya mereka dapat kelulusan daripada Tuhan untuk menduduki dalam tanahair. *(Ketawa)* Oleh kerana itu, saya kata, kita mesti memberi kemudahan. ....

**Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Parit Sulung tidak boleh berdialog dengan Yang Berhormat Menteri. Ini yang akhir.

**Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed:** Saya ingin hendak memaklumkan satu lagi kepada Yang Berhormat Menteri iaitu kiranya Yang Berhormat ada kelapangan minta jemput datang ke kawasan saya kerana ada satu lagi jenis air yang digunakan oleh masyarakat dalam kawasan Parlimen saya iaitu dinamakan "air masyarakat"—ambil air dari gunung, dipasang buluh, disalurkan ke rumah. Jadi, saya fikir ini pun tidak patut lagitah digunakan bekalan air seumpama itu.

**Dato' S. Samy Vellu:** Yang Berhormat, saya boleh menyiasat perkara ini. Jika ada lebih sedikit peruntukan dalam Bekalan Air Luar Bandar, saya boleh menimbangkan kawasan Yang Berhormat, tetapi ini bukan bererti semua Ahli-ahli Yang Berhormat lain boleh minta peruntukan ini. Ini khas untuk seorang wanita yang telah pun membuat rayuan ini. *(Ketawa)*

**Tuan Chian Heng Kai:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ya, Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan juga daripada Yang Berhormat Menteri iaitu jetti Pengkalan Sultan Abdul Halim yang runtuh itu bila akan siap diperbaiki, oleh kerana pada masa sekarang orang ramai susah hendak naik ferri.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, itu tidak termasuk tajuk, ini fasal air. Jeti tidak termasuk, itu irrelevant.

**Tuan Chian Heng Kai:** Itu masalah berkaitan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Bukit Mertajam sila duduk. Kita sudah pergi sangat terkeluar dari tajuk.

**Tuan Chian Heng Kai:** Ini tanggungjawab Kementerian beliau.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, apabila kita minta penjelasan, mestilah dari apa yang Menteri kata.

**Tuan Chian Heng Kai:** Mungkin Yang Berhormat boleh jawab.

**Dato' S. Samy Vellu:** Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, saya tahu akan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, perkara ini ada dalam timbangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Jikalau mereka memperuntukkan wang untuk menjalankan projek, barulah ia boleh dimasukkan dalam kuasa Kementertan Kerjaraya. Masa sekarang tiada. Ini penjelasan kbas saya beri kepada Ahli Yang Berhormat. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Saya rasa sudahlah, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah:** Sedikit sahaja, Tuan Pengerusi.

**Dato' S. Samy Vellu:** Ya, sedikit bolehlah.

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah:** Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi menyebut ada satu tempat bekalan air masyarakat. Di kawasan saya ada tiga bekalan air masyarakat ini. Jadi adakah Yang Berhormat Menteri hendak menyasiat hingga ke tempat saya dan menggantikan di ketiga-tiga tempat ini?

**Dato' S. Samy Vellu:** Seperti saya umumkan tadi, hari ini saya beri keutamaan kepada wanita-wanita sahaja. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, itu kita boleh menyasiat. Tujuan Jabatan Kerjaraya iaitu untuk memberi khidmat kepada rakyat. Apabila Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan isu-isu daripada kawasan mereka, saya mengambil nota dan selepas itu saya menyasiat—bukan bererti perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong sahaja.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Saratok telah membincangkan berkenaan dengan jalan raya di Sarawak. Dalam jawapan saya tadi dengan umumnya saya beri penjelasan kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat iaitu dari Bandar Kuching, Simunjan dan juga Ahli Yang Berhormat dari Saratok, termasuk dalam jawapan itu.

**Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau:** (*Bangun*)

**Dato' S. Samy Vellu:** Ada lagi?

**Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau:** Tuan Pengerusi, jawapan

kepada Yang Berhormat yang lain itu iaitu fasal menurap jalan besar utama di Sarawak dan perjanjian yang Yang Berhormat akan ambil sampai tahun 1992. Tetapi penjelasan saya sebutkan tadi iaitu dari satu simpang jalan kepada simpang jalan yang lain iaitu Lembaga Tawaran Persekutuan telah berjanji di dalam bulan Mac tahun ini bahawa ia akan memikirkan perkara ini tetapi lapan bulan telah berlalu belum ada tanda-tanda yang saya lihat dan kerja belum dimulakan. Apa telah terjadi kepada perkara ini. Saya minta penjelasan sama ada benar atau tidak tawaran itu diberi kepada yang nombor dua rendah tetapi harganya mengikut yang rendah sekali.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, saya sendiri sebagai Menteri Kerjaraya, menghadapi beberapa masalah berkenaan dengan tender. Kerja-kerja sedang dilaksanakan oleh Jabatan Kerjaraya di negeri Sarawak dan Sabah. Ramai di antara pemborong-pemborong menawarkan harga lebih rendah daripada yang di Semenanjung. Saya tahu jikalau harga itu lebih rendah mereka mesti mendengar daripada kontrak ini, tetapi mereka dalam masa menawarkan untuk projek dia tidak ambil perhatian. Saya percaya projek yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat terjadi seperti itu dan apabila kita menghadapi masalah seperti itu kita mesti merujukkan perkara ini kepada Kementerian Kewangan untuk mendapat persetujuan daripada mereka. Walau bagaimanapun, saya akan menyiasat sendiri atas perkara ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Keluang bangun.

**Dato' S. Samy Vellu:** Boleh.

**Puan Ling Chooi Sieng:** Yang Berhormat tadi mengatakan beliau akan memberi keutamaan kepada

wanita hah ini. Saya di sini minta Yang Berhormat menimbangkan permintaan daripada penduduk-penduduk Kampung Gunung Lambak yang tiga batu sahaja dari bandar Keluang yang sampai sekarang belum mendapat air paip. Bolehkah Yang Berhormat menimbangkan permintaan saya?

**Dato' S. Samy Vellu:** Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat, saya minta Ahli Yang Berhormat menulis surat kepada saya dan saya akan menjelaskan kepada Yang Berhormat bahawa Keluang itu adalah kawasan Yang Berhormat, tetapi itu tempat lahir saya, kampung saya. (*Ketawa*) Tidak berapa lama lagi saya akan memberikan satu hadiah yang terbesar kepada Ahli Yang Berhormat tetapi saya tidak mahu sebut apa hadiah itu sekarang. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah membangkitkan beberapa isu dan isu adalah berkenaan dua batang jalan di Seremban dan juga beliau telah membangkitkan beberapa perkara berkenaan dengan penswastan jalan Seremban/Port Dickson. Suka saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dari Seremban. . . . .

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Dato' S. Samy Vellu:** Ya, boleh.

**Dr Eng Seng Chai:** On a point of Order, Tuan Pengerusi. Kalau tidak salah ingatan saya, Tuan Pengerusi kata 10 minit lagi, tetapi sekarang sudah lebih kurang 20 minit.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Baru 7 minit.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ada lagi 3 minit.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Pengerusi, baru 7 minit dan ada 3 minit lagi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ada 3 minit lagi.

**Dr Eng Seng Chai:** Tetapi itu tadi, sebelum ini.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Pengerusi, dia baru masuk. Duduklah.

**Dato' S. Samy Vellu:** Sudah hilang 2 minit sekarang.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Dia baru masuk, dia baru masuk.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tidak apa. Tuan Pengerusi, sepatutnya Tuan Pengerusi telah memberi masa saya sampai pukul 6.00. Dengan permintaan daripada sahabat-sahabat yang baik, saya dapat 10 minit tambahan lagi.

Sekarang saya menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Seremban dan Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya mesti dengar. Kalau tidak, kena masalah lagi. Sekarang saya jawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Seremban. Oleh kerana beliau minta satu perkara yang mustahak berkenaan dengan kawasan beliau dan juga berkenaan dengan jalan Port Dickson/Seremban.

Tuan Pengerusi, jalan Port Dickson ke Seremban walaupun Kerajaan telah mengambil satu keputusan untuk menswastakan tetapi selepas kajian, kita dapat tahu hasil daripada jalan itu tidak berapa banyak dan juga volume of traffic pun tidak herapa banyak dan tidak boleh diswastakan. Tetapi saya telah m.embincangkan perkara ini dengan Kerajaan Negeri Sembilan dan juga Kementerian Kewangan untuk mencari jalan macam mana kita akan memperbaiki keadaan jalan itu. Ini saya jawapan yang khas kepada Yang Berhormat dari Seremban.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, ini adalah bermakna selain daripada memperbaiki jalan yang sedia ada,

tidak ada projek yang baru untuk membina jalan yang baru.

**Dato' S. Samy Vellu:** Pada masa dahulu apabila kita merekabentuk jalan itu kita ikut dengan aliran-aliran yang sedia ada sekarang, oleh kerana itu kita boleh mengurangkan perbelanjaan atas projek. Ini ada dalam timbangan sekarang. Saya tahu Port Dickson jadi satu tempat yang mustahak untuk pelancongan.

Dan juga Ahli Yang Berhormat dari Seremban kata tadi kita boleh juga mengurangkan atau membatalkan projek Jalan Genting Highlands / Fraser Hill dan beliau kata projek itu pun boleh jadi satu projek "gajah puteh" seperti projek Lebuhraya Timur Barat. Suka saya menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini projek Lebuhraya Timur-Barat bukanlah satu projek "gajah puteh", tetapi hasil ini boleh didapati tidak berapa lama lagi. Pada masa itu saya boleh juga menjelaskan kepada Dewan ini apakah hasil-hasil daripada pembinaan projek Lebuhraya Timur-Barat. Ini ada dalam satu rancangan tetapi saya tidak boleh beritahu lebih keterangan kepada Ahli-ahli. . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Minta Yang Berhormat gulungkan.

**Dato'S.Samy Vellu:** Ya. Melalui jalan itu kita boleh selesaikan.

Dengan kata-kata ini, Ahli-ahli Yang Berhormat, itulah jawapan-jawapan daripada saya. Bukan kata-kata—saya minta maaf. Saya suka sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas peruntukan untuk Kementerian saya. Saya telah cuba memberi jawapan seberapa yang banyak saya boleh, tetapi lebih daripada itu saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat hubunglah

dengan saya, saya boleh cari jalan untuk menyelesaikan masalah mereka. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$351,917,000 untuk Maksud B.52 di bawah Kementerian Kerjaraya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$351,917,000 untuk Maksud B.52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,970,829,140 yang disebutkan dalam Maksud P.52 dalam Anggaran Pembangunan, 1989 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,970,829,140 untuk Maksud P.52 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1989.

*Maksud B.53 (Jadual)—*

*Maksud P.53 (Anggaran Pembangunan, 1989)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.53 dan Kepala Pembangunan P.53 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

6.13 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Pengerusi, bercakap di bawah Butiran 020000 mengenai Pengurusan dan Perundangan Tanah yang terkandung dalam muka surat 239, saya ingin membangkitkan persoalan penguatkuasaan berbagai undang-undang mengenai tanah dan satu yang

saya ingin maksudkan di sini ialah mengenai Akta Hakmilik Strata ataupun "The Strata Title Act, 1985".

Saya ingin mengambil peluang ini untuk menggesa pihak Kementerian yang berkenaan supaya menyemak semula Akta Hakmilik Strata 1985 dengan tujuan untuk memastikan ketetapan, kemampuan dan kecukupannya berkaitan dengan semua aspek pembangunan ke atas bangunan-bangunan yang dipecahbagi, pengeluaran surat hakmilik, pemilikan dan pengurusan hartabenda hakmilik strata. Adalah menjadi pandangan saya bahawa semakan itu perlu untuk meninjau kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam Akta Hakmilik Strata ini sejak ianya dilaksanakan dalam tahun 1985 dan mengambil langkah-langkah untuk menjadikan ataupun mengadakan pindaan-pindaan yang perlu bagi pelaksanaan Akta yang lebih baik.

Yang sebenarnya mengenai perundangan tanah, isu hakmilik strata ialah satu isu yang critical yang penting yang dihadapi oleh industri perumahan dan harta di negara ini. Adalah menjadi pemerhatian saya bahawa undang-undang bagi pecahbagi bangunan dikuatkuasakan di Malaysia adalah sebagai response kepada bertambahnya permintaan daripada mengemukakan perancangan bagi memperlengkapkan undang-undang dalam memenuhi keperluan. Sebagai akibatnya dalam situasi sebenar, langkah-langkah legislative tidak mampu menampung kemajuan dan pembangunan bandar yang sophisticated dan complex, malah dengan pelaksanaan Akta Hakmilik Strata 1985 ini tidak ada kemajuan yang nampak dibuat berhubung dengan pengeluaran hakmilik strata kerana pelbagai kekurangan dan kelemahan dalam sistem pentadbiran yang dipertanggungjawabkan dengan tugas mengeluarkan hakmilik-hakmilik strata.

Di bawah peruntukan-peruntukan dalam Akta Hakmilik Strata yang mana pemilik atau pemaju bangunan yang bertanggungjawab untuk menyerahkan hakmilik strata kepada pemilik-pemilik, pecahan adalah satu keperluan mandatory bagi pemilik berdaftar mengemukakan satu permohonan untuk memecahbahagi bangunan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh pengeluaran sijil kelayakan untuk menduduki sesuatu bangunan. Pada praktiknya kelewatan berlaku pada peringkat awal pengemukaan permohonan. Bagi mengemukakan sesuatu permohonan, sebilangan syarat dan kehendak perlu dipenuhi seperti kesediaan hakmilik terakhir ataupun "final title" ke atas tanah yang mana projek bangunan hendak dimajukan, di samping memberi kebenaran kepada "chargee" yang biasanya institusi kewangan yang membiayai pembangunan.

Pengemukaan sesuatu permohonan bagi pengeluaran hakmilik strata adalah juga bergantung ke atas kesediaan sijil kelayakan untuk menduduki. Banyak bangunan besar terutama di Kuala Lumpur diketahui tidak mempunyai sijil kelayakan bagi satu tempoh tertentu selepas disiapkan. Selagi sijil kelayakan itu lewat dikeluarkan, selama itulah permohonan hakmilik strata itu tidak dibersakan. Kelewatan dalam menyiapkan sesuatu permohonan boleh juga berlaku kerana ketidak-tentuan interpretasi pembangunan yang diluluskan tentang peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Akta Hakmilik Strata 1985.

Kelewatan dalam memproses permohonan hakmilik strata timbul kerana beberapa sebab, seperti submisi permohonan yang tidak lengkap, kekurangan pengataman, kepakaran atau pengetahuan, di samping kekurangan dalam Akta Hakmilik Strata. Jabatan berkenaan dalam Kementerian telah mendakwa bahawa

ia mampu memproses dan mengeluarkan hakmilik strata dalam tempoh 3 bulan. Pada praktiknya ini bukanlah halnya. Sebenarnya dalam setengah-setengah Pejabat Tanah mereka tidak mempunyai kakitangan yang cukup ataupun pengalaman dalam memproses dan mengeluarkan hakmilik strata. Akibat dari kelewatan yang berpanjangan dan pemerosesan dan pengeluaran hakmilik strata telah menjejaskan keyakinan orang ramai dalam membeli unit-unit dalam bangunan yang dipecahbahagi. Kelewatan dalam pengeluaran hakmilik strata telah membangkitkan serangkaian masalah yang menjejaskan semua pihak yang terlibat dalam pembangunan, pembiayaan dan pemilikan bangunan-bangunan yang dipecahbahagi.

Isu kritikal ini telah wujud melebihi suku dekad. Ia telah menjadi satu isu yang perlu disegerakan sekarang memandangkan pelbagai implikasi dan semakin hari masalah itu terus bertambah kerana unit-unit yang memerikan hakmilik strata semakin banyak di bina khususnya di bandaraya. Adalah sangat penting bagi pihak berkuasa berkenaan bersama-sama dengan sektor swasta mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk menyelesaikan masalah ini. Saya mencadangkan untuk perhatian Kementerian yang berkenaan supaya menubuhkan satu pasukan petugas khas untuk menyelesaikan perkara-perkara yang berikut:

- (i) menyemak Akta hakmilik strata tahun 1985 dengan tujuan untuk memastikan kecukupannya ataupun kemampuannya berkaitan dengan semua aspek pembangunan bangunan-bangunan yang dipecahbahagi, pengeluaran surat hakmilik, pemilikan dan pengurusan harta-harta hakmilik strata;

- (ii) menyusun satu daftar induk ataupun master register untuk semua permohonan yang dikemukakan sehingga kini bagi pecahbahagian bangunan dan satu analisis hendaklah dibuat mengenai status permohonan;
- (iii) menjeniskan semua permohonan yang diproses dan dikenalpasti masalah-masalah yang berkaitan dengan setiap kategori permohonan dan untuk menguruskan sesuatu kes dalam cara yang sistematik;
- (iv) menentukan satu rangka masa bagi penyiapan pemerosesan dan pengeluaran hakmilik berkaitan dengan permohonan-permohonan yang memenuhi syarat-syarat yang ditentukan;
- (v) menubuhkan satu penal penasihat untuk menyelaraskan dengan penilai-penilai berlesen bagi menyemak semula permohonan yang tidak lengkap dengan tujuan untuk menyelesaikan semua kes-kes outstanding, dengan izin, yang dikemukakan sehingga hari ini; dan
- (vi) mengendalikan semua permohonan baru dalam satu tempoh tertentu bagi memecah berlakunya tunggakan pada masa depan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit lagi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Dengan syor ini, saya harap bahawa perkara ini dapat diambil kira dan dipertimbangkan oleh pihak Kementerian yang berkenaan. Sekian.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Arau.

6.22 *ptg.*

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di bawah Maksud Bekalan B.53, muka surat 239.

Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap ini berlainan sedikit, sebab saya tidak mahu jadi macam kawan saya dari Simunjan, bila dia sudah keluar dari Kementerian Pendidikan, baru dia bercakap fasal pendidikan. Saya pernah bekerja di sana, tetapi saya tidak mahu bercakap fasal di sana nanti tidak sedap sedikit. Jadi saya hendak bercakap ini, Tuan Pengerusi, di bawah Pentadbiran Am dan Bangunan-010000-Perancangan. Saya hendak bercakap atas tajuk ini Tuan Pengerusi.

Semasa kita melancarkan FELDA, FELCRA, Lembaga-lembaga Kemajuan Tanah yang dibuat di negeri-negeri dan lain-lain lagi, ada satu perkara yang kita terlalai, Dato' Timbalan Menteri, iaitu kita tidak fikir bahawa yang kawasan-kawasan ini bersempadan dengan kampung-kampung tradisional.

Baru-baru ini saya telah bangkitkan, ini sebagai contoh, walaupun tidak berkaitan dengan ini, saya bangkitkan mengenai kampung-kampung baru yang bersempadan dengan kampung-kampung tradisional. Kalau kita hendak buat parit dalam kampung baru sahaja, tetapi apabila parit itu berhenti di kawasan kampung tradisional, maka kampung tradisional akan menerima acar dan juga air kotor, tetapi kita ucap terima kasih sebab Kementerian Perumahan telah berjanji untuk mengadakan terus perparitan itu sehingga ke kampung-kampung tradisional. Demikian juga saya lihat, ini saya perhatikan, apabila kita melawat di seluruh kawasan kemajuan tanah, kita harus sedar bahawa kawasan ini bersempadan dengan kampung-kampung tradisional, dan kita lihat terdapat perbezaan yang amat ketara di antara

mereka yang duduk dalam kawasan-kawasan kemajuan tanah dengan mereka yang tinggal dalam kampung tradisional.

Saya hendak cakap pendek sahaja, Tuan Pengerusi. Kita orang politik, kita harus ingat bahawa perkara ini tidak boleh dibiarkan mata memandang sahaja, kita harus buat sesuatu. Jadi, ke arah tersebut saya cadangkan supaya biar dia lajak sedikit. Kalau kita hendak buat jalan biar jalan itu lajak sedikit masuk ke kampung tradisional, kalau kita hendak buat pembangunan pun biar dia terlajak sedikit masuk ke kawasan tradisional. Kita tidak mahu melihat perbezaan yang ketara sebab kalau kita berjaya menaikkan taraf hidup mereka yang berada dalam kawasan rancangan, tetapi tiba-tiba jirannya itu masih di dalam keadaan yang lama dan perbezaannya nampak sekali ketara seolah-olahnya di kawasan rancangan itu mereka berada dalam tahun 1988 tetapi yang di sebelahnya masih lagi berada dalam tahun 1970 ataupun 1969—ketara sangat. Tidak payah kita beri jauh-jauh, saya beri contoh mengenai kawasan di Perlis, negeri saya, termasuk juga di Pahang, kalau hendak bandingkan dengan orang Asli lagi teruk, tetapi kita bandingkan dengan kampung tradisional yang didiami kebanyakannya oleh orang Melayu.

Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri sebagai orang yang menjaga perancangan dan juga pembangunan sosial dengan institusi itu melihat supaya perancangan ini, orang kata dilajakkan sedikit supaya apa yang kita buat di dalam Rancangan Kemajuan Tanah ini mendapat sokongan bagi semua pihak, supaya tidak timbul cemburu dan sebagainya. Sebab kita harus ingat bahawa walaupun kita dimaklumkan dan sampai sekarang ini saya akan pertahankan, bahawa kenyataan itu

tidak benar walaupun kelmarin pihak Kerajaan kata kita ada 75% hutan, saya kata tidak mungkin—kalau 75% fasal apa tidak beri apabila FELDA minta tanah, fasal apa tidak beri apabila RISDA minta tanah. Mesti hutan kita tidak sampai banyak itu. Saya jangkakan, mengikut perangkaan saya, sebab berdasarkan mata memandang sahaja bahawa kawasan hutan cuma antara 50% ataupun 40% sahaja. Kalau tidak, tentulah FELDA akan mendapat tanah tambahan dan sebagainya. Jadi saya mintalah—ini pendek sahaja saya sentuh—supaya kita memberi perhatian bagi kawasan-kawasan yang berjiran dengan rancarigan-rancangan kemajuan tanah, lajakkanlah sedikit supaya tidak nampak ketara perbezaan sosial dan juga ekonomi bagi penduduk-penduduk dalam kawasan rancangan dan juga mereka yang di luar rancangan.

Terima kasih, saya menyokong peruntukan Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Siputeh.

6.27 ptg.

**Tuan Liew Ah Kim (Siputeh):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 239, Butiran 020000—Pengurusan dan Perundingan Tanah.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran) :** Muka surat berapa?

**Tuan Liew Ah Kim:** Muka surat 239. Sungguhpun rakan saya Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bukit Bintang telah pun mengemukakan banyak cadangan-cadangan untuk mengubahsuaikan masalah ataupun kelemahan dalam pemerosesan strata titles, setakat ini saya ingin juga memberi sedikit sebanyak pandangan tentang perkara yang sama, oleh kerana ada terdapat banyak bangunan

kompleks ataupun apartment atau rumah pangsa di kawasan pilihanraya saya sendiri.

Tuan Pengerusi, isu yang sentiasa dibangkitkan dalam industri perumahan dan harta adalah pengeluaran hakmilik berasingan oleh kerana begitu pesatnya pembangunan bangunan-bangunan yang bertingkat-tingkat, maka Kerajaan telah membuat undang-undang iaitu Akta Hakmilik Berasingan, 1985 supaya menyesuaikan pembahagian pembangunan-pembangunan yang tersebut. Walaupun Akta tersebut dilulus dan dikuatkuasakan pada tahun 1985 sehingga hari ini tiada sebarang kemajuan yang dapat ditinjau berhubung dengan pengeluaran hakmilik berasingan. Semasa Belanjawan tahun 1987 di persidangan di Dewan yang mulia ini, saya telah menegaskan dalam ucapan saya bahawa terdapatnya kekurangan dasar dalam Akta tersebut serta consistency dengan Akta Kanun Tanah Negara 1965 (56) bagi memudahkan permohonan awal surat hakmilik berasingan.

Dasar-dasar yang berkurangan adalah seperti berikut:

- (i) tiada tempoh masa yang dikenakan ke atas tuanpunya tanah supaya memohon hakmilik terakhir ataupun tempoh masa yang diberi kepada Pengarah Jabatan Ukur untuk mengesahkan pelan ukur terakhir atau jangka masa untuk mengeluarkan hakmilik terakhir sebaik sahaja permohonan diterima;
- (ii) tiada tempoh masa yang ditetapkan untuk memproses, meneruskan dan mengeluarkan hakmilik berasingan oleh pihak yang berkuasa sebaik sahaja permohonan itu diterima.

Syarat-syarat yang asas di bawah peruntukan-peruntukan Akta Hakmilik Berasingan, 1985 adalah:

- (i) hakmilik tanah di atas nama bangunan didihkan hendaklah dibahagikan dan kemudian sebagai surat hakmilik terakhir;
- (ii) bangunan-bangunan yang disiap bina hendaklah mempunyai Sijil Layak Menduduki dan juga berbagai-bagai kehendak teknikal perlu ditunaikan.

Tuan Pengerusi, lazimnya alasan-alasan yang diberi oleh pemaju perumahan yang tidak mengikut peraturan Akta tersebut adalah kerana hakmilik terakhir belum diperolehi, maka hakmilik berasingan tidak boleh dipohon. Saya dapat meramalkan kesan-kesan yang memburukkan jika permohonan dan kelulusan hakmilik berasingan dilambatkan. Misalnya, menghadkan kebebasan menjual, meminjam wang dan dikenakan bayaran penyanggaraan oleh pihak pemaju,

Saya ingin mengulang lagi pindaan-pindaan berikut yang disyorkan oleh saya semasa sesi Parlimen tahun lalu:

- (a) mengenai pindaan ke atas Kanun Tanah Negara, Akta 1965 di mana sesuatu tanah dipegang di bawah surat hakmilik sementara setiap tuanpunya mesti dalam masa 3 tahun dari tarikh hakmilik berkenaan dikeluarkan harus memohon untuk menukar daripadanya kepada surat hakmilik terakhir dan pihak yang berkuasa perlu dalam sebulan selepas menerima permohonan tersebut, memproses dan mengeluarkan surat hakmilik terakhir itu;
- (b) mengenai pindaan ke atas Akta Hakmilik Berasingan, 1985, pihak yang berkuasa hendaklah memproses, melulus, mendaftar dan mengeluarkan surat

hakmilik berasingan dalam masa sebulan dari tarikh permintaan permohonan bagi surat hakmilik berasingan.

Jika faktor masa tersebut disatukan, saya percaya bahawa kedua-dua Akta iaitu Kanun Tanah Negara, Akta 1965 dan Akta Hakmilik Berasingan, 1985 akan dijadikan lebih praktikal dan bukan hanya dianggap sebagai langkah undang-undang untuk menunaikan kehendak-kehendak permohonan.

Berhubung dengan sistem pentadbiran untuk memproses permohonan surat hakmilik berasingan, saya juga berpendapat sama dengan Yang Berhormat dari Kawasan Bukit Bintang bahawa Kementerian perlu menubuhkan satu unit Strata Title Task Force di setiap peririgkat negeri dengan pegawai-pegawai yang terlatih untuk memproses semula semua permohonan hakmilik berasingan. Langkah ini bukan hanya mengurangkan perbuatan salah tetapi juga dapat memulihkan keyakinan bagi orang ramai yang ingin membeli bangunan-bangunan yang bertingkat-tingkat itu. Sekian.

**Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Maran.

6.35 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran):** Tuan Pengerusi, di bawah Kementerian ini saya ingin merujuk kepada muka surat 240, Butiran 050000—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan di mana peruntukan 1989 yang dipohon ialah \$100 juta.

Pertama, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah mengisytiharkan memberi hakmilik kepada peserta-peserta FELDA. Tetapi apa-apa yang ingin saya bangkitkan di shii ialah oleh kerana sebelum ini kita menggunakan sistem

blok dan juga sistem saham kita menggunakan ukuran keluasan tanah itu secara rambang, jadi apabila kita hendak memindahkan pemilikan ini kepada geran milik, saya rasa ada beberapa perkara ataupun masalah yang kita menghadapi. Pertama, walaupun kita menggunakan sistem blok 10 ekar bagi satu orang sama ada kelapa sawit, terutamanya ada di antara peserta itu kadangkala 10 ekar itu bukannya setempat, mereka itu di tempat lain 5 ekar dan di kawasan lain 5 ekar. Jadi, apabila kita hendak menentukan supaya mereka itu memiliki 10 ekar, kita akan menghadapi kekurangan tanah bagi mereka. Jadi, perlulah Kerajaan mengambil perhatian supaya 10 ekar yang diberikan kepada mereka itu betul-betul mengikut ukuran atau sukatan yang sebenar.

Yang kedua, apabila kita memberi hak milik, tanah-tanah itu ada yang lembah dan juga ada yang berbukit. Sistem blok, dia hanya secara koperasi mengusahakan tanah-tanah mereka. Jadi apabila kita memberikan hakmilik, kita akan menentukan tiap-tiap peserta itu mendapat kawasan masing-masing.

Dari segi kita hendak mengadili, perlulah kita mengambil perhatian supaya tidak menimbulkan masalah kepada kita. Dalam usaha kita untuk menentukan 10 ekar bagi tiap-tiap orang peserta, saya sukalah mencadangkan supaya pihak Kerajaan menubuhkan satu pasukan khas bagi memproseskan sukatan tanah-tanah mereka ini. Kita mesti menumpukan sepenuh masa bagi menyukat tanah-tanah mereka ini untuk menentukan supaya kita boleh berjalan dengan cepat dan boleh memberikan hakmilik kepada mereka dengan secepat mungkin. Kalau sekiranya kita hanya berjalan dengan secara Jabatan sahaja ataupun Kementerian sahaja, kita mungkin memakan masa yang panjang dan kita tidak dapat menyelesaikan dengan masa yang secepat mungkin.

Keduanya, kalau ada masalah tentang pembahagian tanah itu tidak dapat diselesaikan kerana lembah dan bukit dan sebagainya sebab kadangkala ada di antara kelapa sawit itu yang bukitnya itu tertalu curam lebih daripada 19°, jadi kalau orang ini memiliki tanah yang sedemikian rupa, memanglah sukar bagi mereka hendak memajukan tanah mereka dari semasa ke semasa kerana kecuramannya. Begitu jugalah sekiranya mereka mendapat tanah yang lembah. Jadi, kalau sekiranya ini berlaku, saya kira mungkin kita akan memikirkan kita akan menggantikan tanah di tempat lain, kalau tidak kita akan mendapat aduan yang tidak berhabisan daripada peserta-peserta. Itu perlu juga kita memikirkannya.

Selain daripada itu, sebenarnya di antara tanah-tanah yang kita berikan kepada peserta-peserta PELDA, adalah merupakan satu kawasan yang strategik, yang mungkin 10 ataupun 20 tahun akan datang merupakan tempat itu akan menjadi satu penempatan yang berjaya. Jadi, sudah barang tentu tanah-tanah ini kita akan menggunakan bukan sahaja untuk tanaman tetapi kita akan menggunakan sebagai projek perumahan dan juga perindustrian.

Jadi, Kerajaan pun perlu memikirkan tanah-tanah ini, ada kemungkinannya akan dipindah syarat daripada tanah pertanian kepada tanah-tanah untuk perindustrian ataupun untuk perumahan. Jadi ini juga kita mesti mengambil kira, mungkin satu masa tanah-tanah pertanian di FELDA ini akan dijadikan pindah syarat kepada tanah-tanah perumahan, mungkin diminta sendiri oleh peserta-peserta rancangan itu sendiri bagi menjadikan tanah pertanian mereka itu untuk dijadikan satu kawasan perumahan atau perindustrian. Sebab ada di antara tanah-tanah pertanian mereka ini selain berhampiran dengan bandar-bandar yang ada sekarang, kita juga

membuat kawasan-kawasan bandar di kawasan-kawasan yang berkenaan. Jadi apabila kawasan-kawasan tanah yang kita tentukan untuk membuat kawasan perindustrian dan perumahan tidak mencukupi, kemungkinan besar tanah-tanah pertanian ini juga akan dijadikan kawasan perumahan dan kawasan perindustrian, jadi itu juga perlu kita mengambil perhatian seterusnya.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 242, iaitu Ibu Pejabat yang tajuknya ialah 03 dan 04. 03 ialah Jalan-jalan FELDA dan 04 ialah Bekalan Air, muka surat 243.

Apa yang kedapatan sekarang ialah jalan-jalan di FELDA, kalau sekiranya FELDA yang dibina terlebih dahulu, mungkin 20 tahun dahulu, kebanyakan semua jalan dalam perkampungan telah dinaikkan taraf kepada tar, tetapi ada di antara FELDA-FELDA yang agak baru banyak di antara jalannya yang tidak mendapat tar, bahkan jalan-jalan penting, misalnya, jalan-jalan menuju ke sekolah, ke masjid dan sebagainya juga menggunakan tanah merah. Ini menjadi masalah kepada pelajar-pelajar dan juga kepada orang-orang yang hendak pergi ke masjid terutama di musim hujan. Ini amat menyulitkan kepada mereka, jadi oleh kerana keadaan ekonomi kita telah agak baik perlu ditimbangkan semula supaya sekurang-kurangnya kita memberikan taraf jalan tar kepada jalan-jalan ke tempat-tempat utama seperti sekolah, masjid dan sebagainya.

Begitu juga bekalan air. Bekalan air kedapatan kadangkala rancangan-rancangan yang sudah lama ini, ada di antaranya rumah-rumah yang letaknya di atas bukit. Jadi kadangkala sampai 3-4 hari tidak dapat air. Ini merupakan, satu mungkin perancangan kita tidak begitu kemas, maka kita tidak dapat membekalkan air ke semua kawasan yang mereka perlukan. Jadi

seeloknyalah kalau patut kita memperbaiki bekalan air kepada rancangan-rancangan FELDA lama yang tidak dapat air, perlulah kita memperbaiki masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka, ataupun kalau sekiranya kita membuka tanah-tanah baru perlulah kita menimbangkan perkara bekalan air ini supaya air ini diterima menyeluruh untuk semua rumah yang dibina.

Tuan Pengerusi, kedapatan di akhir-akhir ini, di kawasan-kawasan PELDA sebenarnya jarang sekali kita mengalami banjir, tetapi ketika ini di FELDA sendiri telah mengalami banjir, ini termasuklah di kawasan saya. Saya percaya ini kerana hutan telah banyak kita musnahkan ataupun kita tebang, jadi dengan sebab tidak ada penahanan ataupun takungan air, maka apabila hujan itu lebih sedikit akan menimbulkan banjir. Dahulu kalau kita mendengar banjir itu berlaku di tepi-tepi sungai dan sebagainya, sekarang di rancangan-rancangan pun telah berlaku banjir. Jadi perlulah kita memikirkan bersama, selain kita membuka tanah untuk rancangan, perlu juga kita memikirkan bencana alam daripada berlaku. Ini saya tidak tahulah di segi hakisan dan juga daripada segi lain yang terjadi, tetapi daripada segi apabila hutan-hutan banyak ditebang, maka banyaklah bencana berlaku seperti ribut dan juga banjir. Ini perlulah diambil perhatian oleh Kerajaan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Parit Sulong.

6.47 ptg.

**Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed (Parit Sulong):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Anggaran yang dipohon untuk Kementerian Kemajuan Tanah

dan Kemajuan Wilayah, lebih kurang \$1,403 billion, muka surat 241, Butiran 080000 iaitu Pihak Berkuasa Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah. Sekiranya tidak boleh saya masuk lainlah.

**Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Muka surat berapa Yang Berhormat?

**Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed:** Muka surat 239, Butiran 010100—Pentadbiran Am dan Kewangan. Saya pilih muka surat 241, kalau tidak boleh yang muka surat 239.

Pihak Berkuasa Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah sejak berita dan arahan diterima supaya Ibu Pejabat RISDA yang lama bertempat di Batu Pahat supaya berpindah ke Johor Bahru, saya telah mendapat banyak sungutan dan rungutan daripada pekebun-pekebun kecil, sedangkan lokasi yang sesuai untuk ibu pejabat ini patutlah terus kekal di Batu Pahat, kerana:

Pertama, kebanyakan boleh dikatakan 80% daripada pekebun-pekebun kecil adalah terletak dalam kawasan Johor Tengah, manakala di Johor Bahru kesemua ladang-ladang adalah milik orang kaya belaka, pihak swasta banyak yang milik. Sekiranya ibu pejabat ini dipindahkan ke Johor Bahru, tidakkah kesan ini akan menimbulkan kesulitan yang amat besar kepada pekebun-pekebun kecil, sudahlah pendapatan mereka tidak tetap, bila hujan tidak boleh menoreh, hendak pergi pula ke Johor Bahru kerana sesuatu urusan, kerana bila hendak menyelesaikan sesuatu masalah, mereka terpaksa pergi ke Johor Bahru, sedangkan tambang pergi balik kalau dengan taxi \$20, \$10 pergi, \$10 balik, masa lagi terbuang, ini belum masuk rokok, makan-minum, pendeknya tidak kurang \$30 mereka habis, pendapatannya belum tahu lagi.

Kedua, setahu saya Ibu Pejabat RISDA di Johor Bahru itu juga adalah untuk RISDA Wilayah, datang pula RISDA Batu Pahat yang dikatakan Ibu Pejabat Negeri ini masuk pula beramai-ramai ke situ, jadi ini tentulah akan menimbulkan delima, jadi bak kata orang tua-tua biar banyak rumah tetapi dan jangan ramai serumah.

Ketiga, pegawai-pegawai dan kakitangan serta anak-anak pegawai RISDA ini tentulah kebanyakannya masih hersekolah dan sudah lama bermastautin di Batu Pahat, tiba-tiba diarah berpindah ke Johor Bahru. Orang kata taraf hidup di Johor Bahru itu jangan kata dengan Batu Pahat, dengan Kuala Lumpur pun Johor Bahru jauh lebih tinggi. Di Batu Pahat masing-masing banyak yang sudah ada rumah sendiri, sampai di Johor Bahru kebanyakan mereka terpaksa menyewa rumah dan yang paling murah \$350, kemudian hendak sewa bas lagi hantar anak sekolah dan juga lain-lain perbelanjaan. Kalau pendapatan mereka setakat \$600-\$700, saya khuatirlah kata orang akan mendorong kepada barang dijauhkan Allah kepada pecah amanah dan lain-lain, sedangkan belanja berpindah itu pun makan ratus-ratus ribu ringgit juga dari Batu Pahat ke Johor Bahru. Jadi, saya haraplah supaya pemindahan ini dapat ditangguhkan dahulu sehingga tiba masa dan keadaan yang sesuai.

Lagi satu saya hendak sentuh berkenaan FELDA, biasanya FELDA ini dikurniakan selain daripada 7 ekar tanah, ada dahulu dikurniakan 2 ekar untuk tanaman dusun buah-buahan, tetapi sekarang tidak dengar apa cerita, kita dengar yang 7 ekar itu sahajalah yang dibahagikan kepada peneroka-peneroka PELDA, yang dua ekar atau 3 ekar untuk dusun itu tidak ada cerita. Jadi saya mintalah dihidupkan semula supaya kawasan-kawasan untuk dusun buah-buahan itu

dikurniakan lagi tambahan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pagoh.

*6.49ptg.*

**Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 241 dan 242, Butiran 00100 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan bagi 02 iaitu Pembangunan Utama, 03-Jalan-jalan PELDA, 05 Kemudahan Sosial dan 06—Bekalan Elektrik.

Tuan Pengerusi, kita amat bertenma kasihlah kepada Kerajaan kerana di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah banyak tanah-tanah yang telah dibuka untuk rancangan-rancangan FELDA dan seterusnya banyak lagi tanah-tanah baru yang akan dibuka bagi rancangan-rancangan FELDA. Dan selain daripada kelapa sawit ditanam getah serta koko di banyak kawasan-kawasan FELDA. Apa yang saya ingin sebutkan di sini ialah dari segi penempatan peserta-peserta di dalam rancangan-rancangan FELDA.

Yang pertama, ialah memang FELDA mempunyai dasar dari segi pemilihan peserta-peserta, hanya peserta-peserta yang mempunyai kelayakan yang diperlukan akan dapat menyertai rancangan ini. Tetapi saya ingin memberikan pandangan kepada Kementerian khasnya supaya menimbangkan juga kepada mereka yang tidak mempunyai tanah ini tetapi oleh sebab kecacatan mereka tetapi mempunyai keluarga, isteri dan ahli keluarga yang boleh membantu mengerjakan kawasan-kawasan yang akan diberikan pertimbangan kepada mereka ini.

Keduanya kepada mereka yang telah lama memohon untuk menyertai rancangan FELDA. Sebab ada di

antara mereka ini memohon sekali tidak dapat, memohon dua kali tidak dapat dan memohon beberapa kali tidak dapat. Kita nampak mereka ini bukan tidak mempunyai syarat tetapi mungkin syarat yang dipenuhi kalau dibandingkan dengan mereka yang telah berjaya mungkin mereka ini mempunyai syarat yang minima tetapi mencukupi. Jadi saya fikir bagi mereka yang dalam keadaan ini patutlah diberikan pertimbangan.

Selain daripada itu, dalam pembukaan kawasan-kawasan tanah FELDA biasanya akan mengambil kawasan-kawasan baru. Dan banyak kali berlaku dalam kes ini apabila kawasan-kawasan baru ini dibuka, hilanglah tempat bagi hidupan-hidupan liar seperti gajah dan lain-lain lagi. Banyak kali berlaku apabila tempat-tempat ini telah dibuka, ditanam dengan getah, kelapa sawit dan lain-lain lagi. Dengan adanya penempatan di situ, binatang-binatang ini kemudian datang untuk melawat kawasan ini. Mereka bukan sahaja melawat tetapi juga merosakkan tanaman-tanaman. Apa yang dijalankan oleh pihak pengurusan FELDA biasanya ialah dengan mengambil langkah untuk memagar kawasan-kawasan FELDA ini dengan pagar elektrik supaya ia dapat menjauhkan binatang-binatang ini keluar daripada kawasan dan menakutkan mereka untuk hampir ke kawasan ini. Tetapi saya fikir keadaan ini mungkin tidak begitu berkesan. Sebab kalau kita pagar sebahagian, mungkin binatang ini akan masuk ....

**Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Parit Sulong bangun. Minta penjelasan.

**Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed (Parit Sulong):** Yang Berhormat, saya pernah bertugas di Kementehnan Kemajuan Tanah dan Wilayah, membina pagar

elektrik memakan belanja berjuta-juta ringgit. Adakah Yang Berhormat tahu bahawa dengan menggunakan anjing saja sudah boleh menakutkan gajah-gajah liar daripada merosakkan tanaman-tanaman.

**Tuan Ahmad bin Omar:** Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat tetapi bagi peserta-peserta di kawasan-kawasan FELDA yang hampir keseluruhannya beragama Islam, mungkin mereka tidak dapat menggunakan anjing bagi mengbalau gajah, sebab mereka tidak boleh memelihara anjing. Apa yang saya maksudkan di sini ialah gajah-gajah ini akan mencari jalan macam mana hendak masuk ke dalam kawasan. Jadi, jika ada ruang yang sedikit pun mereka akan dapat masuk. Jadi saya berpendapat kalau perkara ini boleh kita buat satu cara jangka panjang walaupun kita memerlukan belanja yang agak besar tetapi kita akan dapat menjalankannya sekali untuk masa yang lebih panjang. Ini bermakna kita terpaksa mencari binatang ini, kita tangkap binatang ini dan kita alihkan ke kawasan yang lain, umpamanya kita letakkan di kawasan yang sedia ada; di kawasan Hutan Simpan Endau-Rompin atau kawasan-kawasan lain, di Taman Negara yang memangnya dikhaskan untuk binatang-binatang ini. Jadi saya fikir ini lebih ekonomi, menyelamatkan belanja dan untuk jangka panjang.

Selain daripada itu mengenai kawasan-kawasan FELDA, apabila kita menempatkan peserta-peserta, satu ciri yang istimewa di dalam FELDA ialah keseragaman dari segi rumah tempat tinggal mereka. Boleh dikatakan semua sekali sama. Kalau seribu unit ruttiah semua bentuk sama bilik, sama besar dan lain-lain lagi. Selepas mereka duduk di situ beberapa tahun, rumah akan berubah wajah. Sama ada bentuk rumah itu berubah di belakang, di tepi atau di hadapan. Kita memanglah gembira

melihat keadaan yang berubah sebab kita inginkan pembangunan daripada rumah kecil menjadi rumah besar yang lebih cantik. Tetapi adakah satu dasar yang dilaksanakan oleh FELDA sendiri dari segi bentuk-bentuk rumah di FELDA ini untuk membina rumah baru dan lain-lain lagi. Sebab apa yang saya maksudkan di sini ialah dari segi implikasi. Kalau kita tidak kawal peserta-peserta ini akan ada kesusahan disebabkan mereka hendak bina rumah besar mungkin mereka terlibat dengan hutang dan lain-lain lagi, banyak kesulitan-kesulitan yang ditanggung oleh mereka dan akhirnya menukar dan menyulitkan lagi pengurusan. Ini adalah perkara yang biasa kita lihat di kawasan FELDA pada hari ini.

Selain daripada itu dari segi keputusan Kerajaan untuk memberikan hakmilik tanah terus kepada peneroka-peneroka. Ini memanglah melegakan bukan saja kita Wakil Rakyat yang menghadapi masalah mereka yang selalu menuntut dan sekarang telah pun dilaksanakan, Kerajaan telah pun bersetuju. Tetapi adakah satu dasar yang betul-betul pasti dari pihak Kementerian hari ini untuk menentukan bahawa hakmilik ini apabila diberi grant dan sebagainya tidak akan terlepas dengan apa cara sekali pun. Sebab peneroka-peneroka ini ada jalan untuk menyelewengkan hakmilik mereka untuk keperluan tertentu yang akhirnya akan lari dari segi matlamat yang asal. Jadi kita hendakkan di sini satu kepastian, satu cara yang akan dilaksanakan oleh Kementerian. Bagaimana cara yang boleh menyelamatkan tanah ini tetap kekal kepada peneroka ini dan tidak terlepas kepada mana-mana pihak.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, kita biasa dengar tentang harga turun naik di dalam FELDA. Ada masa getah naik, ada masa kelapa sawit naik dan ada masa koko naik. Ada masa harga barang-barang ini turun. Dalam masa kenaikan harga mereka hidup

senang, mewah. Ada yang beli kereta, ada beti motosikal dan lain-lain lagi. Dalam masa susah mereka jual semua, motosikal atau kereta dan naik basikal atau jalan kaki. Saya nampak di sini di dalam FELDA ada JKKK dan JKKKlah yang merupakan satu bandan yang mentadbir di dalam FELDA selain daripada pengurusan FELDA.

Saya suka mencadangkan kalau umpamanya di dalam FELDA dalam masa keadaan begitu baik di mana pendapatan lumayan, kenapa tidak di adakan satu skim yang boleh dilaksanakan oleh JKKK, misalnya dibentuk satu tabung. Tabung ini boleh diisi dengan kewangan daripada pendapatan peneroka dalam keadaan lumayan boleh dipotong sebagai sumbangan kepada tabung ini dan dalam raasa mereka memerlukan, boleh digunakan wang dari tabung ini. Boleh mengatasi keadaan-keadaan sulit yang mereka hadapi dalam masa-masa tertentu supaya keadaan pengurusan tidaklah terganggu dan sentiasa stabil. Tidak ada rungutan yang akan dihadapi oleh pihak pengurusan.

**Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Ahmad bin Omar:** Masa sudah cukup. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Padang Terap ada 3 minit. Pukul 7.00 saya menjemput Timbalan Menteri menjawab.

6.58 ptg.

**Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Pengerusi, saya minta 5 minit, 3 minit baca muka surat pun tidak habis.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 240, Maksud B.53 Butiran 050000 iaitu FELDA, Kod

(Objek Am) 40000 Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap—\$100 juta.

Tuan Pengerusi, FELDA adalah satu agensi yang telah berjaya dan termasyhur di dunia ini. Oleh itu, saya cadangkan kita patut jaga imej FELDA dari segi appearance pejabat-pejabatnya, khususnya pejabat-pejabat yang di luar ataupun yang jauh dari Kuala Lumpur. Saya dapati bahawa hanya pejabat-pejabat projek yang berdekatan dengan Kuala Lumpur saja yang diindahkan dan diperbaiki. Memanglah kita faham bahawa ini adalah untuk lawatan pelawat-pelawat luar. Tetapi pejabat-pejabat di projek yang jauh dari Kuala Lumpur kebanyakannya tidak dihiraukan walaupun pengurus-pengurus tempatan telah meminta supaya ianya dibaiki dan diindahkan. Misalnya, Tuan Pengerusi, pejabat projek FELDA di Bukit Tembaga di Padang Terap di kawasan saya tidak mempunyai pagar langsung walaupun telah berkali-kali pengurus dan saya sendiri memintanya. Ketiadaan pagar ini menyebabkan banyak lembu-lembu yang dibela oleh peneroka masuk ke kawasan ini dan mengotorkan kawasan dengan najis-najisnya.

Tuan Pengerusi, saya percaya dengan \$100 juta yang diberi itu, yang diperuntukkan pada 1989 ini, pagar yang hanya menelan belanja \$2,000 itu, dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri memberinya.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran yang sama, saya ingin bertanya apakah prestasi usaha pembangunan penanaman kopi Robesta yang tidak berapa lama dahulu dlusahakan oleh Bahagian Pembangunan dan Penyelidikan FELDA. Adakah setakat ini FELDA berupaya menanam kopi Robesta ini secara komersial.

Tuan Pengerusi, kopi Robesta ini adalah satu tanaman yang belum

lagi didevelopkan secara menyeluruh di negara kita ini dan ianya adalah sungguh sesuai ditanam di tempat yang bermusim kemarau yang panjang seperti di utara tanahair dan ianya merupakan satu product yang bagus untuk dijadikan product FELDA.

Saya juga ingin menyentuh mengenai peranan FELDA di dalam bidang-bidang ekonomi hiliran. Apakah pencapaian-pencapaian FELDA di dalam hal ini. Saya tahu tidak berapa lama dahulu FELDA ada mengeluarkan majerannya sendiri. Kalau saya tidak silap namanya Majerin Purina, dari minyak kelapa sawit dan juga lain-lain barang tagi seperti kerepek pisang dan lain-lain barang keluaran peneroka-peneroka FELDA, iaitu barang yang sudah sampai kepada tahap untuk penggunaan di pasaran tetapi sehingga kini barang-barang ini tidak terjumpa di pasaran. Mengapakah FELDA teragak-agak atau malu-malu untuk mempertengahan usahanya dan seterusnya barang-barang ini? Bidang ekonomi hiliran yang patut diceburi oleh FELDA secara besar-besaran adakah satu langkah yang logik di dalam pembangunan FELDA untuk menyesuaikan pembangunan FELDA dengan arus pembangunan ekonomi kita sekarang ini iaitu ke arah ekonomi industri.

Tuan Pengerusi, melalui penceburan FELDA di dalam ekonomi hiliran ini, satu saluran institusi-institusi untuk menyalurkan lebihan ekonomi ataupun "economic surplus" dan juga lebihan penduduk dari projek-projek FELDA ke dalam bidang industri boleh berlaku. Dan sekali gus masalah sosial FELDA seperti masalah generasi kedua boleh diatasi dengan menyalurkan mereka ke sektor pengilangan dan juga perindustrian yang boleh dikawal oleh FELDA sendiri tanpa memindahkan masalah sosial ini kepada agensi lain.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, muka surat 241, P.53, Butiran 00100, Tajuk 03 Masalah Jalan Dalam Rancangan FELDA di muka surat 242, sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Maran tadi iaitu \$96.9 juta telah diperuntukkan.

Tuan Pengerusi, rancangan-rancangan FELDA yang lama yang lebih 15 tahun ataupun 20 tahun patut diberi pertimbangan dalam hal ini kerana pertama sekali rancangan-rancangan ini telah pun membangun dan telah pun mencapai tahap pembangunan yang tinggi yang mana kalau dahulu tidak ada motokar, sekarang sudah berpuluh-puluh motokar, kalau dahulu tidak ada motosikal sekarang berpuluh-puluh motosikal, hasil daripada kejayaan FELDA sendiri.

Saya menyokong saranan sahabat saya dari Maran supaya kawasan-kawasan ini ataupun projek-projek FELDA seperti ini seperti di Lubok Merbau di kawasan saya dan juga Bukit Tembaga patut ditarkan jalan-jalannya, supaya ianya disediakan untuk dijadikan projek FELDA ini sbagai pusat pertumbuhan di kawasan perdesaan. Di muka surat 241 mengenai Pihak Berkuasa Pekebun-kekebun Kecil.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, minta maaf iaitu diberi \$70 juta. Saya berharap di dalam \$70 juta peruntukan yang banyak diberi untuk memperbaiki jalan-jalan kampung yang dirosakkan oleh loji-loji RISDA.

Tuan Pengerusi, RISDA telah banyak membangunkan kawasan-kawasan perkampungan dengan projek mini-mini estetinya. Dalam proses usaha pembangunan ini, RISDA telah menggunakan banyak loji-loji berat yang menggunakan jalan-jalan kampung dan kebanyakan jalan-jalan kampung itu rosak, tetapi malangnya RISDA tidak ada peruntukan untuk memperbaiki jalan-jalan kampung.

Jadi, di sini saya mintalah di mana ada projek mini estet, saya minta pihak RISDA untuk memperuntukkan sedikit wang untuk memperbaiki jalan-jalan ini supaya tidak menda-tangkan kesusahan kepada rakyat-rakyat lain yang tidak mendapat manfaat daripada projek RISDA itu kerana jalan-jalan ini adalah penting untuk keselesaan seluruh penduduk-penduduk di kawasan itu.

Dengan itu, sekian dan saya sokong peruntukan ini.

**Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

*7.05 mlm.*

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membahaskan peruntukan bagi Kementerian ini dan saya akan memberikan jawapan secara umum dan secara spesifik tentang perkara-perkara yang saya fikirkan patut di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Saya suka mula dengan memberikan sedikit penjelasan di atas perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Arau, tentang cara perancangan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah kita mengatur kegiatan-kegiatan. Saya suka menjelaskan iaitu semua Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah kita telah merencanakan kegiatan-kegiatan mereka itu untuk menokok-tambah kemudahan-kemudahan yang ada di tempat-tempat yang sedia ada itu ataupun di tempat-tempat yang baru. Saya suka menegaskan di sini di semua Lembaga Kemajuan Wilayah kita, kita sentiasa mengambil kira untuk

menokok tambah kemudahan yang ada di dalam kampung-kampung tradisional kita. Ini satu perkara yang kita berikan penekanan di dalam setiap kegiatan yang kita buat, malah di setiap Lembaga Kemajuan Wilayah yang ada itu, program-program yang menokok-tambah kemudahan, baik dari segi kemudahan-kemudahan asas ataupun tempat-tempat kemudahan berniaga dan kemudahan-kemudahan riadah, kesemuanya itu diambil kira oleh pihak tiap-tiap Lembaga kerana untuk hendak menampung dan memenuhi apa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Arau supaya jangan seboleh-bolehnya wujud jurang perbezaan yang begitu ketara di antara kawasan-kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah kita ini dengan kawasan-kawasan kampung-kampung tradisional kita.

Dan saya sukacita memaklumkan pada peringkat ini iaitu pada masa ini selain daripada kegiatan-kegiatan umum yang kita laksanakan di dalam kawasan-kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah ini, kita juga tidak lupa untuk menekankan tentang betapa perlu dan pentingnya kawasan-kawasan perkampungan ataupun kampung-kampung tradisional yang ada di dalam persekitaran kawasan-kawasan Lembaga itu diterapkan juga dengan berbagai bentuk kemudahan.

Saya percaya apabila lebih banyak lagi kemudahan-kemudahan ini sempurna dilaksanakan nanti, maka ini akan dapat merapatkan ataupun mengurangkan apa jua perbezaan yang ada di antara kawasan-kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah dengan kampung-kampung tradisional yang kedapatan di kawasan persekitaran pembangunan tersebut.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Sedikit sahaja penjelasan. Saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian ini dan sebenarnya apa Yang Berhormat sebutkan tadi. Cuma saya hendak sebutkan di

Kawasan Lembaga Kemajuan Tanah, contohnya saya minta ini sebab perkara ini mungkin dioverlook dan sebagainya, dengan izin, contohnya macam di Ladang Tebu Perlis berdekatan ialah kawasan kampung tradisional, macam peluang-peluang pekerjaan biarlah diberi kepada orang-orang yang berdekatan macam hendak tebang tebu. Demikian juga di tempat-tempat lain, tidak diambil daripada orang jauh, termasuk orang Siam, berilah orang dekat dahulu. Dari segi infrastructure is very good, tip-top, first class tetapi dari segi ekonomi dan juga sosial mungkin Yang Berhormat boleh pertimbangkan untuk masa-masa hadapan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.**

**Yunus:** Terima kasih. Tuan pengerusi, memang menjadi salah satu pendekatan yang kita buat untuk seboleh-bolehnya menampung masyarakat yang berhampiran dengan Lembaga-lembaga Kemajuan Tanah kita ini, juga di dalam penyertaan mereka di pelbagai bidang kegiatan, bukan sahaja perekonomian, tetapi juga kegiatan-kegiatan yang lain. Tetapi masalah yang timbul sedikit kadangkala, saya perhatikan, khususnya kalau disebut di Cuping, Perlis, saya maklum iaitu mereka yang mendapat kontrak ataupun satu-satu kerja di tempat itu berdepan dengan masalah untuk hendak mendapatkan orang tempatan bekerja bersama-sama mereka dan ini menyebabkan mereka terpaksa mengambil pekerja-pekerja dari luar, khususnya daripada negeri jiran kita itu. Saya sentiasa menasihatkan pihak-pihak yang berkenaan supaya mengambil kira penyertaan dan meningkatkan penglibatan masyarakat setempat di dalam apa juga kegiatan yang ada di dalam Lembaga-lembaga Kemajuan Tanah kita ataupun FELDA kita ini. Kita memang berhasrat untuk tidak mewujudkan kerenggangan ataupun apa-apa bentuk jurang pemisahan di antara masyarakat yang ada di dalam

FELDA dengan masyarakat yang ada di persekitaran rancangan-rancangan pembangunan tanah itu.

Tuan pengerusi, saya beralih kepada Ahli Yang Berhormat dari Maran dan juga Ahli Yang Berhormat dari Pagoh yang telah membangkitkan beberapa perkara tentang soal FELDA.

Pertama sekati, soal perubahan dasar yang telah dibuat oleh Kerajaan dari segi pemberian hakmilik secara individu kepada peneroka-peneroka FELDA. Saya sukacita memaklumkan kepada Dewan yang mulia iaitu sejak pengisytiharan itu dibuat, pihak Kementerian dan juga FELDA telah pun mengambil beberapa tindakan untuk menyempurnakan keputusan dasar itu. Antaranya termasuklah kita telahpun membentuk 3 buah Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pengeluaran Hakmilik yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian.

Kedua, jawatankuasa Ukur yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian dan satu lagi Jawatankuasa yang kita bentuk ialah Jawatankuasa Pengurusan Ladang. Ini dipengerusikan oleh Pengarah Besar FELDA sendiri. Jadi, ketiga-tiga Jawatankuasa ini berkewajipan dan bertanggungjawab untuk mengambil dan menyelaraskan setiap tindakan yang perlu diambil bagi memenuhi keputusan dasar yang telah dibuat oleh Kerajaan itu.

Saya suka memberi jaminan iaitu apabila Kerajaan memberikan ataupun mengeluarkan hakmilik individu kepada peneroka-peneroka FELDA, maka kita akan mengenakan beberapa syarat yang khusus yang akan kita terapkan di dalam surat hakmilik yang akan diberi bagi memastikan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi supaya hakmilik itu tidak terlepas kepada orang lain.

Kita di pihak Kementerian memang sedar tentang keadaan ini dan kita harap menerusi, tindakan-tindakan pengurusan yang kita buat ini nanti, kepentingan peneroka dan juga kepentingan FELDA dan Kerajaan keseluruhannya akan mendapat sama-sama kita pelihara di masa-masa akan datang.

Saya juga menjangka ada beberapa perkara seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Maran tadi akan berbangkit di dalam proses melaksanakan pengukuran dan pengeluaran hakmilik nanti, terutama sekali dari segi menentukan tempat-tempat ataupun lot yang akan diberikan kepada peneroka-peneroka kita.

Saya suka memberi jaminan iaitu kita akan cuba, merundingkan perkara ini, dengan pihak peneroka menerusi jentera-jentera yang ada di dalam FELDA supaya ianya nanti pada akhirnya akan memberi suatu kepuasan, terutama sekali kepada peneroka-peneroka kita di dalam masa mereka menerima hakmilik ataupun surat hakmilik yang akan disampaikan kepada mereka nanti.

Satu lagi perkara yang ....

**Tuan Ahmad bin Omar:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Pagoh bangun.

**Tuan Ahmad bin Omar:** Minta penjelasan. Berhubung dengan pemberian hakmilik tanah tadi sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah taraf hakmilik nanti untuk kita memastikan supaya tanah ini pasti berada di tangan setiap pemilik sama tarafnya atau ditarafkan sama dengan taraf Tanah Rizab Melayu umpamanya ataupun tanah bebas. Sebab ini ada kaitan dengan nilai tanah ini sendiri kemudian. Sekian.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Terima kasih. Inilah antara perkara-perkara yang akan dipertanggungjawabkan kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang telah saya sebutkan tadi. Semua perkara itu akan kita rundingkan dan akan kita selaraskan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri kerana kita kena ingat kuasa untuk mengeluarkan surat hakmilik itu terletak kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Jadi setiap keputusan yang hendak dibuat itu mestilah dipersetujui terlebih dahulu oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada masalah jalan-jalan dalam Rancangan-rancangan FELDA. Jalan-jalan dalam Rancangan FELDA boleh dibahagikan kepada dua atau tiga. Yang pertama sekali ialah jalan-jalan masuk. Jalan-jalan masuk mengikut aturan dan peraturan yang ada sekarang ini memanglah ditar oleh Kerajaan. Satu lagi jenis jalan ialah jalan-jalan dalam perkampungan FELDA. Jalan-jalan ini sehingga 1984. Pada ketika itu semuanya boleh ditar sekiranya ada peruntukan kewangannya. Tetapi dalam 1984, Kerajaan telah mengubah aturan dan peraturan ini ataupun dasar ini di mana jalan-jalan di dalam perkampungan rancangan-rancangan FELDA tidak ditar lagi dan memadai dengan taraf jalan tanah merah sahaja. Namun demikian, saya suka memaklumkan pihak Kementerian telah mengemukakan balik soal ini kepada Kerajaan supaya dapat dikembalikan kedudukan ini seperti asal supaya jalan-jalan di dalam kawasan-kawasan kampung ini juga dapat ditar. Saya percaya Kerajaan akan memberikan apa juga pertimbangan yang difikirkan wajar untuk menampung kehendak yang telah disuarakan oleh bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi juga oleh ramai pemimpin-pemimpin peneroka di tempat masing-masing.

Saya beralih kepada . . .

**Tuan Ahmad bin Omar:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pagoh minta penjelasan.

**Tuan Ahmad bin Omar:** Ini berkaitan dengan jalan-jalan FELDA. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jalan-jalan FELDA ini, saya ingin kepastian, adakah jalan-jalan FELDA ini jalan yang diuruskan oleh FELDA atau jalan-jalan Negeri atau jalan Persekutuan, saya ingin penjelasan. Sebab ini ada masalah dalam masa penyelenggaraan jalan, jalan yang rosak perlu dibaiki, meminta jalan supaya dinaikkan taraf dan lain-lain. Sebab biasanya apabila kita kemukakan kepada Kerajaan sama ada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat, timbul masalah iaitu ini ada persoalan. Soalnya ialah jalan ini ialah jalan FELDA dan menjadi tanggungjawab FELDA untuk menentukan jalan ini baik. Dan begitu juga persoalan daripada satu pihak. Jadi, saya ingin penjelasan dalam Dewan ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Jalan-jalan ini adalah di bawah tanggungjawab FELDA sendiri seperti jalan-jalan kampung dan jalan-jalan masuk. Kita diberikan peruntukan untuk menguruskan pembinaan jalan-jalan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya suka beralih kepada soal bekalan air di tempat-tempat yang tinggi di dalam rancangan-rancangan. Saya suka menjelaskan kadang kala kita tidak dapat hendak mengelakkan, sebab tanah-tanah yang diberikan kepada FELDA ini semuanya tanah-tanah kelas dua, kelas tiga yang tersembunyi, yang tersorok di merata tempat dalam negara kita ini.

Jadi, apabila kita rancangan pembukaan dan penempatan

peneroka-peneroka kita ini, ada setengah-setengah tempat itu memang benar kedudukan tanahnya agak tinggi dan sukar hendak dibekalkan dengan kemudahan air. Namun demikian, saya suka memberikan jaminan, kita akan cuba mencari jalan untuk memastikan mereka yang tinggal di tempat-tempat yang agak tinggi itu supaya dapat dipertingkatkan tekanan air itu menerusi pembinaan loji-loji di masa-masa yang akan datang supaya tidak ada peneroka-peneroka kita tercicir di dalam mendapatkan ataupun menikmati bekatan air di tempat masing-masing.

Mengenai soal musuh tanaman di dalam tanah-tanah rancangan, memang benar kita menghadapi kerugian yang besar akibat daripada serangan musuh-musuh itu dan kita telah cuba berikhtiar untuk mengatasi masalah ini.

Kita telah cuba mengadakan "electric fencing" tetapi nampak gaya kadangkala gajah-gajah itu pun lebih cerdik daripada manusia dan usaha kita itu pada akhirnya tidak dapat hendak menyelesaikan masalah dan kita cuba lagi untuk memindahkan, terutama sekali gajah-gajah itu kepada kawasan-kawasan tertentu seperti di Taman Negara dan kita dapati belanja untuk memindahkan gajah-gajah itu terutama sekali begitu besar dan perkara ini telah pun kita adakan perbincangan banyak kali dengan semua peringkat. Tetapi nampaknya belum juga dapat kita atasi dan kita maklumlah memang kita mengalami kerugian yang besar juga akibat daripada serangan daripada musuh tanaman itu, terutama sekali gajah dan kita akan terus berusaha untuk mencari jalan bagaimana gayanya masalah itu dapat diatasi di masa-masa yang akan datang.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan, Tuan Pengerusi, ialah tentang kedudukan dan keadaan

rumah-rumah peneroka FELDA itu. Saya suka menjelaskan iaitu rumah-rumah yang disediakan itu memanglah sebagai asas dan kita memang tidak membekalkan satu garis panduan apabila tiba masanya peneroka-peneroka itu mampu untuk mengubahsuai rumah-rumah itu. Ini mengikut selera masing-masing dan kita fikirkan juga dengan cara ini mungkin kita akan dapat memberikan satu bentuk kepuasan kepada peneroka-peneroka sendiri untuk mewujudkan satu tempat tinggal yang lebih selesa mengikut selera masing-masing dan kita tidak mengadakan apa juga garis panduan kecuali kita menyediakan rumah yang asal itu sebagai asas untuk mereka bertapak di dalam rancangan-rancangan kita.

Tentang masalah harga getah yang turun naik yang kadangkala menjejaskan pendapatan peneroka-peneroka dan menimbulkan serta mencetuskan satu suasana yang kadangkala resah dan gelisah di rancangan-rancangan itu, kita memang tidak dapat hendak mewujudkan atau pun mengadakan satu peraturan bagi memastikan peneroka-peneroka disyaratkan untuk dipotong pendapatan mereka bagi kegunaan satu tabung untuk mengatasi apa juga masalah apabila timbul, khususnya apabila kedudukan harga itu merosot: Namun demikian, mengikut pengalaman kita seperti dua tahun kebelakangan dahulu apabila harga kelapa sawit turun dengan begitu teruk, FELDA telah mengadakan satu skim yang menjamin pendapatan peneroka-peneroka kita dan peneroka-peneroka akan membayar semula kepada FELDA menerusi skim yang telah kita adakan itu. Kalau peneroka-peneroka hendak juga mengadakan tabung yang demikian, ini boleh mereka buat menerusi jentera yang ada, khususnya menerusi JKRR dan kita tidak boleh hendak menyogokkan satu-satu perkara untuk diterima oleh peneroka-peneroka.

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, Ahli dari Maran bangun.

**Tuan Haji Mobamad bin Abdullah:** Tuan Pengerusi, harga kelapa sawit, kalau tak silap saya dahulu dibeli oleh FELDA dengan harga yang agak berbeza dengan sekarang yang dikelolakan oleh PORLA. Kadangkala satu tan BTB itu harganya berbeza sampai \$5-\$10. Apakah sebabnya berlaku demikian?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Pengerusi, masalah harga ini memang tak putus-putuslah dijadikan sebagai satu topik yang begitu menarik di rancangan-rancangan FELDA tetapi dari segi cara kita menguruskan urusanniaga ataupun jual beli ini memang ada aturan dan peraturan dan ada Jawatankuasa di peringkat rancangan yang sentiasa mengawasi perjalanan jual-heli itu. Dari segi Kerajaan telah pun mengambil tindakan-tindakan yang kita fikirkan munasabah untuk memastikan peneroka-peneroka mendapat pulangan yang sebaik mungkin daripada usaha-usaha yang mereka buat itu dan kadangkala walaupun begitu, keadaan itu tetap dihujah oleh peneroka-peneroka dan pihak-pihak yang lain.

Tetapi sebagai untuk memudahkan perkara ini, kita sekarang ini mengambil harga yang dikeluarkan oleh PORLA sebagai garis panduan untuk kita, menghitung dan menentukan harga yang diberikan kepada peneroka-peneroka itu.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya hendak meneruskan dengan memberikan penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap mengenai kegiatan ekonomi hiliran yang dibuat oleh FELDA. Berhubung dengan perkara ini, saya suka

menjelaskan iaitu dari segi kegiatan-kegiatan hiliran ini memang banyaklah yang telah dikelolakan oleh FELDA tetapi hasil-hasil itu belum begitu menonjol kerana hasil-hasil itu Jebanyakannya dipasarkan di dalam rancangan-rancangan FELDA menerusi kedai-kedai yang diuruskan oleh FELDA sendiri ataupun perbadanan niaga FELDA sendiri. Insya Allah, kalau diizinkan, di masa-masa yang akan datang kita dapat meningkatkan, menambahkan pengeluaran ini, mungkin satu masa nanti hasil-hasil ini akan dapat kita tojalkan dengan lebih ketara lagi di dalam pasaran tempatan kita.

Tentang kedudukan pejabat, memanglah keadaan pejabat-pejabat kita di peringkat rancangan itu mungkin standardnya kurang sedikit, tetapi, insya Allah, saya akan ambil perhatian atas pandangan daripada Ahli Yang Berhormat itu supaya pandangannya ataupun pemandangannya agak lebih elok lagi di masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong tentang perpindahan Pejabat RISDA daripada Batu pahat ke Johor Baharu, sekarang ini apa yang kita cuba buat ialah untuk memperkembangkan lagi jentera pengurusan kita. Saya suka memberikan jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa walaupun Ibupejabat yang ada di Batu Pahat itu dipindahkan ke Johor Baharu tetapi di peringkat Batu Pahat itu akan diadakan juga Pejabat Wilayah kita untuk memastikan kesinambungan pengurusan di antara RISDA dengan pekebun-pekebun kecil kita. Dan ini kita bukan sahaja di Johor tetapi juga di seluruh negara kita ini sebagai satu cara untuk secara beransur-beransur untuk memperkembangkan dan mempertingkatkan lagi keberkesanan perkhidmatan yang disalurkan oleh RISDA kepada pekebun-pekebun kecil kita.

Tentang pemberian tanah seluas dua ekar untuk dusun, perkara ini yang sebenarnya kawasan dua ekar yang kita berikan kepada peneroka-peneroka dahulu untuk tamanam dusun itu banyak yang gagal. Jadi, tanah itu telah ditanam dengan kelapa sawit yang sebenarnya, dan itulah sebabnya tidak kedapatan lagi, tidak kelihatan atau pun kurang kelihatan kawasan-kawasan dusun yang diberikan seluas dua ekar itu kerana telah ditanam dengan kelapa sawit.

Akhir sekali. ....

**Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat boleh sambung besok sedikit lagi.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Terima Kasih.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.*

